

**HUBUNGAN PENGLIBATAN IBU BAPA DENGAN
KEMAHIRAN SOSIAL KANAK-KANAK DI PUSAT ANAK
PERMATA NEGARA**

NORA AZUA BINTI ZAINI

**FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2020

**HUBUNGAN PENGLIBATAN IBU BAPA DENGAN KEMAHIRAN SOSIAL
KANAK-KANAK DI PUSAT ANAK PERMATA NEGARA**

NORA AZUA BINTI ZAINI

**DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI SEBAHAGIAN KEPERLUAN
BAGI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK**

**FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2020

**UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: Nora Azua Binti Zaini

No. Pendaftaran/Matrik: PGF140005

Nama Ijazah: Ijazah Sarjana Pendidikan Awal kanak-kanak

Tajuk Disertasi: Hubungan Penglibatan Ibu bapa dengan Kemahiran Sosial kanak-kanak di Pusat Anak Permata Negara

Bidang Penyelidikan: Pendidikan Awal kanak-kanak

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh: 02/09/2020

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh:

Nama:

Jawatan:

ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk melihat hubungan penglibatan ibu bapa dengan kemahiran sosial kanak-kanak di Pusat Anak PERMATA Negara. Dari segi pembangunan kemahiran sosial, penglibatan ibu bapa dapat memudahkan pembangunan pendekatan disiplin yang konsisten di rumah dan sekolah. Pengetahuan tentang hubungan penglibatan ibu bapa dengan kemahiran sosial ini juga dapat memberi pendedahan dan membantu ibu bapa khususnya dalam memahami kepentingan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti anak-anak bagi meningkatkan kemahiran sosial kanak-kanak di mana kemahiran ini merupakan salah satu kemahiran yang sangat penting dalam menyediakan individu menghadapi kehidupan abad ke-21 khususnya. Kajian ini merupakan kajian korelasi yang menggunakan kaedah tinjauan yang menggunakan soal selidik. Soal selidik ini ditadbir oleh sampel kajian iaitu ibu bapa kepada 148 orang kanak-kanak berumur 4 tahun di sekitar PAPN Zon Tengah. Seterusnya, data dianalisis menggunakan sistem SPSS bagi memerihail dan mengukur darjah perkaitan antara penglibatan ibu bapa dengan kemahiran sosial kanak-kanak. Dapatan kajian menunjukkan tahap penglibatan ibu bapa kanak-kanak PAPN adalah sederhana manakala tahap kemahiran sosial kanak-kanak juga pada tahap sederhana. Selanjutnya terdapat hubungan yang signifikan antara penglibatan ibu bapa dengan kemahiran sosial kanak-kanak dan juga dapatan kajian mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam penglibatan ibu bapa dan kemahiran sosial kanak-kanak berdasarkan status sosioekonomi ibu bapa (tahap pendidikan dan tahap pendapatan ibubapa. Secara kesimpulan, penglibatan ibu bapa sangat penting sama ada di sekolah mahupun di rumah dan ianya telah memberikan input positif dan sekaligus telah membantu dalam perkembangan sosial seseorang kanak-kanak.

**RELATIONSHIP BETWEEN PARENTAL INVOLVEMENT AND SOCIAL
SKILLS AT PUSAT ANAK PERMATA NEGARA**

ABSTRACT

The purpose of this study was to examine the relationship of parental involvement with children's social skills at the PERMATA Negara Children's Center. In terms of social skills development, parental involvement can facilitate the development of a consistent discipline approach at home and school. Knowledge of the relationship of parental involvement with these social skills can also expose and assist parents in particular in understanding the importance of parental involvement in children's activities to enhance children's social skills, which is one of the most important skills in providing individuals face 21st century life in particular. This study is a correlation study using a survey method using questionnaire. The questionnaire was administered by a sample of parents of 148 4-year-olds around the Central Zone PAPN. Subsequently, data were analyzed using the SPSS system to describe and measure the degree of association between parent involvement and children's social skills. The findings show that the level of involvement of parents of PAPN children is modest while the level of children's social skills is moderate. Furthermore, there was a significant relationship between parental involvement and children's social skills as well as the findings showed that there was no significant difference in parental involvement and children's social skills based on parental socioeconomic status (education level and parental income level. As a conclusion, Parental involvement is very important both at school and at home and has provided positive input and has contributed to the social development of children.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah bersyukur saya ke hadrat Ilahi, kerana dengan limpah kurnia dan Keizinannya, akhirnya dapat jua saya menyempurnakan kajian ini sebagai memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (Pendidikan Awal Kanak-kanak). Penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan khas kepada Dr Fonny Dameaty Hutagalung, selaku penyelia kajian sarjana ini diatas segala bimbingan, tunjuk ajar, teguran dan nasihat Dr Fonny sepanjang tempoh penulisan kajian ini hanya ALLAH S.W.T sahaja yang mampu membalasnya.

Ucapan penghargaan dan terima kasih juga saya tujukan kepada pihak Bahagian PERMATA kerana telah memberi saya peluang untuk menjalankan kajian di Pusat Anak PERMATA Negara. Terima kasih juga kepada semua ibu bapa bagi kesemua Pusat Anak PERMATA Negara Zon Tengah kerana sudi menjadi sampel kajian dan menjawab soal selidik serta memberikan kerjasama kepada saya sepanjang tempoh penyelidikan ini dijalankan.

Tidak dilupakan terima kasih yang tidak terhingga kepada keluarga tersayang terutamanya arwah ayah yang pernah memberikan sokongan dan bimbingan kepada saya untuk meneruskan pengajian ini sehingga berjaya, kepada ibu, suami dan anak-anak tersayang kerana telah memberikan semangat dan membantu saya dalam menyiapkan kajian ini. Tidak lupa rakan-rakan seperjuangan dan semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam membantu saya menyempurnakan kajian ini. Sekian , Terima kasih.

ISI KANDUNGAN

Mukasurat

Perakuan Keaslian Penulisan.....	ii
Abstrak.....	iii
Abstract.....	iv
Penghargaan.....	v
Isi Kandungan.....	vi
Senarai Rajah.....	xii
Senarai Jadual.....	xiii
Senarai Singkatan.....	xvi
Senarai Lampiran.....	xvii

BAB 1 : PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Latar Belakang Kajian.....	1
1.3 Pernyataan Masalah.....	6
1.4 Objektif Kajian.....	14
1.5 Soalan Kajian.....	15
1.6 Hipotesis Kajian.....	15
1.7 Kepentingan Kajian.....	17
1.8 Skop dan Limitasi Kajian.....	19
1.9 Kerangka Konseptual.....	20
1.10 Definisi Istilah dan Operasional.....	22
1.10.1 Penglibatan ibu bapa.....	22
1.10.2 Kemahiran sosial.....	22
1.10.3 Sosioekonomi.....	23

1.11 Kesimpulan.....	24
----------------------	----

BAB 2 : TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan.....	25
2.2 Penubuhan PERMATA Negara.....	26
2.2.1 Latar Belakang Program PERMATA Negara.....	26
2.2.2 Kurikulum PERMATA Negara.....	27
2.3 Penglibatan Ibu bapa di Pusat Anak PERMATA Negara (PAPN).....	29
2.4 Teori-teori yang digunakan dalam kajian.....	32
2.4.1 Teori Sistem Ekologi Bronfenbrenner.....	32
2.4.2 Model Penglibatan Ibu Bapa: Model Epstein.....	36
2.4.3 Teori Kemahiran Sosial: Teori Pembelajaran Sosial (Albert Bandura).....	38
2.5 Kerangka Teoritikal Kajian.....	42
2.6 Kajian Penglibatan Ibu Bapa di Luar nNegara dan Malaysia.....	44
2.6.1 Kajian Penglibatan Ibu Bapa di Luar Negara.....	44
2.6.2 Kajian Penglibatan Ibu Bapa Dalam Negara.....	48
2.7 Penglibatan Ibu Bapa mengikut SES.....	51
2.8 Kajian Kemahiran Sosial Kanak-kanak Luar Negara dan di Malaysia.....	58
2.8.1 Kajian Kemahiran Sosial Kanak-kanak Luar Negara.....	58
2.8.2 Kajian Kemahiran Sosial Dalam Negara.....	62
2.9 Kajian Hubungan Penglibatan Ibu Bapa dan Kemahiran Sosial Kanak-kanak....	64
2.10 Kesimpulan.....	68

BAB 3 : METODOLOGI

3.1 Pengenalan.....	69
3.2 Reka Bentuk Kajian.....	69
3.3 Populasi Kajian.....	71

3.4	Teknik Persampelan.....	72
3.5	Instrumen.....	72
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan.....	76
3.7	Prosedur Kajian.....	79
3.8	Kajian rintis.....	79
3.9	Analisis Data.....	82
3.10	Kesimpulan.....	83

BAB 4 : DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan.....	84
4.2	Pembersihan Data.....	84
4.2.1	Kes Kehilangan Data.....	84
4.2.2	Ujian kenormalan.....	85
4.2.3	Ujian Kolinearan.....	86
4.2.4	Ujian Homoskedastisiti.....	87
4.2.5	Ujian Multikolinearan.....	87
4.3	Profil Demografi.....	88
4.4	Tahap Penglibatan Ibu Bapa di Pusat Anak PERMATA Negara (PAPN).....	89
4.5	Tahap Kemahiran Sosial Kanak-kanak.....	89
4.6	Hubungan Signifikan Penglibatan Ibu Bapa dengan Kemahiran Sosial Kanak-kanak Di PAPN.....	91
4.7	Perbezaan Signifikan Penglibatan Ibu Bapa di PAPN Mengikut Status Sosioekonomi (Tahap Pendidikan dan Pendapatan).....	93
4.7.1	Perbezaan Signifikan Penglibatan Ibu Bapa dengan Tahap Pendidikan....	93
4.7.2	Perbezaan Signifikan Penglibatan Ibu Bapa dengan Tahap Pendapatan....	95

4.8	Perbezaan Signifikan Tahap Kemahiran Sosial Kanak-kanak Mengikut Status Sosioekonomi (Tahap Pendidikan Dan Pendapatan Ibu Bapa).....	96
4.8.1	Perbezaan Signifikan Kemahiran Sosial Mengikut Tahap Pendidikan Ibu Bapa.....	97
4.8.1.1	Mengenal Pasti Perbezaan Signifikan Setiap Dimensi Kemahiran Sosial (Kerjasama Sosial, Interaksi Sosial Dan Kebebasan Sosial) dengan Tahap Pendidikan.....	98
4.8.2	Perbezaan Signifikan Kemahiran Sosial Mengikut Tahap Pendapatan...100	
4.8.2.1	Mengenalpasti Perbezaan Signifikan Setiap Dimensi Kemahiran Sosial (Kerjasama Sosial, Interaksi Sosial Dan Kebebasan Sosial) dengan Tahap Pendapatan Ibu Bapa.....	102
4.9	Kesimpulan.....	104

BAB 5 : PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan.....	106
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian Tahap Penglibatan Ibu Bapa di Pusat Anak PERMATA Negara (PAPN).....	106
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian Tahap Kemahiran Sosial Kanak-Kanak di Pusat Anak PERMATA Negara (PAPN).....	110
5.3.1	Kerjasama Sosial.....	110
5.3.2	Interaksi Sosial.....	111
5.3.3	Kebebasan Sosial.....	113
5.4	Hubungan Penglibatan Ibu Bapa dengan Kemahiran Sosial.....	116
5.4.1	Hubungan Penglibatan Ibu Bapa dengan Kerjasama Sosial.....	119
5.4.2	Hubungan penglibatan Ibu Bapa dengan Interaksi sosial.....	120
5.4.3	Hubungan penglibatan Ibu Bapa dengan kebebasan sosial.....	121

5.5 Perbezaan Penglibatan Ibu Bapa berdasarkan pada Status Sosio Ekonomi (Tahap Pendidikan dan Pendapatan).....'	122
5.5.1 Perbezaan Penglibatan Ibu Bapa berdasarkan kepada Tahap Pendidikan Ibu Bapa.....'	123
5.5.2 Perbezaan Penglibatan Ibu Bapa berdasarkan Tahap Pendapatan Ibu Bapa	125
5.6 Perbezaan Kemahiran Sosial Kanak-Kanak berdasarkan kepada Status Sosio ekonomi (Pendidikan & Pendapatan Ibu Bapa).....	128
5.6.1 Perbezaan Kemahiran Sosial Kanak-Kanak berdasarkan pada Tahap Pendidikan Ibu Bapa.....	129
5.6.1.1 Perbezaan Kerjasama Sosial Kanak-Kanak berdasarkan Tahap Pendidikan.....	130
5.6.1.2 Perbezaan Interaksi Sosial Kanak-Kanak berdasarkan Tahap Pendidikan Ibu bapa.....	131
5.6.1.3 Perbezaan Kebebasan Sosial Kanak-Kanak berdasarkan Tahap Pendidikan Ibu Bapa.....	132
5.6.2 Perbezaan Kemahiran Sosial Kanak-Kanak berdasarkan kepada Tahap Pendapatan Ibu Bapa.....	132
5.6.2.1 Perbezaan Kerjasama Sosial Kanak-Kanak berdasarkan Tahap Pendapatan Ibu Bapa.....	134
5.6.2.2 Perbezaan Interaksi Sosial Kanak-Kanak berdasarkan Tahap Pendapatan Ibu Bapa.....	134
5.6.2.3 Perbezaan Kebebasan Sosial Kanak-Kanak berdasarkan Tahap Pendapatan Ibu Bapa.....	135

5.7	Implikasi.....	136
5.8	Cadangan Kajian.....	137
5.8.1	Cadangan Kajian Bagi Sekolah.....	138
5.8.2	Cadangan Kajian Bagi Kerajaan.....	139
5.9	Kesimpulan.....	140
	RUJUKAN.....	143
	LAMPIRAN A.....	167
	LAMPIRAN B.....	168
	LAMPIRAN C.....	169

Universiti Malaysia

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1 Kerangka konseptual kajian hubungan penglibatan ibu bapa dengan kemahiran sosial kanak-kanak.....	21
Rajah 2.1 Model Konseptual Kurikulum PERMATA Negara – Kurikulum PERMATA Negara.....	28
Rajah 2.2 Teori Ekologi Bronfenbenne (1979, 1989).....	35
Rajah 2.3 Model Epstein – Joyce L-Epstein, Ph.D. et. al. (2002).....	38
Rajah 2.4 Kerangka teoritikal kajian penglibatan ibu bapa dan hubungannya dengan kemahiran sosial kanak-kanak.....	43
Rajah 4.1 Ringkasan Kehilangan Data Secara Keseluruhan.....	85
Rajah 4.2 Partial Regression Plot.....	86
Rajah 4.3 Scatterplot.....	87

SENARAI JADUAL

Jadual 3.1 Pusat Anak PERMATA Negara (PAPN) Zon Tengah.....	71
Jadual 3.2 Interpretasi Skor Purata ke Dalam 5 Tahap (Skala Likert 5).....	74
Jadual 3.3 Senarai item-item mengukur kemahiran sosial.....	75
Jadual 3.4 Skala Interpretasi Kebolehpercayaan Instrumen Kajian.....	76
Jadual 3.5 Nilai kebolehpercayaan instrumen.....	81
Jadual 3.6 Statistik yang digunakan berdasarkan soalan kajian.....	83
Jadual 4.1 Analisis Skewness dan Kurtosis.....	85
Jadual 4.2 Analisis Koefesinsi.....	87
Jadual 4.3 Demografi Responden.....	88
Jadual 4.4 Tahap Penglibatan Ibu Bapa.....	89
Jadual 4.5 Taburan tahap kemahiran sosial kanak-kanak.....	90
Jadual 4.6 Tahap Kemahiran Sosial Murid.....	91
Jadual 4.7 Analisis Korelasi Kemahiran Sosial serta Dimensi-Dimensinya (Kerjasama Sosial, Interaksi Sosial dan Kebebasan Sosial) dengan Penglibatan Ibu Bapa.....	92

Jadual 4.8 Analisis Deskriptif Penglibatan Ibu Bapa Berdasarkan Tahap Pendidikan (N=148).....	94
Jadual 4.9 Perbezaan Penglibatan Ibu Bapa Berdasarkan Tahap Pendidikan (Ujian ANOVA).....	94
Jadual 4.10 Analisis Deskriptif Penglibatan Ibu Bapa Berdasarkan Tahap Pendapatan	95
Jadual 4.11 Perbezaan Penglibatan Ibu Bapa Berdasarkan Tahap Pendapatan (Ujian ANOVA).....	96
Jadual 4.12 Analisis Deskriptif Kemahiran Sosial Berdasarkan Tahap Pendidikan Ibu Bapa.....	97
Jadual 4.13 Perbezaan Kemahiran Sosial Murid Berdasarkan Tahap Pendidikan Ibu Bapa (ujian ANOVA).....	98
Jadual 4.14 Analisis Deskriptif Dimensi Kemahiran Sosial (Kerjasama Sosial, Interaksi Sosial, Kebebasan Sosial) Berdasarkan Tahap Pendidikan Ibu Bapa.....	99
Jadual 4.15 Perbezaan Kemahiran Sosial Murid Berdasarkan Tahap Pendidikan Ibu Bapa (Ujian Multivariat).....	100
Jadual 4.16 Analisis Deskriptif Kemahiran Sosial Murid Berdasarkan Tahap Pendapatan.....	101
Jadual 4.17 Perbezaan Kemahiran Sosial Murid Berdasarkan Tahap Pendapatan Ibu Bapa (Ujian ANOVA).....	101

Jadual 4.18 Analisis Deskriptif Kemahiran Sosial Berdasarkan Pendapatan Isi Keluarga.....	103
Jadual 4.19 Perbezaan Kemahiran Sosial Murid Berdasarkan Pendapatan Isi Keluarga (Ujian Multivariate).....	104

Universiti Malaya

SENARAI SINGKATAN

- KS : Kemahiran sosial
PAPN : PERMATA Negara
UM : Universiti Malaya

Universiti Malaya

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A : Surat Kebenaran Menjalankan Kajian daripada Fakulti Pendidikan

Universiti Malaya (UM)

Lampiran B : Surat Kebenaran Menjalankan Kajian daripada Bahagian PERMATA.

Lampiran C : Borang Soal Selidik Kajian

Universiti Malaya

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan tentang latar belakang kajian yang menerangkan tentang PERMATA Negara dan penglibatan ibu bapa dan rasional mengapa kajian ini perlu dijalankan. Dalam bab ini juga, penyelidik membincangkan secara khusus aspek permasalahan kajian, objektif kajian dan persoalan kajian yang merupakan elemen penting bagi menentukan hala tuju kajian ini. Aspek-aspek lain seperti hipotesis kajian, kepentingan kajian, limitasi, dan definisi istilah dan operasional kajian turut diuraikan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Program PERMATA Negara telah dilancarkan pada tahun 2007 berdasarkan hasil kajian yang membuktikan bahawa program yang berkualiti dapat meningkatkan perkembangan fizikal, emosi, rohani, kognitif, dan sosial kanak-kanak. Dalam masa yang sama, program PERMATA Negara turut menitik beratkan penglibatan aktif ibu bapa dalam aktiviti-aktiviti di PERMATA Negara. Hasil daripada penglibatan tersebut, secara tidak langsung ibu bapa akan mendapat manfaat dan memahami proses pembelajaran dan perkembangan anak-anak mereka.

Salah satu Misi Program PERMATA adalah menggalakkan kanak-kanak di bawah umur 4 tahun untuk mendapatkan bimbingan dan pendidikan awal untuk meningkatkan kualiti pembangunan tahun formatif mereka yang sesuai bagi kumpulan umur yang merangkumi sifat fizikal, bahasa, kognitif, sosio-emosi dan rohani dalam persekitaran yang selamat, sihat dan menyeronokkan.

Penglibatan ibu bapa biasanya melibatkan tingkah laku orang tua di rumah dan sekolah untuk menyokong kemajuan pendidikan dan sahsiah anak-anak mereka. Langkah-langkah penglibatan ibu bapa biasanya termasuk kualiti dan kekerapan komunikasi dengan guru serta penyertaan aktiviti sekolah (Dearing, McCartney, Weiss, Kreider, & Simpkins, 2004; Dearing, Kreider, Simpkins, & Weiss, 2006; Machen, Wilson & Notar, 2004). Penglibatan ibu bapa juga mencirikan nilai-nilai dan sikap orang tua tentang pendidikan dan aspirasi mereka untuk anak-anak mereka (Catsambis, 2001; Englund, Luckner, Whaley, & Egeland, 2004).

Penglibatan ibu bapa selalunya dilihat dalam dua konteks utama dalam perkembangan awal kanak-kanak, iaitu tetapan rumah dan sekolah. Menurut teori ekosistem daripada Bronfenbrenner (1979), konteks rumah dan sekolah dicirikan sebagai mikrosistik autonomi dan penglibatan ibu bapa dikonseptualisasikan sebagai mesosistem, yang terdiri daripada interaksi antara mikrosistem utama. Walaupun setiap konteks secara bebas dapat mempengaruhi seorang anak seperti konteks rumah dan sekolah berinteraksi satu dengan lainnya selanjutnya akan memberi pengaruh kepada kanak-kanak. Sebagai contoh, jika ibu bapa menyedari matlamat pengajaran guru, mereka mungkin menyediakan sumber dan sokongan untuk matlamat pembelajaran di rumah. Begitu juga, dari segi pembangunan kemahiran sosial, penglibatan ibu bapa dapat memudahkan pembangunan pendekatan disiplin yang konsisten di rumah dan sekolah.

Laporan National Center for Children in Poverty (NCCP) 2013, penglibatan ibu bapa dalam pendidikan awal kanak-kanak dilihat sebagai salah satu sokongan penting untuk pembelajaran kanak-kanak dalam program-program pendidikan awal. Walaupun terdapat banyak takrif "penglibatan ibu bapa," istilah ini digunakan di sini

untuk menggambarkan usaha-usaha ibu bapa untuk menggalakkan perkembangan yang sihat pada kanak-kanak dan belajar melalui aktiviti-aktiviti yang boleh digalakkan oleh pendidik dalam taska ataupun prasekolah.

Selanjutnya dikatakan bahawa kejayaan sesebuah program pendidikan awal kanak-kanak adalah berkait rapat dengan penglibatan dan sokongan daripada ibu bapa dan komuniti. Ibu bapa perlu menghadirkan diri untuk menjalankan aktiviti penglibatan ibu bapa selama 4 jam sebulan. Perkara ini telah termaktub dalam Akur Janji PERMATA Negara (Modul PERMATA Negara, 2013). Hal ini juga bagi menunjukkan bahawa adanya perkongsian dan hak bersama antara ibu bapa dengan sekolah terhadap pembelajaran dan perkembangan kanak-kanak. Ianya bukan sekadar penglibatan ibu bapa dalam aktiviti-aktiviti di sekolah sahaja, malah ianya merupakan atau melibatkan komitmen dan rasa bertanggungjawab bersama sebagai pemegang amanah dalam memastikan kejayaan PERMATA Negara mencapai matlamat dalam pendidikan awal kanak-kanak.

Terdapat banyak kajian mencadangkan sumbangan penglibatan ibu bapa dalam literasi dan kemahiran-kemahiran lain yang diperlukan anak-anak iaitu pencapaian akademik dan kemahiran sosial (Fauziah Hanim, Noraini Ismail, Nazariah A.Samad & Fairuz Ain, 2014; Fantuzzo, McWayne, Perry, & Childs, 2004).

Modul PERMATA 2017 menyatakan faedah-faedah yang diperolehi jika penglibatan ibu bapa dapat dilakukan dengan baik oleh ibu bapa. Antara faedah yang diperolehi ialah ibu bapa boleh mempelajari tentang perkembangan anak-anak mereka daripada pendidik. Selain itu, akan wujud kesinambungan pembelajaran di PERMATA dengan amalan di rumah sebagai contoh, jika anak mereka diajar tidak menggunakan botol susu di usia 2 tahun, maka di rumah juga, ibu bapa boleh

praktikkan seperti mana di PERMATA lakukan. Bertukar-tukar pendapat antara ibu bapa dan pendidik juga merupakan salah satu faedah dalam penglibatan ibu bapa di PERMATA. Ibu bapa juga boleh menyumbangkan kebolehan dan kepakaran mereka di PERMATA Negara.

Selain membincangkan penglibatan ibu bapa di permata negara, juga dibincangkan kemahiran sosial anak-anak mereka baik di rumah dan di sekolah. Yang mana kemahiran sosial ini juga ditekankan dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) melalui Tunjang Ketrampilan Diri. Tunjang ini memberi penekanan kepada pembelajaran kanak-kanak supaya mengenali dan mengurus emosi sendiri; serta membina kemahiran sosial. Melalui proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah PERMATA, pembinaan kemahiran sosial kanak-kanak secara berkesan, ditekankan dan dikendalikan oleh guru dengan mewujudkan peluang pembelajaran melalui pelaksanaan rutin harian, interaksi, penyediaan persekitaran kelas dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang terancang atau secara spontan. Beberapa langkah lain yang diketengahkan dalam usaha untuk mengembangkan kemahiran sosial kanak-kanak ialah melalui penyusunan kelas yang membantu perkembangan kemahiran sosial, menyediakan peluang bermain untuk menyediakan kefungsi sosial serta mengajar kemahiran sosial secara langsung (Lynch & Simpson, 2010).

Selain di sekolah, kemahiran sosial perlu ditanamkan kepada anak-anak melalui persekitaran pembelajaran rumah yang merangsang dan penglibatan ibu bapa dengan anak-anak mereka dalam aktiviti merangsang seperti membaca, nyanyian, dan bercerita, serta mendedahkan anak-anak kepada pengalaman yang beragam adalah petunjuk kepada orang tua yang berkualiti tinggi (Black et al., 2016).

Selanjutnya dikatakan ibu bapa perlu mengekalkan hubungan baik, memberi respon, dan penglibatan aktif semasa bermain bersama anak-anak akan merangsang tingkah laku positif dan konsisten dalam perkembangan anak-anak mereka (Britto et al., 2016).

Kajian lepas diluar negara membuktikan bahawa terdapat hubungan positif penglibatan ibu bapa terhadap perkembangan kognitif dan kemahiran sosial kanak-kanak pada usia lima tahun (Landry, Smith, Swank, Assel & Vellet, 2001; Walker et al., 2007). Kajian El Nokali, Bachman and Elizabeth (2010) menunjukkan penglibatan ibu bapa meramalkan penurunan dalam tingkah laku masalah dan menambahbaik kemahiran sosial kanak-kanak tetapi tidak meramalkan perubahan pencapaian. Selanjutnya keputusan kajian juga menunjukkan bahawa kanak-kanak yang mempunyai ibu bapa yang sangat terlibat dengan aktiviti kanak-kanak boleh meningkatkan fungsi sosial anak dan menurunkan tingkah laku bermasalah. Selanjutnya kajian Xin Ma, Jianping Shen, Huilan Y. Krenn, Shanshan Hu & Jing Yuan (2016) melihat hubungan antara hasil pembelajaran kanak-kanak dan penglibatan ibu bapa dalam tempoh pendidikan awal kanak-kanak daripada 46 kajian. Yangmana pembolehubah hasil pembelajaran adalah pencapaian akademik anak-anak dengan penglibatan ibu bapa. Keputusan kajian menunjukkan terdapat korelasi yang kuat dan positif antara hasil pembelajaran dan penglibatan ibu bapa.

Kajian luar negara menunjukkan adanya hubungan antara penglibatan ibu bapa dengan kemahiran sosial kanak-kanak, namun tiada kajian yang pernah dijalankan di Malaysia berkenaan dengan isu tersebut. Oleh yang demikian dapat dikatakan bahawa adanya keperluan untuk menjalankan kajian “Hubungan

penglibatan Ibu bapa dengan kemahiran sosial kanak-kanak di Pusat PERMATA Negara di Zon Tengah, Malaysia.

1.3 Pernyataan Masalah

Kepentingan sokongan ibu bapa dalam menyemai kemahiran sosial kanak-kanak tidak dapat dipertikaikan lagi. Ibu bapa adalah pihak yang paling dekat dengan kanak-kanak serta dikatakan hubungan antara ibubapa dan anak terjalin sejak bayi lagi. Interaksi ibu bapa dengan anak melalui penglibatan keibubapaan yang diamalkan sememangnya memberi kesan kepada perkembangan kanak-kanak.

Kanak-kanak yang mempunyai ibu bapa yang sangat terlibat dengan aktiviti kanak-kanak boleh meningkatkan fungsi sosial anak dan menurunkan tingkah laku bermasalah serta menambahbaik kemahiran sosial kanak-kanak (El Nokali et al., 2010). Kajian lain yang dilakukan dengan objektif untuk melihat hubungan antara hasil pembelajaran kanak-kanak dan penglibatan ibu bapa dalam tempoh pendidikan awal kanak-kanak, menunjukkan bahawa terdapat korelasi yang kuat dan positif antara hasil pembelajaran dan penglibatan ibu bapa (Xin Ma et al., 2016).

Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan awal kanak-kanak dilihat sebagai salah satu sokongan penting untuk pembelajaran kanak-kanak dalam program-program pendidikan awal (National Center for Children in Poverty (NCCP) 2013. Selain daripada itu, penglibatan ibu bapa yang baik juga dapat memudahkan dari segi pembangunan kemahiran sosial anak-anak melalui pembangunan pendekatan disiplin yang konsisten di rumah dan sekolah (Bronfenbrenner, 1979). Terdapat banyak kajian mencadangkan bahawa sumbangan penglibatan ibu bapa dapat meningkatkan kemahiran sosial pada anak-anak selain dapat meningkatkan kemahiran literasi dan pencapaian akademik (Fauziah Hanim et al., 2014; Fantuzzo et al., 2004).

Kemahiran sosial pada kanak-kanak merupakan aspek penting yang perlu dimiliki oleh kanak-kanak sejak dari peringkat usia awal lagi. Berdasarkan kepada kajian-kajian lepas, didapati bahawa kekurangan kemahiran sosial sejak dari kanak-kanak akan memberi kesan kepada peringkat umur yang lebih tinggi. Kanak-kanak yang mempunyai masalah kemahiran sosial berhadapan dengan risiko kekurangan kemahiran bukan kognitif ketika dewasa kelak (Jones, Greenberg, & Crowley, 2015). Individu dewasa yang kekurangan kemahiran sosial mengalami kesukaran dalam mendapatkan pekerjaan dan kesukaran dalam melaksanakan tugasnya.

Hal ini disokong oleh dapatan kajian di Malaysia, yang mendapati bahawa para majikan mengatakan bahawa para graduan sekarang kurang memiliki kemahiran sosial yang baik dan keadaan ini memberi kesan kepada prestasi diri dan syarikat (Yahaya, Rasul, & Yasin, 2016). Oleh yang demikian, langkah meningkatkan kemahiran sosial para graduan ini perlulah dilaksanakan dengan segera dan seawal mungkin, bagi mengelakkan masalah dikemudian hari. Justeru itu, intervensi sejak dari awal kanak-kanak adalah merupakan langkah terbaik kerana intervensi awal ini menjimatkan masa dan memberi kesan berpanjangan (January, Casey, & Paulson, 2011). Hal ini telah mendorong pengkaji untuk menjalankan kajian yang melihat kepada hubungan penglibatan ibu bapa dengan kemahiran sosial kanak-kanak di Pusat Anak PERMATA Negara.

Justeru itu, Kurikulum PERMATA Negara amat mementingkan penglibatan atau kolaborasi ibu bapa dalam menjayakan program pendidikan awal kanak-kanak ini. Di PERMATA Negara, ibu bapa digalakkan hadir ke Pusat Anak PERMATA Negara (PAPN) selama empat jam sebulan bagi memenuhi akur janji yang telah ditetapkan dan menjalankan aktiviti penglibatan ibu bapa di PAPN bersama anak-

anak PERMATA (Modul PERMATA Negara, 2013). Bagi memenuhi jam penglibatan sebanyak 4 jam sebulan tersebut, ibu bapa dicadangkan dan digalakkan hadir untuk menjalankan aktiviti selama satu jam seminggu atau mengikut masa lapang ibu bapa itu sendiri.

Namun demikian, terdapat kekangan dalam kalangan ibu bapa yang menghantar anak-anak di di Pusat Anak PERMATA Negara (PAPN), terutamanya dalam kalangan ibu bapa yang bekerja untuk memberikan komitmen dalam memenuhi jam penglibatan sebanyak 4 jam sebulan yang dicadangkan dalam aktiviti bersama anak-anak di PERMATA Negara. Antara kekangan utama untuk menjalankan aktiviti penglibatan ibu bapa adalah disebabkan oleh kekangan kerja dalam kalangan ibu bapa.

Sementara itu, kajian yang dijalankan oleh Fauziah Hanim et.al (2014) mendapati bahawa walaupun PAPN telah mewajibkan aktiviti penglibatan ibubapa selama 4 jam selama sebulan namun dapatan kajian menunjukkan tahap penglibatan ibubapa tidak pada tahap maksima hanya pada tahap sederhana. Antara halangan yang menghalang ibu bapa untuk menjalankan aktiviti penglibatan ibu bapa di Pusat Anak PERMATA Negara adalah ibu bapa mempunyai masalah bahasa dan budaya untuk terus terlibat dalam aktiviti di PERMATA Negara. Kajian tersebut mendapati bahawa halangan ini adalah antara halangan yang selalu dihadapi oleh ibu bapa di PERMATA Negara, selaras dengan dapatan daripada Harvard Family Research Project (HFRP) 2006, yang melaporkan dalam kajian mereka bahawa kesukaran dalam kemahiran asas literasi dan numerasi juga boleh menjadi penghalang kepada ibu bapa untuk terlibat dalam pendidikan anak-anak mereka terutama dalam pendidikan awal kanak-kanak.

Kajian lepas yang dilakukan oleh Department for Children, School and Families, United Kingdom pada tahun 2007, menunjukkan dapatan yang sama iaitu komitmen kerja adalah halangan yang paling biasa dalam kalangan ibu bapa di United Kingdom untuk memberikan komitmen dalam penglibatan ibu bapa di sekolah, dengan 44 peratus ibu bapa di negara tersebut tidak dapat terlibat dalam pendidikan anak-anak mereka adalah disebabkan oleh kerja, yang merupakan punca utama pendapatan keluarga mereka.

Selain daripada kekangan yang disebabkan oleh kerja, terdapat juga kekangan lain dalam penglibatan ibu bapa antara lain adalah kekangan dari aspek budaya dan bangsa. Kajian yang dijalankan oleh Department for Children, School and Families, United Kingdom (2007) mendapati bahawa dua pertiga daripada ibu bapa (66%) bersetuju bahawa mereka ingin lebih banyak terlibat dalam aktiviti dan program sekolah anak-anak mereka, namun terdapat kekangan dari aspek budaya dan bangsa menjadi penghalang dan masalah dalam menjayakan program penglibatan ibu bapa di United Kingdom.

Selain itu, terdapat juga faktor lain yang mempengaruhi penglibatan ibu bapa dalam aktiviti anak-anak, antara lain adalah seperti struktur keluarga, status sosioekonomi keluarga, dan tahap pendidikan ibu bapa (Robles, 2011; Trotman, 2001). Kekangan dari faktor struktur keluarga, berdasarkan kepada kajian Robles (2011) mendapati bahawa ibu tunggal dalam keluarga semakin meningkat bersama-sama dengan keperluan untuk ibu bapa tunggal bekerja. Justeru itu, ibu atau bapa tunggal menghadapi masalah untuk menjalankan aktiviti penglibatan dalam pendidikan anak-anak disebabkan oleh kesibukan ibu atau bapa tunggal yang terpaksa bekerja.

Kekangan penglibatan ibu bapa jika dilihat dari faktor ekonomi, kajian menunjukkan bahawa penglibatan ibubapa dari golongan ekonomi kelas pertengahan dan atas menunjukkan penglibatan yang lebih tinggi berbanding dengan penglibatan ibubapa dari keluarga berpendapatan rendah (De Carvalho, 2001; Smith, 2006; Abrams & Gibbs, 2002; Lareau, 2000; O'Connor, 2001; Epstein, 1995).

Selain itu, tahap pendidikan ibu bapa juga adalah merupakan kekangan untuk penglibatan ibu bapa, seperti dalam kajian oleh Trotman (2001), turut menyatakan bahawa tahap penglibatan ibu bapa berada di tahap rendah apabila ibu bapa mempunyai tahap pendidikan yang rendah dan komitmen kerja merupakan salah satu faktor yang menyebabkan penyertaan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak adalah kurang dan tahapnya lebih rendah.

Terdapat banyak kajian dalam dan luar negara berkenaan penglibatan ibu bapa dikaitkan dengan faktor-faktor lain seperti penglibatan ibubapa dengan tingkah laku bermasalah dan kemahiran sosial dalam kalangan remaja dalam menangani masalah sosial (Izzo et al., 1999; McWayne et al, 2004; Pezdek, Whetstone, Reynolds, Askari & Dougherty, T., 1989, Rimm-Kaufman, Pianta, Cox, & Bradley, 2003; Supplee, Shaw, Hailstones, Hartman, 2004; Fantuzzo et al., 2004; Hill, Castellino, Lansford, Nowlin, Dodge, Bates, & Pettit, 2004).

Kajian-kajian lain seperti penglibatan ibu bapa dan pengaruhnya ke atas kesianan membaca kanak-kanak prasekolah (Marziation Daud, 2012), penglibatan ibu bapa dalam pencapaian akademik kanak-kanak khas cacat penglihatan (Yuslinda Yunus, 2003), penglibatan penjaga ke atas kanak-kanak dengan masalah komunikasi (Malar, Sreedevi & Suresh, 2013), penglibatan ibubapa dan kemahiran komunikasi sosial kepada kanak-kanak (Weiss dan Theadore, 2011), penglibatan ibu bapa dan

tingkahlaku bermasalah murid di taska (McCormick, Cappella, O'Connor, & McClowry, 2013), penglibatan ibu bapa dengan perkembangan literasi awal di prasekolah (Camilo Ortiz, 2008; Zainiah Mohamed Isa, 2013), penglibatan ibu bapa dan tingkahlaku penyesuaian di sekolah (Masood Badri, Amal Al Qubaisi, Asma Al Rashedi & Guang Yang, 2014), hubungan di antara kepercayaan motivasi ibu bapa dan fungsi penyesuaian kanak-kanak dan tingkah laku luaran (Kim, Sheridan, Kyongboon Kwon & Natalie Koziol, 2013), kemahiran sosial pada kanak-kanak prasekolah (Pinay Aksoy & Gulen Baran, 2010; Tallat Rashid, 2010), mengetahui karakteristik keluarga yang menggalakkan perkembangan kemahiran sosial kanak-kanak kecacatan fizikal (Bennet & Hay, 2007), peranan ibu bapa dalam pembelajaran awal kanak-kanak (Landry, 2017), kesan pengaruh keibu bapaan dan kesediaan ke sekolah kanak-kanak (Magdalena, 2014), mengukur tahap penglibatan ibu bapa dan guru melalui komunikasi, strategi komunikasi (Flavian, 2013), dan sejauhmana penglibatan ibu bapa di prasekolah (Garcia, 2017).

Namun demikian, berdasarkan kajian-kajian diatas menunjukkan sangat kurang kajian yang dilakukan berkaitan hubungan penglibatan ibu bapa dengan kemahiran sosial kanak-kanak yang dikaji di dalam mahupun luar negara. Kajian awal perlu dilaksanakan untuk mengelak berlakunya masalah sosial pada masa hadapan seperti yang dinyatakan dalam kajian-kajian lepas.

Selain daripada itu, terdapat beberapa faktor lain yang turut memberi kesan kepada perkembangan awal kanak-kanak, antara lain adalah status sosioekonomi (SES) keluarga yang merangkumi taraf pendidikan, tahap pendapatan dan jenis pekerjaan ibubapa (Brophy-herb et al., 2007; Erola, Jalonen, & Lehti, 2016; Hosokawa & Katsura, 2017; Osman Rani Hassan & Rajah Rasiah, 2011; Ramsey,

1988). Banyak kajian mendapati kanak-kanak dari keluarga yang berstatus sosioekonomi tinggi didapati mendapat kesan perkembangan yang lebih baik berbanding kanak-kanak dari keluarga yang sosioekonominya rendah (Bradley & Corwyn, 2002; Brophy-herb et al., 2007; Hosokawa & Katsura, 2017).

Walaupun terdapat banyak kajian tentang kesan SES terhadap perkembangan kanak-kanak, namun begitu, kajian-kajian ini banyak tertumpu kepada kesan sosioekonomi terhadap aspek kognitif (Christensen, Schieve, Devine, & Drews-Botsch, 2014), akademik (Suresh Kumar, 2013) serta perkembangan sosioemosi negatif kanak-kanak seperti masalah tingkahlaku (Bøe et al., 2014; Kalff et al., 2001; Kiernan & Mensah, 2009; Larson, Russ, Nelson, Olson, & Halfon, 2015; Letourneau, Duffett-Leger, Levac, Watson, & Young-Morris, 2013; Santiago et al., 2011) dan ADHD (Schonberg & Shaw, 2007).

Kajian yang melihat kesan status SES ibu bapa terhadap perkembangan kemahiran sosial kanak-kanak adalah terhad malah memberikan dapatan yang kurang konsisten. Beberapa kajian menyatakan SES tidak memberi kesan yang signifikan terhadap kemahiran sosial (Barbarin & Jean-Baptiste, 2013; Li et al., 2016) sebaliknya kajian lain menyatakan terdapat kesan SES yang signifikan dengan kemahiran sosial (Brophy-herb et al., 2007; Hartas, 2011; Hosokawa & Katsura, 2017a; Ramsey, 1988).

Selain itu, apabila setiap komponen dalam tahap sosioekonomi ini dilihat secara unik atau berasingan, kajian-kajian turut menunjukkan kesan yang pelbagai ke atas perkembangan awal kanak-kanak. Kajian mendapati pendapatan ibubapa memberi kesan signifikan terhadap kemahiran sosial berbanding komponen SES lain (Mollborn, Lawrence, James-Hawkins, & Fomby, 2014). Namun begitu, beberapa

kajian lain mendapati pendapatan ibubapa tidak mempunyai kesan yang signifikan dengan perkembangan awal kanak-kanak (Erola et al., 2016) dan kemahiran bukan kognitif kanak-kanak (Khanam & Nghiem, 2016). Kajian Erola et al. (2016) ke atas 29, 282 orang kanak-kanak pula mendapati pendidikan ibu memberi kesan signifikan berbanding pendidikan bapa. Dapatan yang kurang konsisten ini menarik minat pengkaji untuk mengkaji tentang kesan unik sosioekonomi terhadap kemahiran sosial kanak-kanak.

Di Malaysia, dapatan kajian mendapati tahap penyertaan sosial kanak-kanak dari keluarga SES rendah adalah kurang memuaskan (Siti Hajar, Noralina, & Zaiton, 2017). Penyertaan sosial ini akan memberikan kesan kepada tingkahlaku prososial kanak-kanak yang merupakan sebahagian daripada komponen kemahiran sosial kanak-kanak (Siti Hajar, Noralina, & Zaiton, 2017). Berdasarkan dapatan ini, pengkaji amat berminat untuk melihat sejauhmana perbezaan SES dikaitkan dengan penglibatan ibu bapa dan hubungannya dengan kemahiran sosial kanak-kanak dalam konteks Pusat Anak PERMATA Negara (PAPN).

Justeru itu, maklumat berkenaan tahap kemahiran sosial kanak-kanak di Malaysia haruslah diperolehi terlebih dahulu sebelum sebarang intervensi dapat dilaksanakan. Namun begitu, maklumat tentang tahap kemahiran sosial kanak-kanak di Malaysia amat terhad. Dengan kekurangan maklumat berkenaan tahap kemahiran sosial kanak-kanak Malaysia, langkah untuk melakukan intervensi dalam usaha meningkatkan kemahiran sosial sejak dari peringkat awal kanak-kanak tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Berdasarkan penjelasan diatas, pengkaji dapat simpulkan kurangnya kajian yang dijalankan untuk melihat sejauhmana hubungan penglibatan ibubapa dengan

kemahiran sosial kanak-kanak di Malaysia khususnya di Pusat Anak PERMATA Negara (PAPN) menyebabkan pengkaji ingin menjalankan kajian sebegini. Hal ini diperkukuhkan lagi PERMATA Negara adalah organisasi yang menitik beratkan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak terutama di peringkat awal usia kanak-kanak. Kajian ini akan mengkaji tahap kemahiran sosial di peringkat awal kanak-kanak khususnya kanak-kanak berumur 4 tahun di Pusat Anak PERMATA Negara di kawasan Zon Tengah di Malaysia untuk mendapatkan maklumat yang lebih tepat berkaitan dengan tahap kemahiran sosial kanak-kanak di Pusat Anak PERMATA Negara tersebut.

1.4 Objektif Kajian

Tujuan utama kajian ini adalah untuk melihat penglibatan ibu bapa dan hubungannya dengan kemahiran sosial kanak-kanak di PAPN di Putrajaya. Terdapat lima objektif bagi kajian ini. Objektif tersebut ialah:

1. Mengenalpasti tahap penglibatan ibu bapa di Pusat Anak PERMATA Negara (PAPN).
2. Mengenalpasti tahap kemahiran sosial kanak-kanak di PAPN.
3. Mengenalpasti hubungan signifikan penglibatan ibu bapa dengan kemahiran sosial kanak-kanak di PAPN?
4. Mengenalpasti perbezaan signifikan penglibatan ibu bapa di PAPN mengikut status sosioekonomi iaitu tahap pendidikan dan pendapatan.
5. Mengenalpasti perbezaan signifikan tahap kemahiran sosial kanak-kanak mengikut status sosioekonomi iaitu tahap pendidikan dan pendapatan ibu bapa.

1.5 Soalan Kajian

Terdapat beberapa persoalan yang dapat dikemukakan dalam kajian ini. Persoalan yang akan dikemukakan dalam kajian ini lebih kepada keberkesanan program penglibatan ibu bapa dalam pendidikan awal kanak-kanak. Antara persoalannya ialah:

1. Apakah tahap penglibatan ibu bapa di Pusat ANAK PERMATA Negara (PAPN)?
2. Apakah tahap kemahiran sosial kanak-kanak di PAPN?
3. Apakah terdapat hubungan signifikan penglibatan ibu bapa dengan kemahiran sosial kanak-kanak PAPN?
4. Apakah terdapat perbezaan signifikan penglibatan ibu bapa mengikut status sosioekonomi (SES) iaitu tahap pendidikan dan pendapatan?
5. Apakah terdapat perbezaan signifikan kemahiran sosial kanak-kanak mengikut status ekonomi iaitu tahap pendidikan dan pendapatan ibu bapa.

1.6 Hipotesis Kajian

Kajian ini menguji hipotesis. Terdapat beberapa hipotesis dalam kajian ini. Hipotesis tersebut adalah:

Soalan 3:

- H_1 : Terdapat hubungan signifikan diantara penglibatan ibu bapa dengan kemahiran sosial kanak-kanak di PAPN.
- H_{01} : Tidak terdapat hubungan signifikan diantara penglibatan ibu bapa dengan kemahiran sosial kanak-kanak di PAPN.

Soalan 4.1:

- H₁: Terdapat perbezaan signifikan penglibatan ibu bapa mengikut tahap pendidikan

H₀₂: Tidak terdapat perbezaan signifikan penglibatan ibu bapa mengikut tahap pendidikan.

Soalan 4.2

- H₁: Terdapat perbezaan signifikan penglibatan ibu bapa mengikut tahap pendapatan ibubapa
- H₀₃: Tidak terdapat perbezaan signifikan penglibatan ibu bapa mengikut tahap pendapatan ibubapa.

Soalan 5.1:

- H₁: Terdapat perbezaan signifikan kemahiran sosial kanak-kanak mengikut pendidikan.
- H₀₄: Tidak terdapat perbezaan signifikan kemahiran sosial kanak-kanak mengikut pendidikan.

Soalan 5.2:

- H₁: Terdapat perbezaan signifikan kemahiran sosial kanak-kanak mengikut pendapatan ibubapa.
- H₀₅: Tidak terdapat perbezaan signifikan kemahiran sosial kanak-kanak mengikut pendapatan ibubapa.

1.7 Kepentingan Kajian

Setiap kajian yang dijalankan pasti ada kepentingannya terhadap sesuatu sama ada terhadap sesebuah organisasi, atau secara individu. Kajian yang dijalankan ini dijangka dapat memberi beberapa kepentingan kepada beberapa pihak.

Kepentingan penglibatan ibu bapa dengan kanak-kanak dari awal umur telah menemui hasil yang baik terutamanya dari segi perkembangan kognitif. Apa yang dilakukan ibu bapa adalah penting untuk perkembangan awal kanak-kanak. Ini kerana ibu bapa adalah aset penting dalam melonjakkan pendidikan awal kanak-kanak ke tahap yang lebih tinggi (Fauziah Hanim, et.al, 2014). Ibu bapa merupakan individu yang memberi pengaruh kepada tingkahlaku dan sikap kanak-kanak. Ibu bapa jugalah yang mempunyai peranan penting dalam pendidikan anak-anak mereka. Hasil kajian ini akan membantu para ibu bapa dalam usaha meningkatkan kemahiran sosial anak-anak mereka. Dengan dapatan kajian ini, ibu bapa mengetahui sejauhmana perkaitan penglibatan ibubapa ke atas kemahiran sosial anak-anak mereka.

Jadi, dengan adanya kajian ini, ianya dapat memberi kesedaran kepada ibu bapa bahawa penglibatan mereka dalam pendidikan kanak-kanak terutamanya dalam pendidikan awal kanak-kanak akan memberi impak yang besar dalam perkembangan anak-anak mereka. Ini akan membuatkan ibu bapa akan jadi lebih prihatin dan membuka mata dengan pembangunan dan perkembangan anak-anak mereka.

Selain itu, kajian ini juga dapat membantu para pendidik di taska dan prasekolah terutamanya di Pusat Anak PERMATA Negara untuk sama-sama memperbaiki dan menambah baik kualiti, cara kerja dan komunikasi dengan ibu bapa. Pendidik juga bertindak sebagai pembimbing dan pemudah cara kepada ibu bapa

dalam menjalankan program penglibatan ibu bapa ini. Maka, kolaborasi antara pendidik dan ibu bapa akan dapat membantu sesuatu organisasi PERMATA berjalan dengan lancar dan akan wujud kesinambungan antara pembelajaran di PERMATA dan di rumah. Pendidik sebagai ibu bapa kedua di sekolah turut memainkan peranan penting dalam perkembangan kanak-kanak yang seimbang terutamanya dalam perkembangan sosial baik di sekolah mahupun di rumah.

Hasil dapatan kajian ini juga akan memberi input kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tentang tahap kemahiran sosial kanak-kanak dan penglibatan ibu bapa juga oleh guru-guru di sekolah yang terlibat dengan kanak-kanak. Input ini boleh dijadikan asas dan panduan pihak KPM untuk mengeluarkan dasar serta sokongan yang melibatkan penggunaan gaya pengajaran yang bersesuaian dengan perkembangan kanak-kanak di Malaysia. Dengan dasar atau silibus yang sesuai, ia mampu membantu perkembangan kanak-kanak secara optimum dan menyeluruh melalui penglibatan yang diamalkan oleh guru sebagai ibu bapa kedua di sekolah. KPM juga wajar menganjurkan kursus keibubapaan sebagai medium untuk menyedarkan ibu bapa akan kepentingan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan dan perkembangan anak-anak. Kesedaran ibu bapa terhadap kepentingan peranan mereka ini akan menyebabkan mereka lebih serius dan bersemangat dalam memastikan perkembangan positif anak-anak mereka. Selain itu, melalui dapatan kajian ini, KPM dapat mengetahui tahap kemahiran sosial kanak-kanak seterusnya dapat mencadangkan intervensi atau silibus yang bersesuaian untuk meningkatkan perkembangan kemahiran sosial kanak-kanak di peringkat awal kanak-kanak khususnya PAPN. Dengan mengetahui perbezaan tahap sosioekonomi terhadap kemahiran sosial kanak-kanak juga, KPM dapat mengfokuskan usaha dalam membantu perkembangan kemahiran sosial kanak-kanak dari kalangan tahap

sosioekonomi yang bermasalah. Melalui usaha yang tertumpu kepada golongan yang bermasalah, jurang perbezaan perkembangan sosial dan sahsiah dapat dikurangkan.

Bagi masa akan datang, kajian ini boleh dijadikan rujukan kepada penyelidik-penyelidik untuk menjalankan kajian tentang penglibatan ibu bapa dengan kemahiran sosial kanak-kanak di PAPN. Penyelidik-penyelidik yang ingin menjalankan kajian dalam program penglibatan ibu bapa boleh menggunakan kajian ini sebagai bahan rujukan tambahan dalam kajian mereka kelak. Institusi-institusi yang berkaitan juga boleh melihat dan mengambil kaedah kajian ini sebagai kaedah lain bagi membantu membangunkan program penglibatan ibu bapa dalam pendidikan awal kanak-kanak.

1.8 Skop dan Limitasi Kajian

Batasan kajian adalah batasan yang digariskan oleh penyelidik dalam menjalankan kajian ini. Terdapat tiga perkara yang dijadikan sebagai asas dalam batasan kajian ini. Kajian ini lebih tertumpu kepada Pusat Anak PERMATA Negara di mana PERMATA Negara merupakan pusat pendidikan awal kanak-kanak yang mementingkan tahap perkembangan kanak-kanak sejajar dengan pembangunan Negara. Program PERMATA Negara juga mementingkan aspek enam perkembangan kanak-kanak iaitu perkembangan sahsiah, sosio-emosi dan kerohanian, perkembangan bahasa dan literasi awal, perkembangan fizikal, perkembangan deria dan dunia persekitaran, perkembangan awal matematik dan pemikiran logik serta perkembangan kreativiti dan estetika. Justeru, penglibatan ibu bapa di PERMATA Negara amat penting bagi melihat kesinambungan perkembangan kanak-kanak di PERMATA Negara dan di rumah.

Selain itu kajian ini memfokuskan penglibatan ibu bapa di PERMATA Negara. PERMATA Negara melibatkan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti yang

dijalankan dan juga dalam membentuk proses perkembangan kanak-kanak. Kerjasama di antara ibu bapa dan PERMATA Negara sangat penting kerana dengan adanya kolaborasi antara ibu bapa dan PERMATA Negara akan wujudnya perkembangan kanak-kanak yang seimbang antara di PERMATA dan di rumah.

Di samping itu, kajian ini tertumpu kepada ibu bapa di PERMATA Negara sahaja kerana ibu bapa yang menghantar anak ke PERMATA Negara sahaja yang akan terikat dengan akur janji penglibatan ibu bapa 4 jam di PERMATA. Mereka wajib melakukan aktiviti penglibatan ibu bapa di PERMATA Negara. Jika ibu bapa gagal memenuhi 4 jam penglibatan ibu bapa di PERMATA Negara, tindakan akan di ambil terhadap ibu bapa yang tidak memenuhi jam penglibatan mereka.


Kajian ini cuba mengkaji hubungan antara penglibatan ibu bapa dengan kemahiran sosial kanak-kanak PAPN di Zon Tengah serta melihat perbezaan tahap penglibatan ibu bapa, tahap kemahiran sosial kanak-kanak berlatarbelakangkan tahap sosioekonomi yang berbeza. Sampel kajian ini ialah ibu bapa bagi kanak-kanak berumur empat tahun di PAPN sahaja.

Dalam kajian ini, dapatan data diperoleh melalui soal selidik yang ditadbir oleh ibu bapa kanak-kanak. Soal selidik yang dijawab ini terdedah kepada beberapa faktor di luar kawalan pengkaji dan data turut bergantung kepada kejujuran, emosi, persekitaran dan kefahaman sampel kajian.

1.9 Kerangka Konseptual

Kerangka konseptual telah dibangunkan berdasarkan kepada objektif dan pernyataan masalah kajian ini. Rajah 1.1 ini bertujuan untuk memberikan gambaran yang jelas mengenai hubungan penglibatan ibu bapa terhadap kemahiran sosial kanak-kanak di

PAPN Zon Tengah. Penglibatan mengikut modul kurikulum PAPN yang menekankan penglibatan ibubapa sekurang-kurangnya 4 jam selama sebulan. Selain itu, status sosioekonomi iaitu tahap pendidikan dan pendapatan ibu bapa akan dikaji perbezaannya berdasarkan tahap kemahiran sosial kanak-kanak dan penglibatan ibu bapa sekaligus melihat perbezaan penglibatan mengikut SES berbeza iaitu pendidikan dan pendapatan ibu bapa secara tidak langsung mempengaruhi tahap penglibatan ibubapa. Dalam kajian ini juga, pengkaji menggunakan Model Kemahiran Sosial yang dibangunkan oleh Merrell (2002) yang membahagikan kemahiran sosial kanak-kanak kepada tiga (3) bahagian iaitu kerjasama sosial, interaksi sosial dan kebebasan sosial yang akan diukur melalui instrumen kemahiran sosial.



Rajah 1.1 Kerangka konseptual kajian hubungan penglibatan ibu bapa dengan kemahiran sosial kanak-kanak

1.10 Definisi Istilah dan Operasional

Beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini telah ditetapkan definisinya oleh penyelidik bagi memudahkan proses-proses pengumpulan data dan analisis data.

Istilah-istilah yang seringkali digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini ialah:

1.10.1 Penglibatan ibu bapa

Penglibatan ibu bapa didefinisikan sebagai komitmen ibu bapa dalam persekolahan anak-anak dengan cara membaca bersama kanak-kanak, melakukan kerja rumah harian, memeriksa kerja mereka setiap malam dan membincangkan kemajuan kanak-kanak dengan guru (Kelly, 2007). Hoover-Dempsey dan Sandler (1997) pula mengatakan penglibatan ibu bapa bermaksud melibatkan diri dengan aktiviti anak-anak mereka melalui kerja rumah dan bekerjasama dengan rakan anak mereka serta guru di sekolah. Namun dalam kajian ini definisi operasional Penglibatan ibu bapa di PERMATA Negara adalah kerjasama dan komitmen yang dijalankan oleh ibu bapa di PERMATA Negara sebanyak 4 jam setiap bulan. Kajian ini melihat tahap penglibatan ibu bapa di PERMATA Negara berdasarkan penglibatan, halangan dan komunikasi ibu bapa di Pusat Anak PERMATA Negara sahaja bukan dirumah.

Dalam kajian ini, penglibatan ibu bapa merujuk kepada skor yang diperoleh daripada borang soal selidik yang dibina oleh Fauziah Hanim, et.al. (2014) dalam kajian penglibatan ibu bapa di Pusat Anak PERMATA Negara.

1.10.2 Kemahiran sosial

Kemahiran sosial dalam kajian ini akan menggunakan definisi oleh Schumaker & Hazel (1984), iaitu kemahiran sosial merupakan fungsi kognitif atau tingkahlaku nyata apabila seseorang individu berinteraksi dengan individu lain.

Contoh fungsi kognitif ialah kebolehan seperti empati atau memahami perasaan orang lain, dapat membezakan serta membuat kesimpulan terhadap isyarat sosial, menjangkakan dan menilai akibat daripada tingkah laku sosial. Tingkahlaku nyata pula terbahagi kepada dua komponen iaitu secara verbal dan tidak verbal seperti anggukan kepala, ekspresi wajah dan hubungan mata.

Dalam kajian ini, kemahiran sosial iaitu kerjasama sosial, interaksi sosial dan kebebasan sosial merujuk kepada skor yang diperoleh daripada soal selidik *Preschool and Kindergarten Behavior Scales-Second Edition (PKBS-2)* oleh Merrell (2002).

1.10.3 Sosioekonomi

Status sosioekonomi ini terdiri daripada satu kedudukan sosial (tahap pendidikan dan tahap pendapatan ibu bapa) atau merupakan satu konstruk yang terdiri daripada kombinasi dimensi kedudukan sosial seperti tahap pendidikan, jenis pekerjaan, tahap pendapatan dan jumlah isi rumah (Bornstein, 2002). Oleh itu, dalam kajian ini, status sosioekonomi keluarga diukur berdasarkan tahap pendidikan dan tahap pendapatan ibu bapa. Pengurukan dibuat secara unik berdasarkan dua komponen tersebut. Tahap pendapatan keluarga dikategorikan kepada tiga kumpulan iaitu tahap pendapatan rendah (RM 3 860 dan ke bawah), pertengahan (RM 3861- RM 8319) dan tinggi (RM 8 319) berdasarkan *Survey Pendapatan Isi Rumah dan Perbelanjaan 2015*. Tahap pendidikan ibu bapa pula dikategorikan berdasarkan 6 kategori iaitu (a) Tidak bersekolah, (b) Sekolah rendah (UPSR), (c) Menengah Rendah (PMR), (d) Menengah Atas (SPM/STPM), (e) Diploma dan Ijazah serta (f) Ijazah tinggi (Master / PhD).

1.11 Kesimpulan

Secara ringkasnya, bab ini telah menghuraikan dengan terperinci mengenai latar belakang kajian yang menjurus kepada rasional kajian dijalankan serta permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, limitasi kajian, dan juga definisi operasional yang digunakan sepanjang kajian ini.

Universiti Malaya

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Penglibatan ibu bapa merupakan penentu utama kejayaan pelajar (Million, 2003). Malah, kebanyakan penyelidik menyatakan bahawa penglibatan ibubapa yang aktif dan positif memberi kesan terhadap kemahiran sosial, pencapaian dan perkembangan anak-anak, kehadiran di sekolah, sikap dan tingkah laku anak-anak, dan juga matlamat mereka (John K. Bond, 2005; Becher, 1984; Burke, 2001; Cloud, DeLeon, Eugenio, Kimber, & Wu, 1989; Epstein & Dauber, 1995; Truby, 1987; U.S. Department of Education, 1994)

Walaupun kata sepakat daripada pelbagai pihak iaitu penyelidik, pendidik, penggubal undang-undang dan ibu bapa telah dicapai bahawa penglibatan ibu bapa mendatangkan banyak manfaat, tetapi terdapat beberapa halangan yang menghalang ibu bapa daripada terlibat secara penuh dalam pendidikan anak-anak (Barber & Patin, 1997).

Bab dua ini membincangkan latar belakang dan Kurikulum PERMATA Negara, serta teori dan model yang berkaitan dengan penglibatan ibu bapa dan kemahiran sosial dalam pendidikan awal kanak-kanak. Selain itu, kajian-kajian lepas tentang penglibatan ibu bapa yang dijalankan di dalam dan luar negara turut dibincangkan dalam bab ini untuk melihat sejauh mana ibu bapa terlibat dalam pendidikan anak-anak.

2.2 Penubuhan PERMATA Negara

2.2.1 Latar Belakang Program PERMATA Negara

Program PERMATA Negara telah dikonsepsi pada tahun 2004/2005 oleh sekumpulan pakar sebagai satu pendekatan proaktif untuk menangani masalah sosial di kalangan remaja dan belia. Maka dengan itu, idea ini diteruskan dan direalisasikan dengan penubuhan Majlis Penyelarasan Dasar PERMATA Negara dan Jawatankuasa Kerja Dasar PERMATA Negara pada April 2006.

Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-kanak Kebangsaan atau National Child Development Research Centre (NCDRC) ditubuhkan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (www.ncdrc.upsi.edu.my/history-and-background), dengan idea awal mengenai keperluan penubuhan NCRDC telah dicetuskan oleh kertas yang dibentangkan kepada Kumpulan Penasihat PERMATA Negara pada 14 Oktober 2005 setelah menyedari bahawa tidak ada badan atau pusat khusus untuk menyelaraskan isu-isu yang berkaitan dengan perkembangan awal kanak-kanak di Malaysia.

NCDRC dipertanggungjawabkan untuk menyediakan latihan kepada pendidik dan jurulatih PERMATA. Pada Jun 2006, Jemaah Menteri telah meluluskan dasar komprehensif dan holistik berhubung asuhan dan didikan awal kanak-kanak yang dikenali sebagai “Setiap Anak PERMATA Negara”. Ini merupakan sebagai satu landasan asas misi nasional membangunkan modal insan berjiwa murni dan berminda kelas pertama. Sebuah sekretariat di tubuhkan di Jabatan Perdana Menteri membangun, memantap dan menyelaras dasar tersebut serta melaksanakan Program Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak yang dikenali sebagai Program PERMATA Negara. Justeru itu, pada Mei 2007 telah bermula Projek Perintis PERMATA Negara

di lima buah Pusat Anak PERMATA Negara (PAPN), iaitu di Putrajaya, Subang Jaya, Chini, Kepala Batas dan Mempaga dengan menggunakan Kurikulum PERMATA Negara.


2.2.2 Kurikulum PERMATA Negara

Dalam Modul Kurikulum PERMATA Negara (2013) menyatakan bahawa ibu bapa adalah orang pertama bagi kanak-kanak mendapat kasih sayang dan kemesraan apabila dilahirkan. Belaian, perhatian dan didikan ibu bapa yang sempurna dapat membina perasaan selamat, disayangi dan ketenteraman dalam jiwa anak-anak. Oleh itu, penglibatan ibu bapa di Pusat Anak PERMATA Negara adalah sangat penting dan memberi makna kerana ianya boleh menyumbang perasaan selamat dan jiwa yang tenteram kepada kanak-kanak dan ini akan mewujudkan proses pembelajaran yang optima.

Selain itu dalam Modul Kurikulum PERMATA Negara 2013 yang dikemaskini juga menyatakan bahawa dengan penglibatan ibu bapa secara aktif di Pusat Anak PERMATA Negara akan menjadikan anak-anak dapat mengetahui bahawa ibu bapa mereka juga menghargai sekolah dan pendidikan mereka. Ini akan mempertingkatkan peluang kejayaan anak-anak. Ibu bapa juga memainkan peranan yang penting dalam melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran di PERMATA Negara kerana dengan penglibatan yang berterusan serta komitmen daripada mereka akan menghasilkan satu “pulangan” atau keuntungan yang memberansangkan terhadap perkembangan anak-anak. Malah ibu bapa juga akan mendapat manfaat daripada aktiviti penglibatan ibu bapa yang dilakukan di PERMATA Negara.

Modul Kurikulum PERMATA Negara juga menyatakan bahawa penglibatan ibu bapa bukan sahaja dapat membantu meningkatkan keyakinan dan harga diri

kanak-kanak namun ianya boleh membantu meningkatkan kemahiran sosial dan sahsiah diri anak, malah ibu bapa juga dapat meningkatkan keyakinan diri mereka sendiri kerana mereka merasakan sumbangan dan idea yang mereka curahkan diterima pakai oleh pendidik di PERMATA. Dalam pada itu, Modul Kurikulum PERMATA Negara menekankan kolaborasi antara ibu bapa dan PERMATA kerana ianya menunjukkan bahawa adanya perkongsian dan hak bersama antara ibu bapa dan PERMATA Negara terhadap pembelajaran dan perkembangan kanak-kanak. Reka bentuk kurikulum PERMATA Negara menekankan penglibatan ibu bapa di PERMATA. Pendidik di Pusat Anak PERMATA Negara perlu memastikan kolaborasi ibu bapa wujud bagi membina hubungan yang baik dengan ibu bapa dan juga komuniti setempat demi kepentingan pembelajaran kanak-kanak. Oleh itu, penglibatan ibu bapa adalah diwajibkan bagi setiap ibu bapa di Pusat Anak PERMATA Negara bagi memenuhi peraturan ini.



Rajah 2.1 Model Konseptual Kurikulum PERMATA Negara – Kurikulum PERMATA Negara

Model konseptual Kurikulum PERMATA Negara ditunjukkan seperti di Rajah 2.1 merupakan model yang menunjukkan penggabungan komponen pengasuhan dan pendidikan yang perlu dijalankan dan upayakan melalui usaha pendidik yang terlatih dan profesional, penglibatan ibu bapa dan komuniti dengan bantuan sistem sokongan yang mantap dari pihak berwajib.

2.3 Penglibatan Ibu Bapa di Pusat Anak PERMATA Negara (PAPN)

Merujuk Kurikulum PERMATA Negara 2012, kurikulum ini menekankan penglibatan dan kolaborasi ibu bapa serta komuniti. Ibu bapa adalah kumpulan utama yang memainkan peranan penting dalam aktiviti pengasuhan dan pendidikan anak-anak mereka sama ada di rumah mahupun di Pusat Anak PERMATA Negara (PAPN) (Kurikulum PERMATA Negara, 2012). Penglibatan yang berterusan akan membantu proses perkembangan dan pembelajaran anak-anak di taska mahupun di rumah. Hal

ini kerana ibu bapa datang daripada berbagai pengalaman dan kepakaran yang boleh dikongsi bersama dengan anak-anak PERMATA Negara. Penglibatan ibu bapa di Pusat Anak PERMATA Negara dapat menyemai rasa kepunyaan, menghormati dan menghargai sumbangan yang diberikan oleh pendidik kepada anak-anak mereka (Kurikulum PERMATA Negara, 2012).

Sejak awal penubuhan PERMATA Negara pada tahun 2007, ibu bapa digalakkan untuk hadir ke Pusat Anak PERMATA Negara untuk melakukan penglibatan bersama anak-anak PERMATA Negara selama 4 jam sebulan. Penglibatan ibu bapa di bawah program PERMATA Negara adalah wajib dilakukan oleh setiap ibu bapa di PERMATA Negara sekurang-kurangnya 4 jam sebulan (Kurikulum PERMATA Negara, 2012). Masa penglibatan adalah mengikut kelapangan ibu bapa sendiri di mana mereka berhak untuk menentukan masa dan tarikh untuk hadir ke Pusat Anak PERMATA Negara bagi menjalankan penglibatan setiap bulan. Oleh sedemikian, setiap ibu bapa disarankan untuk memberitahu pendidik terlebih dahulu sebelum hadir ke PAGN pada satu-satu masa untuk mengelakkan pertembungan masa dengan ibu bapa bagi kanak-kanak yang lain. Setiap Pusat Anak PERMATA Negara diwajibkan menubuhkan Persatuan Ibu bapa dan Pendidik (PIBP) (Kurikulum PERMATA Negara, 2012). Persatuan ini dianggotai oleh ibu bapa dan pendidik yang berada di Pusat Anak PERMATA Negara (PAPN). Melalui persatuan ini, ibu bapa dan pendidik dapat membuat perbincangan tentang aktiviti yang akan dijalankan bersama anak-anak di PERMATA Negara. Pecahan penglibatan pada setiap bulan adalah berdasarkan hasil perbincangan kesemua ibu bapa dalam persatuan ini. Sebagai contoh, satu jam penglibatan akan diambil kira jika ibu bapa hadir mesyuarat bulanan, dua jam bagi

program bulanan (gotong-royong, sambutan hari raya) dan manakala lagi satu jam adalah penglibatan bersama kanak-kanak di Pusat Anak PERMATA Negara.

Pendidik di PERMATA Negara adalah bertanggungjawab membuat perancangan yang teliti pada awal tahun untuk mendapatkan komitmen ibu bapa terlibat dalam aktiviti di Pusat Anak PERMATA Negara (PAPN) sepanjang tahun. Dengan perbincangan dan perancangan yang baik, jadual penglibatan ibu bapa dan komuniti boleh disediakan dan akan melancarkan lagi aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan. Ini juga memudahkan ibu bapa di PERMATA Negara membuat perancangan awal bagi mendapatkan pelepasan majikan supaya dapat terlibat dalam aktiviti di Pusat Anak PERMATA Negara (Modul Kurikulum PERMATA Negara, 2013).

Dengan adanya penglibatan ibu bapa di PERMATA Negara, penglibatan ibu bapa dalam pendidikan awal kanak-kanak dapat dipertingkatkan (Kurikulum PERMATA Negara, 2012). Hal ini juga membantu proses perkembangan anak-anak selari dan berkesinambungan di antara PERMATA Negara dan di rumah (Modul Kurikulum PERMATA Negara, 2013).

Terdapat panduan aktiviti dalam melibatkan ibu bapa di PERMATA Negara Dalam Modul Kurikulum PERMATA Negara, 2013. Antaranya ialah:

1. Menyediakan bahan pembelajaran untuk kanak-kanak pelbagai peringkat umur dalam pelbagai bidang pembelajaran.
2. Menguruskan kanak-kanak semasa aktiviti pembelajaran seni kreatif, awal sains, pra-matematik, awal literasi atau dalam aktiviti bermain yang sesuai dengan kepakaran dan kebolehan ibu bapa.

3. Membaca buku bersama kanak-kanak di Pusat Anak PERMATA Negara.
4. Bercerita kepada kanak-kanak untuk meningkatkan kemahiran berkomunikasi. Sebagai contoh, ibu bapa boleh bercerita mengenai pekerjaan atau hobi masing-masing.
5. Membantu dan mengajar kanak-kanak bermain alat muzik, menyanyi, menari atau berlakon.
6. Membantu kanak-kanak menyediakan buku skrap.
7. Membina 'learning story' bersama kanak-kanak.
8. Membimbing kanak-kanak menggunakan peralatan IT seperti komputer, i-book, dan sebagainya.
9. Membimbing kanak-kanak berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris melalui nursery rhymes dan bercerita.
10. Mengadakan aktiviti masakan.

2.4 Teori-Teori Yang Digunakan Dalam Kajian

Dalam kajian ini terdapat 3 jenis teori yang telah digunakan iaitu Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979) yang memfokuskan kepada faktor persekitaran sekeliling kanak-kanak boleh membantu dalam perkembangan kanak-kanak. Manakala teori yang kedua digunakan dalam kajian ini adalah Model Epstein iaitu model penglibatan ibu bapa yang menyatakan bahawa sekolah dan keluarga berkongsi tanggungjawab sosialisasi kanak-kanak dan teori ketiga yang diguna pakai dalam kajian ini adalah teori pembelajaran sosial oleh Albert Bandura (1971) menyatakan bahawa tingkahlaku seseorang adalah diperolehi daripada peniruan individu terhadap individu yang lebih dewasa iaitu dalam kajian ini ianya merujuk kepada kanak-kanak dan ibu bapa.

2.4.1 Teori Sistem Ekologi Bronfenbrenner

Faktor-faktor persekitaran di sekeliling kanak-kanak memainkan peranan dalam proses perkembangan kanak-kanak. Peranan ibu bapa dalam kehidupan dan perkembangan anak-anak adalah penting kerana mereka adalah individu yang paling hampir dengan anak-anak mereka (Bronfenbrenner, 1979, 1989). Oleh yang demikian, penglibatan ibu bapa di sekolah pada setiap peringkat umur kanak-kanak sangat penting dan membantu dalam proses perkembangan kanak-kanak.

Menurut Bronfenbrenner (1979, 1989), persekitaran kanak-kanak terdiri daripada satu set sistem sosial sebagai struktur berlapis bermula dengan mereka yang terdekat dengan kehidupan kanak-kanak seperti ibu-bapa serta keluarga dan beransur kepada mereka yang akan terlibat dalam kehidupan kanak-kanak ini secara langsung atau tidak langsung. Bronfenbrenner memperkenalkan lima lapisan sistem yang mempengaruhi proses pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak. Sistem-sistem tersebut ialah mikrosistem, mesosistem, ekosistem, dan makrosistem.

Mikrosistem merujuk kepada persekitaran yang terdekat dengan dunia kanak-kanak tersebut. Lapisan pertama ini mewakili hubungan serta interaksi kanak-kanak dengan ibubapa. Pada lapisan ini juga merupakan persekitaran yang terdekat di mana kanak-kanak mempunyai interaksi secara langsung dan menghabiskan paling banyak masa bersama ibu bapa mereka. Ibu bapa yang menunjukkan kasih sayang dan penjagaan yang baik akan memberi kesan berbeza jika dibanding dengan ibu bapa yang tidak kisah atau garang. Dalam masa yang sama tingkah laku atau respon kanak-kanak juga akan mempengaruhi sikap ibu bapa atau penjaga terhadap kanak-kanak tersebut. Misalnya, kanak-kanak yang berkelakuan baik akan disenangi oleh orang dewasa di sekitarnya dan mereka berkemungkinan akan memberi respon

positif terhadap kanak-kanak ini dan sebaliknya. Di samping itu, hubungan antara ibu bapa juga memberi kesan kepada pengalaman kanak-kanak. Ibu bapa yang sentiasa memberi sokongan sesama sendiri adalah lebih berkesan dalam hal asuhan dan penjagaan kanak-kanak (Berk, 2013).


Lapisan kedua adalah lapisan mesosistem. Mesosistem melibatkan interaksi antara ibu bapa dengan pendidik, ibu bapa dengan jiran, ibu bapa dengan sekolah serta sekolah dengan jiran dan bagaimana ia mempengaruhi perkembangan kanak-kanak. Contohnya, penglibatan ibu bapa dalam aktiviti kanak-kanak di sekolah boleh memberi sokongan yang dapat membantu kemajuan akademik kanak-kanak. Selain itu, keadaan di rumah boleh mempengaruhi tingkah laku kanak-kanak di sekolah. Individu yang mempunyai masalah di rumah akan membawa masalah tersebut ke sekolah. Contohnya, jika terdapat seorang kanak-kanak yang bersikap murung ketika berada di rumah, maka tidak mustahil kanak-kanak tersebut akan berkeadaan sedemikian di sekolah. Dan ini akan meninggalkan kesan yang negatif kepada kanak-kanak. Jesteru, pada lapisan ini melibatkan penglibatan orang sekeliling yang turut memberi kesan kepada perkembangan kanak-kanak. Maka dengan itu, penglibatan ibu bapa di sekolah sangat penting bagi kanak-kanak kerana ianya membantu proses perkembangan kanak-kanak yang sihat dan positif.

Ekosistem pula merupakan lapisan ketiga dalam teori ini. Lapisan ini mewakili organisasi yang tidak melibatkan kanak-kanak tetapi mempunyai pengaruh secara langsung ke atas kanak-kanak tersebut. Misalnya, peraturan-peraturan di tempat kerja ibu bapa seperti cuti atau waktu kerja fleksibal. Contohnya ibu bapa membuat keputusan untuk berpindah rumah, tanpa meminta persetujuan daripada kanak-kanak. Apabila hal ini berlaku, maka persekitaran kanak-kanak akan berubah

apabila perpindahan berlaku. Hal ini terjadi kerana kanak-kanak tidak dapat membiasakan diri di tempat baru pada peringkat awal. Hal ini menunjukkan bahawa kanak-kanak tidak terlibat dalam keputusan ibu bapa, tetapi keputusan tersebut turut memberi kesan ke atas kanak-kanak. Ekosistem juga merangkumi saudara mara dan rakan ibu bapa yang dapat membantu keluarga. Ekosistem merupakan pengalaman dengan persekitaran yang tidak melibatkan murid secara langsung. Ini menunjukkan pengalaman individu tersebut akan turut mempengaruhi orang lain.

Makrosistem merupakan lapisan di mana berlaku perubahan keadaan dalam tempoh suatu masa. Misalnya, kanak-kanak hari ini lebih fokus kepada permainan-permainan komputer jika dibandingkan dengan kanak-kanak era dahulu yang lebih gemar bermain di persekitaran rumah. Makrosistem juga merupakan perkembangan individu yang dipengaruhi oleh norma-norma, nilai dan amalan masyarakat. Sebagai contoh, di sesetengah negara, kaum lelaki diberi peranan yang lebih besar di mana mereka diberi peluang pelajaran dan pekerjaan-pekerjaan yang penting. Di negara-negara barat pula, kaum wanita mempunyai peluang dan hak yang sama dengan kaum lelaki. Ini memberi kesan ke atas perkembangan sosial dan emosi khususnya ke atas peranan mereka dalam masyarakat.

Daripada pembacaan lanjut yang dibaca dan diteliti oleh penyelidik, lapisan pertama dan kedua dalam teori ini iaitu mesosistem adalah lapisan yang penting dan berkait rapat dengan kajian ini. Ini kerana pada lapisan tersebut melibatkan interaksi semua pihak iaitu kanak-kanak dan ibu bapa, ibu bapa dengan komuniti berhampiran seperti jiran, sekolah, pendidik dan sebagainya.



Rajah 2.2 Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979, 1989)

Dalam model ini menunjukkan bahawa betapa pentingnya peranan ibu bapa dalam kehidupan dan perkembangan anak-anak kerana mereka adalah individu yang paling hampir dengan anak-anak mereka. Faktor-faktor persekitaran di sekeliling kanak-kanak juga memainkan peranan dalam proses perkembangan kanak-kanak. Oleh yang demikian, penglibatan ibu bapa di sekolah pada setiap peringkat umur kanak-kanak sangat penting dan membantu dalam proses perkembangan kanak-kanak.

2.4.2 Model Penglibatan Ibu Bapa: Model Epstein

Epstein (1996), membina model penglibatan ibu bapa. Pada pendapat Epstein, sekolah dan keluarga berkongsi tanggungjawab sosialisasi kanak-kanak. Oleh itu, teori beliau menyatakan bahawa sesuatu pencapaian anak-anak adalah dengan kolaborasi antara keluarga dan sekolah dan mereka berkongsi matlamat dan misi

yang sama dalam mencapai objektif untuk pencapaian dan perkembangan anak-anak. Terdapat tiga konteks yang paling penting dalam perkembangan kanak-kanak iaitu keluarga, sekolah dan masyarakat. Walaupun beberapa perkara yang dilakukan di sekolah dan keluarga yang dijalankan secara berasingan, terdapat beberapa perkara penting yang perlu dilakukan bersama oleh ibu bapa dan sekolah sebagai mencerminkan bahawa ibu bapa dan pendidik berkongsi tanggungjawab yang sama.


Konsep keluarga seperti sekolah (family-like school) dan sekolah seperti keluarga (school-like family) yang diperkenalkan oleh Epstein adalah untuk memberi penekanan kepada keluarga bahawa kanak-kanak adalah individu yang berkepentingan untuk sekolah, dan ibu bapa perlu mengambil berat dan ambil tahu tentang kerja rumah dan pembelajaran anak-anak secara umumnya. Manakala sekolah adalah untuk menjadikan setiap kanak-kanak berasa istimewa, diterima dan dianggap keluarga dalam sekolah. Prinsip yang sama juga digunakan pada peringkat komuniti dan ianya juga berhubungkait dengan keluarga dan sekolah.

Epstein mengandaikan bahawa kanak-kanak itu adalah penyebab utama perhubungan di antara rumah dan sekolah. Maka, model memberi tumpuan kepada peranan utama kanak-kanak itu sebagai pelajar dalam interaksi antara keluarga dan sekolah, ibu bapa dan guru, atau masyarakat. Jika kanak-kanak merasa individu dan masyarakat disekelilingnya mengambil berat tentang diri mereka, kanak-kanak akan keras dalam memainkan peranansebagai seorang pelajar dan mereka akan lebih cenderung untuk melakukan yang terbaik dalam bidang akademik dan bidang-bidang lain.

Model Epstein mencadangkan enam aspek penglibatan ibubapa iaitu keibubapaan (parenting), komunikasi (communicating), kesukarelaan (volunteering),

pembelajaran di rumah (Learning at home), membuat keputusan (decision-making) dan kolaborasi dengan komuniti (collaboration with the community). Aspek keibubapaan (parenting) sangat berkait rapat dalam kajian ini.

Dalam kajian ini aspek keibubapaan sangat penting, aspek ini membantu sesebuah keluarga dengan kemahiran keibubapaan, sokongan keluarga, kefahaman kanak-kanak dan perkembangan remaja, serta menetapkan syarat di rumah untuk menyokong pembelajaran pada setiap peringkat umur dan tahap gred. Ianya juga membantu sekolah dalam memahami latar belakang, budaya, dan matlamat sesebuah keluarga bagi kanak-kanak yang berada di sekolah. Selain itu, dalam aspek keibubapaan, keluarga adalah satu institusi yang bertanggungjawab menyediakan keperluan asasi termasuk pendidikan, kesihatan dan keselamatan anak-anak. Hal ini bagi mewujudkan persekitaran rumah yang menggalakkan pembelajaran dan tingkah laku yang baik di sekolah dan sekolah pula harus menyediakan latihan dan maklumat untuk membantu keluarga memahami dan menggalakkan pembangunan anak-anak mereka.



Rajah 2.3 Model Epstein – Joyce L-Epstein, Ph.D. et. al. (2002) Partnership Center for the Social Organization of Schools.

2.4.3 Teori Kemahiran Sosial: Teori Pembelajaran Sosial (Albert Bandura)

Tingkh laku anak-anak adalah merupakan tingkh laku yang dipelajari melalui peniruan daripada model yang signifikan atau individu yang dianggap penting dan dihormati dalam kehidupan kanak-kanak tersebut (Bandura, 1971) . Dalam kajian ini, Teori Pembelajaran Sosial (Social Learning Theory) (Bandura, 1971) dipilih sebagai asas kajian untuk memahami perkembangan kemahiran sosial kanak-kanak yang merupakan salah satu bentuk tingkh laku dan hubungannya dengan penglibatan ibu bapa di mana ibu bapa merupakan individu yang signifikan dalam kehidupan seorang anak.

Teori Pembelajaran Sosial (Bandura, 1971) menyatakan bahawa tingkh laku dipelajari melalui peniruan daripada model yang signifikan atau individu yang dianggap penting dan dihormati. Berdasarkan teori ini, peniruan merupakan saluran kepada pembelajaran maklumat yang abstrak (learning abstract information) dan juga pembelajaran tentang kemahiran yang konkrit (Bandura, 1977). Kemahiran sosial boleh dipelajari sepertimana kemahiran-kemahiran yang lain. Proses pembelajaran kemahiran ini akan melalui pelbagai interaksi antara individu dan persekitaran sama ada secara langsung atau tidak langsung yang melibatkan pemerhatian dan peniruan kepada tingkh laku orang lain atau model yang signifikan. Oleh kerana ketika usia kanak-kanak, mereka lebih banyak terdedah kepada interaksi dengan ibu bapa dan ibu bapa merupakan rujukan utama mereka, kemahiran sosial dipelajari daripada ibu bapa secara tidak langsung melalui pemerhatian dan peniruan. Bandura dalam satu kajiannya mengkaji tingkh laku ibu bapa kepada dua kumpulan anak iaitu anak yang agresif dan anak yang terkawal. Dengan menjadikan teori ini

sebagai asas kajiannya, jangkauan hasil dapatan kajian menyatakan bahawa tingkahlaku anak sepatutnya selari dengan tingkahlaku ibu bapa.

Menurut Bandura (1977), terdapat tiga jenis model yang diketengahkan iaitu model individu, model arahan verbal dan model simbolik. Model individu termasuklah seseorang individu menunjukkan sesuatu tingkahlaku, model arahan verbal merangkumi penjelasan dan penerangan tingkahlaku secara verbal manakala model simbolik termasuklah karakter yang dibawa oleh filem, rancangan televisyen, buku dan komik. Individu yang menjadi model ini kebiasaannya individu yang berpengaruh dan menjadi tempat rujukan si pemerhati (Bandura, 1977). Individu yang mudah dipengaruhi oleh model ialah individu yang hidup bergantung (dependent), sentiasa diberikan ganjaran atas tingkahlaku yang ditiru serta mempunyai estim diri yang rendah (Bandura, 1977). Kanak-kanak contohnya yang masih bergantung hidup dengan ibu bapa, maka mereka mudah dipengaruhi oleh tingkahlaku ibubapa mereka yang merupakan individu yang menjadi tempat rujukan anak-anak.

Proses peniruan ini terdiri daripada beberapa bentuk iaitu peniruan secara langsung, peniruan secara simbolik dan peniruan secara sintesis (Kauchak & Eggen, 2010). Peniruan secara langsung berlaku apabila kanak-kanak meniru tingkahlaku model manakala peniruan secara simbolik melibatkan peniruan tingkahlaku yang ditunjukkan oleh karakter di dalam buku, permainan, televisyen dan filem. Peniruan secara sintesis pula memperlihatkan kemampuan kanak-kanak bertingkahlaku dengan menggabungkan beberapa bahagian perlakuan yang diperhatikan. Beberapa siri pemerhatian dan pembelajaran oleh beberapa model, akan disimpan dan digabungkan untuk menghasilkan tingkahlaku yang lebih bermakna dan bersesuaian

dengan situasi tertentu. Kanak-kanak yang meniru tingkahlaku ibubapa termasuk dalam ketagori peniruan secara langsung.

Namun begitu, tidak semua tingkahlaku model ditiru. Setiap individu akan membuat penilaian terhadap sesuatu perkara berdasarkan apa yang dialami atau dilihat mereka daripada model atau persekitaran. Tingkahlaku yang mendapat peneguhan positif lebih dicontohi berbanding tingkahlaku yang mendapat peneguhan negatif atau hukuman (Bandura, 1965). Sebaliknya sekiranya tingkahlaku tidak disertai dengan sebarang peneguhan, kecenderungan peniruan tingkahlaku adalah kepada model yang menarik, disukai dan berjaya. Dalam konteks kanak-kanak pula, mereka cenderung menjadikan ibu bapa atau guru sebagai model ikutan di samping pengaruh model simbolik daripada televisyen, filem dan media visual lain (Bandura, 1977).

Peniruan tingkahlaku model yang membentuk tingkahlaku individu ini melalui beberapa proses berikut (Bandura, 1977):

i. Pemerhatian

Pemerhati membuat pemerhatian berfokus kepada sesuatu tingkahlaku orang yang signifikan dengannya atau model.

ii. Mengingati

Pemerhati mengingati tingkahlaku. Maklumat disimpan secara kognitif dan diingat dalam bentuk grafik mental, penyusunan kognitif, simbolik dan sebagainya.

iii. Reproduksi

Imej atau maklumat yang diperhatikan dipersembahkan dalam bentuk tingkahlaku pemerhati. Proses ini bergantung kepada keupayaan fizikal, kemahiran meniru dan kemahiran mengingat individu pemerhati tersebut.

iv. Peneguhan dan motivasi

Pemerhati membuat penilaian dan bertindakbalas terhadap tingkahlaku yang dihasilkan. Sekiranya tingkahlakunya mendapat kepuasan, mendapat ganjaran fizikal atau emosi, atau peneguhan positif, pemerhati bermotivasi untuk melakukan tingkahlaku tersebut. Sebaliknya, jika mendapat tindakbalas negatif, ketidakpuasan atau peneguhan negatif, tingkahlaku tersebut ditinggalkan (Bandura, 1965; Kail, 1998).


Berdasarkan Teori Pembelajaran Sosial ini, teori ini membuktikan bahawa tingkahlaku anak-anak dipelajari daripada persekitaran sosial seperti interaksi dengan ibu bapa, keluarga, rakan sebaya dan media massa. Ibu bapa mempunyai pengaruh besar dalam pembentukan tingkahlaku anak-anak terutamanya kanak-kanak prasekolah yang masih mempunyai jaringan sosial yang terhad (Bornstein, 2002). Mereka merupakan individu terdekat serta menjadi rujukan dalam kehidupan anak-anak. Emosi yang ditunjukkan dan penglibatan ibu bapa mengajar kanak-kanak secara implisit tentang emosi yang diterima dan diharapkan dalam suasana kekeluargaan serta mengajar cara untuk menguruskan emosi tersebut dalam suasana berbeza (Morris, Silk, Steinberg, Myers, & Robinson, 2007).

2.5 Kerangka Teoritikal Kajian

Dalam sesebuah kajian penyelidikan, teori atau model diperlukan sebagai panduan sepanjang kajian serta digunakan untuk meramal dan menerangkan persoalan kajian (Creswell, 2009).

Kajian ini akan menyelidik hubungan penglibatan ibu bapa dengan kemahiran sosial kanak-kanak yang merupakan salah satu elemen penting dalam perkembangan kanak-kanak. Teori Pembelajaran Sosial Bandura yang menyatakan bahawa manusia mempelajari tingkahlaku melalui peniruan tingkahlaku individu yang signifikan, menjadi asas kepada perkaitan kemahiran sosial dengan penglibatan ibu bapa termasuk gaya keibubapaan. Ibu bapa merupakan individu signifikan dalam kehidupan kanak-kanak maka tingkahlaku mereka sentiasa dilihat dan diperhatikan oleh anak-anak seterusnya menyumbang kepada pembentukan tingkahlaku, karakter serta pelbagai aspek perkembangan anak (Alizadeh et al., 2011; Bronfenbrenner (1979, 1989; Darling & Steinberg, 1993; M. Rubin & Kelly, 2015; Topham et al., 2011) termasuklah kemahiran sosial.

Sedangkan Teori Ekologi dari Bronfenbrenner (1979, 1989) mengkaji dari sudut konteks sosial seseorang kanak-kanak yang mempengaruhi kehidupan dan perkembangan mereka. Menurut Bronfenbrenner, persekitaran kanak-kanak terdiri daripada satu set sistem sosial sebagai struktur berlapis bermula dengan mereka yang terdekat dengan kehidupan kanak-kanak seperti ibu bapa serta keluarga dan beransur kepada mereka yang akan terlibat dalam kehidupan kanak-kanak ini secara langsung atau tidak langsung yang mempengaruhi anak-anak mereka. Rajah 2.4 menunjukkan kerangka teori kajian seperti berikut:



Rajah 2.4 Kerangka teoritikal kajian penglibatan ibu bapa dan hubungannya dengan kemahiran sosial kanak-kanak.

Kerangka teori dalam kajian ini adalah berfokuskan kepada penglibatan ibu bapa di Pusat Anak Permata Negara dengan menggunakan teori Ekologi daripada Bronfenbrenner (1979) yang menekankan kepada pengaruh persekitaran ke atas perkembangan individu. Dalam konteks kajian ini, penglibatan ibu bapa akan membantu dalam perkembangan kanak-kanak kerana ibu bapa merupakan orang yang paling dekat dan mempunyai pengaruh besar kepada kanak-kanak. Kajian ini juga berfokuskan kepada kemahiran sosial kanak-kanak yang menggunakan teori pembelajaran sosial (Bandura, 1977) menyatakan kanak-kanak mempelajari tingkahlaku daripada peniruan yang paling hampir dengan mereka adalah ibu bapa. Keseluruhan kajian ini melihat kepada hubungan penglibatan ibu bapa dengan kemahiran sosial kanak-kanak di Pusat Anak Permata Negara.

2.6 Kajian Penglibatan Ibu Bapa Di Luar Negara Dan Malaysia.

Terdapat banyak kajian-kajian lepas dari luar negara dan Malaysia yang telah dilakukan berkaitan dengan isu penglibatan ibu bapa dalam tempoh pendidikan awal

kanak-kanak. Antara kajian-kajian penglibatan ibu bapa yang telah dijalankan diluar negara adalah seperti berikut:-

2.6.1 Kajian Penglibatan Ibu Bapa Di Luar Negara

Xin Ma, Jianping Shen, Huilan Y. Krenn, Shanshan Hu & Jing Yuan (2016) melihat hubungan antara hasil pembelajaran kanak-kanak dan penglibatan ibu bapa dalam tempoh pendidikan awal kanak-kanak daripada 46 kajian. Yangmana pembolehubah hasil pembelajaran adalah pencapaian akademik anak-anak dengan penglibatan ibu bapa. Keputusan kajian menunjukkan terdapat korelasi yang kuat dan positif antara hasil pembelajaran dan penglibatan ibu bapa.

Muhammed Ozturk (2013) menjalankan kajian tentang penglibatan ibu bapa daripada keluarga yang pelbagai budaya. Kajian ini bertujuan untuk memahami penglibatan ibu bapa di kalangan keluarga yang pelbagai budaya di Turki. Hasil dapatan kajian ini mendapati bahawa penglibatan ibu bapa dapat membantu prestasi pencapaian kanak-kanak di sekolah dan juga dapat membina hubungan yang erat antara ibu bapa dan sekolah. Dalam kajian ini juga menyatakan bahawa apabila ibu bapa melibatkan diri dalam pendidikan anak-anak, anak-anak akan dapat meningkatkan motivasi diri di samping menunjukkan peningkatan yang baik dan cemerlang dalam perkembangan diri dan pendidikan mereka. Selain itu, kanak-kanak juga dapat meningkatkan keyakinan diri mereka apabila ibu bapa mereka terlibat sama dalam perihal persekolahan mereka.

Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan awal juga dianggap sebagai kunci kejayaan kepada kanak-kanak sekolah dan kejayaan akademik (Henrich & Blackman-Jones, 2006). DeBaryshe (2007) mendapati bahawa kesan penglibatan ibu

bapa ke atas awal literasi dan pra-matematik ke atas kanak-kanak sangat berkesan dengan adanya penglibatan ibu bapa di sekolah.

Kajian yang dijalankan oleh (Henrich, 2013) pula menitik beratkan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan awal kanak-kanak. Kajian ini bertujuan melihat kepentingan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan awal kanak-kanak dalam membantu perkembangan, pembelajaran dan pencapaian kanak-kanak. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa penglibatan ibu bapa dalam pendidikan awal kanak-kanak adalah salah satu cara kepada kanak-kanak untuk lebih bersedia dalam menghadapi alam persekolahan yang lebih mencabar di masa akan datang dan juga bagi pencapaian akademik kanak-kanak pada masa hadapan. Ini merupakan salah satu kepentingan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan awal kanak-kanak yang menunjukkan bahawa ibu bapa perlu terlibat dalam perihal pendidikan kanak-kanak sejak dari awal lagi.

Dalam kajian Topor (2007), kajian ini adalah tentang penglibatan ibu bapa dalam pencapaian akademik kanak-kanak sekolah rendah. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji dua mekanisme yang penting iaitu persepsi kecekapan kognitif kanak-kanak dan kualiti hubungan antara murid dan guru, sebagai pengantara antara penglibatan ibu bapa dan pencapaian akademik kanak-kanak. Kajian ini jelas ingin melihat bagaimana penglibatan ibu bapa dapat meningkatkan pencapaian akademik kanak-kanak. Dapatan kajian ini secara statistiknya menunjukkan hubungan yang signifikan di antara penglibatan ibu bapa dengan pencapaian akademik kanak-kanak. Selain itu, dapatan kajian ini juga menunjukkan hasil bahawa wujudnya kaitan di antara dua pengantara iaitu persepsi kecekapan kognitif kanak-kanak dan hubungan murid-guru dalam penglibatan ibu bapa dan pencapaian akademik.

Wanke (2008) melakukan kajian penglibatan ibu bapa dalam pendidikan kanak-kanak. Kajian ini adalah satu projek untuk mengumpul lebih banyak maklumat mengenai penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak. Dalam kajian ini mendapati bahawa terdapat beberapa kesan positif dalam menjalankan penglibatan ibu bapa. Kesan positif yang dapat dilihat adalah kehadiran anak-anak yang memberangsangkan, perkembangan kognitif yang positif, kemahiran sosial dan pencapaian akademik yang baik, dan tingkah laku serta sikap yang positif lahir dalam diri anak-anak. Ini menunjukkan bahawa penglibatan ibu bapa sangat penting dalam pendidikan kanak-kanak agar dapat melahirkan individu yang berguna di masa hadapan.

Analisis bagi 51 kajian yang dijalankan oleh Henderson dan Mapp (2002) menunjukkan bahawa pelajar yang ibu bapanya menjalankan penglibatan ibu bapa mempunyai kadar pencapaian akademik yang 30% lebih tinggi daripada mereka yang ibu bapanya tidak melakukan penglibatan ibu bapa dengan anak-anak. Justeru, kita dapat lihat di sini bahawa penglibatan ibu bapa sangat penting dalam apa jua pencapaian dan perkembangan anak-anak.

Arnorld, Alexandra Zeljo, dan Doctoroff (2008) tujuan kajian untuk mengetahui hubungan penglibatan ibu bapa kanak-kanak prasekolah dan kemahiran awal literasi kanak-kanak. Kajian juga menguji SES, kemurungan ibu bapa dan status ibu bapa tunggal sebagai prediktor keatas penglibatan ibu bapa. Seramai 163 kanak-kanak prasekolah dari keluarga berpendapatan rendah. Keputusan kajian menunjukkan semakin baik penglibatan ibu bapa maka semakin baik kemahiran literasi awal kanak-kanak. SES secara positif mempunyai hubungan dengan

penglibatan, kemudian keputusan juga menunjukkan tiada hubungan signifikan kemurungan dengan penglibatan ibu bapa.

Flavian (2013) bertujuan mengukur tahap penglibatan ibu bapa dan guru melalui komunikasi, strategi komunikasi. Kajian juga ingin melihat hubungan strategi dan penglibatan ibu bapa. Kajian ini menggunakan model Joyce Epstein untuk mengukur penglibatan ibu bapa. Kajian melibatkan 180 ibu bapa kanak-kanak tadika dan 30 orang guru di sekolah kerajaan dan swasta di Kenya. Soal selidik dibina sendiri oleh pengkaji dalam kajian ini. Keputusan kajian menunjukkan terdapat hubungan signifikan di antara penggunaan strategi komunikasi guru dan penglibatan ibu bapa. Adapun strategi yang digunakan adalah kad laporan, bercakap secara langsung kepada ibu bapa, penglibatan ibu bapa dalam aktiviti sekolah dan penggunaan diari.

Garcia (2017) melakukan kajian dengan tujuan kajian untuk melihat sejauhmana penglibatan ibu bapa di prasekolah. Seramai 3349 kanak-kanak dan ibu bapa terlibat dalam kajian ini. Kajian ini menggunakan data FACET yang biasa digunakan untuk data yang melibatkan responden yang ramai. Penglibatan ibu bapa diukur berdasarkan laporan aktiviti yang dijalankan sepanjang musim panas. Keputusan kajian menunjukkan kanak-kanak merasa ibu bapa mereka tidak melibatkan diri secara langsung di sekolah.

Landry (2017) mengulas pentingnya peranan ibu bapa dalam pembelajaran awal kanak-kanak. Menurut beliau respon keibu bapaan adalah faktor penting dalam menyokong pembelajaran kanak-kanak. Dikatakan juga peranan sokongan ibu bapa berhubungan dan memberi kesan keatas pembelajaran kank-kanak.

2.6.2 Kajian Penglibatan Ibu Bapa Dalam Negara

Antara kajian penglibatan ibu bapa di Malaysia adalah kajian yang dilakukan oleh Munirah (2017) dengan tujuan kajian untuk mengenal pasti tahap penglibatan ibu bapa di PAPN di bandar dan luar yang melibatkan 356 responden yang dipilih secara rawak sederhana menggunakan soal selidik Hanim et al (2014). Keputusan kajian menunjukkan tahap penglibatan ibu bapa yang tinggi dan paling ramai adalah dari ibu bapa yang bekerja di perkhidmatan awam.

Sementara itu, kajian oleh Fauziah Hanim Jalal, Fairuz Ain Harun, Noraini Ismail, Nazriah Samad (2014) yang bertujuan untuk mengenalpasti jenis aktiviti yang disertai dan persepsi penglibatan dan halangan dalam penglibatan ibu bapa di Pusat Anak PERMATA Negara (PAPN). Empat buah pusat (luar bandar=2, pinggir bandar=1, bandar=1) dari dua buah negeri dan seramai 102 ibu bapa (Bapa =22, Ibu =76, Penjaga = 4) telah dipilih menggunakan persampelan berstrata. Kaedah kajian adalah berbentuk tinjauan. Data di analisis menggunakan kaedah deskriptif bagi mendapatkan min, kekerapan, dan peratusan. Kajian mendapati pusat telah mengadakan banyak aktiviti yang sesuai mengikut keperluan ibu bapa. Namun majoriti ibu bapa terlibat dalam dua aktiviti di pusat iaitu hadir dalam mesyuarat bulanan dan aktiviti dua jam setiap minggu. Persepsi ibu bapa terhadap penglibatan di pusat adalah positif dalam kesemua empat aspek penglibatan iaitu komunikasi, penerimaan, empowerment dan persekitaran. Namun demikian, penglibatan ibu bapa masih di tahap sederhana kerana halangan besar mereka ialah kesuntukan masa kerana bekerja. Keputusan mengenai penglibatan ibu bapa memberi implikasi kepada pihak pusat untuk meningkatkan lagi kerjasama dengan pihak ibu bapa agar keperluan mereka difahami.

Dalam Modul PERMATA Negara (2013) juga ada menyatakan halangan-halangan ibu bapa dalam menjalankan penglibatan ibu bapa di Pusat Anak PERMATA Negara. Antara faktor-faktor yang menghalang adalah ibu bapa tidak dapat melihat keperluan penglibatan mereka di PERMATA khususnya ibu bapa di kalangan yang berpendapatan (SES) rendah. Selain itu, ibu bapa juga tidak begitu memahami fungsi dan peranan mereka di PERMATA dalam memperkukuhkan perkembangan dan pembelajaran kanak-kanak. Ibu bapa juga tidak dapat terlibat dengan penglibatan ibu bapa di PERMATA adalah kerana mereka tidak dapat kebenaran daripada majikan untuk melakukan penglibatan ibu bapa di PERMATA. Ibu bapa juga merasakan diri mereka tiada kebolehan untuk disumbangkan di PERMATA merupakan salah satu halangan dalam penglibatan ibu bapa di PERMATA.

Kajian dijalankan oleh Zainiah Mohamed Isa (2013), untuk menguji kesan penggunaan modul panduan literasi ibu bapa bagi memperingkatkan pencapaian literasi kanak-kanak, Seramai 56 kanak-kanak daripada 5 buah Taska di Terengganu telah dijadikan sampel dalam kajian berbentuk eksperimen. Data praujian untuk kedua-dua kumpulan rawatan dan kawalan telah diambil sebelum ibu bapa dalam kumpulan rawatan diberikan latihan melalui bengkel yang telah diadakan. Selepas kajian dijalankan selama 10 minggu, ujian pasca pula dijalankan kepada kumpulan rawatan dan kawalan. Keputusan ujian Wilcoxon t menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan pencapaian keseluruhan literasi antara kumpulan rawatan dan kawalan selepas menggunakan modul iaitu pencapaian literasi. Oleh itu keputusan analisis menunjukkan penggunaan modul literasi awal ini tidak dapat meningkatkan pencapaian keseluruhan pencapaian awal literasi.

Abd Razak Zakaria & Noraini Mohd Salleh (2011), menjalankan kajian tentang Konteks Keluarga dan Hubungannya dengan Penglibatan Ibu Bapa di Sekolah Menengah. Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat sejauh mana ibu bapa melibatkan diri dalam pendidikan anak-anak yang bersekolah menengah. Dalam kajian ini Abd Razak dan Noraini mendapati penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak ketika di sekolah menengah bukan faktor utama anak-anak mereka berjaya dalam pelajaran. Anak-anak di sekolah menengah masih memperoleh pencapaian akademik yang baik meskipun tanpa penglibatan ibu bapa. Menurut Abd Razak dan Norani lagi, konteks keluarga yang kondusif dan harmoni mampu merangsang anak-anak berjaya dalam pelajaran. Kedua-dua penyelidik ini menyatakan bahawa penglibatan ibu bapa penting dalam meningkatkan pencapaian akademik anak-anak, tetapi konteks keluarga merupakan faktor utama yang mempengaruhi pencapaian anak-anak tersebut. Maka, lebih bermakna jika usaha ke arah kejayaan anak-anak di sekolah mengambil strategi yang lebih holistik dengan memperkukuhkan institusi keluarga dan mewujudkan hubungan kekeluargaan yang sihat.

2.7 Penglibatan Ibu Bapa Mengikut SES

Konteks keluarga memainkan peranan penting dalam penglibatan ibu bapa. Hubungan kerja yang positif dan sihat antara ahli keluarga memudahkan penglibatan ibu bapa dan ianya dapat membantu perkembangan anak-anak (Cole et al. 1998; Wasik & Bryant 2001; Brookes et al. 2006). Ciri-ciri demografi seperti umur, pendidikan, pekerjaan, status perkahwinan, dan pendapatan mempengaruhi penglibatan ibu bapa yang berbeza-beza bagi pelbagai kajian penglibatan ibu bapa.

Ibu bapa yang menghabiskan masa yang panjang di tempat kerja mempunyai masa yang kurang untuk mengambil bahagian dalam program penglibatan ibu bapa di sekolah anak-anak (Roggman et al. 2002), tetapi ibu bapa yang mempunyai tahap pendidikan yang tinggi dan pekerjaan bertaraf professional dan pekerja am dilaporkan melakukan penglibatan ibu bapa di sekolah anak-anak mereka dengan lebih kerap (Baker et al. 1999). Desimone (1999) melaporkan daripada *Healthy Families America* menyatakan bahawa peringkat umur ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam penglibatan ibu bapa. Ibu bapa yang muda kurang berminat melakukan penglibatan ibu bapa berbanding ibu bapa yang berumur (Osofsky et al. 1988; Wagner et al. 2001).

Selain itu pendidik dan pentadbiran sekolah juga memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi penglibatan ibu bapa di sekolah (Ozturk, 2013). Para pendidik dan pentadbiran sekolah perlu meningkatkan kemahiran dan pengetahuan serta mengadakan program-program pembangunan terhadap ibu bapa bagi menggalakkan ibu bapa melakukan penglibatan di sekolah (Wong & Hughes, 2006). Perkara ini sangat penting kerana ianya akan mendatangkan manfaat yang banyak kepada pihak sekolah dan juga ibu bapa.

Antara sebab kekangan dalam melakukan penglibatan ibu bapa adalah kekangan masa yang kurang fleksibel dengan jadual kerja ibu bapa (Lareau & Shumar 1996; McWayne, Owsianik, Green, Fantuzzo 2008; Fauziah Hanim Jalal, 2005). Masalah bahasa dan budaya juga mempengaruhi penglibatan ibu bapa di sekolah. Dalam kajian Fuligni (2007) menyatakan bahawa kurangnya penglibatan daripada etnik yang minoriti kerana mereka berpendapatan rendah.

Laporan daripada National Center for Children in Poverty (September, 2013) menyatakan bahawa halangan yang dihadapi oleh ibu bapa di kalangan keluarga etnik Mexico-Amerika untuk melakukan penglibatan ibu bapa adalah kerana faktor tahap pendidikan yang rendah dan pendapatan yang lebih rendah. Dua golongan ini kurang menjalankan penglibatan ibu bapa kerana mereka kurang yakin dengan tahap pendidikan mereka dan mereka perlu menghabiskan masa mereka untuk bekerja bagi menyara kehidupan keluarga mereka berbanding meluangkan masa dalam pendidikan anak-anak mereka. Selain itu, daripada sumber yang sama, halangan yang dihadapi untuk menjalankan penglibatan ibu bapa di tadika adalah masalah bahasa.

Kajian menunjukkan bahawa ibu bapa yang mempunyai guru yang boleh bertutur dwibahasa iaitu bahasa Sepanyol dan Bahasa Inggeris tidak akan mengalami masalah dalam menjalankan aktiviti penglibatan ibu bapa. Tetapi bagi ibu bapa yang mempunyai guru yang tidak fasih bahasa Sepanyol akan mengalami masalah dalam menjalankan aktiviti penglibatan ibu bapa di tadika anak-anak mereka.

Wanke (2008) menunjukkan terdapat beberapa faktor menjadi penghalang bagi ibu bapa untuk menjalankan penglibatan ibu bapa. Antara faktor-faktor halangan ialah faktor ekonomi, budaya, bahasa, ibu bapa buta huruf, ibu bapa bekerja, dan struktur keluarga. Kajian ini mendapati bahawa ibu bapa di kelas pertengahan biasanya akan terlibat dalam aktiviti-aktiviti di sekolah dan berpengaruh dalam membuat keputusan. Manakala bagi ibu bapa kelas bekerja, mereka lebih memainkan peranan sebagai menyokong segala aktiviti-aktiviti sekolah anak-anak mereka. Jadi, bagi sesetengah ibu bapa yang berpendapatan rendah tidak akan melakukan penglibatan ibu bapa di sekolah kerana kurang mendapat sokongan daripada pihak sekolah dan mereka akan kurang berminat untuk melakukan penglibatan di sekolah

anak-anak mereka. Dengan itu, bagi ibu bapa yang berpendapatan rendah berasa rendah diri dan merasakan diri mereka tidak diperlukan dan tidak mendatangkan manfaat kepada pihak sekolah. Kajian ini juga mendapati bahawa ibu bapa dari kaum, etnik, budaya dan minoriti, terutama status sosioekonomi yang rendah, cenderung untuk berasa kurang tarikan kepada sekolah daripada golongan kelas pertengahan perdana. Bagi halangan bahasa, ianya akan mendatangkan masalah bagi keluarga pendatang yang kurang fasih berbahasa Inggeris. Ini akan mendatangkan masalah bagi ibu bapa untuk menjalankan penglibatan ibu bapa kerana masalah komunikasi yang akan dihadapi oleh pihak ibu bapa dan pihak sekolah.

Kanak-kanak atau pelajar tidak boleh meletakkan harapan dan sokongan daripada ibu bapa mereka untuk terlibat dalam aktiviti pembelajaran mereka apabila ibu bapa mereka buta huruf. Kajian ini juga mendapati bahawa ibu bapa yang buta huruf tidak dapat membantu anak-anak mereka dalam meningkatkan perkembangan dan pencapaian anak-anak. Selain itu dapatan kajian ini juga, anak-anak tidak mempunyai sebuah keluarga yang lengkap iaitu ibu bapa yang berpisah akan menghadapi masalah dan memberi kesan dalam penglibatan ibu bapa mereka. Manakala anak-anak yang mempunyai keluarga yang lengkap dan harmoni akan mendapat 100% penglibatan ibu bapa yang lebih baik. Faktor lain yang menjadi penghalang bagi penglibatan ibu bapa ialah ibu bapa bekerja. Data kajian ini mendapati bahawa ibu bapa yang bekerja masih boleh terlibat dalam program-program penglibatan ibu bapa, tapi ianya sukar bagi ibu bapa yang tidak mempunyai pekerjaan. Malangnya, bagi ibu bapa yang bekerja lebih daripada satu pekerjaan untuk menampung keluarga agak sukar untuk terlibat dalam program penglibatan ibu bapa kerana mempunyai jadual dan komitmen kerja yang padat.

Muhammed Ozturk (2013) yang bertajuk Halangan Penglibatan Ibu bapa Bagi Pelbagai Keluarga dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak (Barriers to Parental Involvement for Diverse Families in Early Childhood Education) mendapati bahawa bahasa dan budaya menjadi penghalang penglibatan ibu bapa dalam pendidikan awal kanak-kanak bagi keluarga yang datang daripada pelbagai budaya dan bangsa. Ibu bapa menghadapi masalah dalam menjalankan penglibatan ibu bapa apabila ibu bapa kurang fasih dalam Bahasa Inggeris. Mereka akan mengalami masalah untuk sukar berkomunikasi antara satu sama lain iaitu antara ibu bapa dan pendidik dan pihak pentadbir sekolah. Masalah budaya pula terjadi apabila melibatkan gaya hidup yang berbeza, nilai, budaya dan pengalaman antara guru dan ibu bapa. Pihak pentadbiran dan para pendidik akan mengalami kesukaran yang berat apabila mereka berbeza budaya dengan ibu bapa pelajar di sekolah. Kajian ini mendapati bahawa pihak sekolah dan ibu bapa akan kurang selesa untuk berkomunikasi kerana bimbang kesalah fahaman akan berlaku apabila berkomunikasi. Justeru dengan itu, penglibatan ibu bapa akan sukar dijalankan oleh ibu bapa.

Hasil kajian oleh Hialdo, Kallemeyn, & Phillips, (2013) untuk melihat pemahaman penglibatan ibu bapa dalam pendidikan awal kanak-kanak, mendapati bahawa halangan penglibatan ibu bapa kebanyakannya berlaku di kawasan pedalaman. Ibu bapa di kawasan pedalaman mengalami masalah seperti tiada kenderaan untuk hadir ke sekolah anak-anak untuk menjalankan penglibatan ibu bapa. Ibu bapa di kawasan pedalaman juga didapati mengalami masalah pendapatan yang rendah serta menghadapi cabaran tidak bekerja dan mengalami sumber pendapatan yang terhad. Oleh itu, mereka sukar untuk menjalankan aktiviti penglibatan ibu bapa.

Ibu bapa yang tidak melibatkan diri dalam institusi pendidikan anak-anak akan mendatangkan kesan negatif dalam persekolahan anak-anak (Greenwood & Hickman, 1991; Whitaker & Fiore, 2001). Hal ini terjadi kerana ibu bapa mungkin kekok dan tidak biasa dengan bahasa, kurikulum, dan kakitangan di sekolah anak-anak mereka. Akibatnya mereka mengelakkan komunikasi dengan sekolah (Flynn, 2007).

Rose dan Gallop dalam Bushaw & Lopez (2010) melaporkan dalam Laporan tahunan ke-36 Phi Delta Kappa/Gallop Poll of the Public's Attitudes toward the Public Schools bahawa ibu bapa pelajar adalah orang paling penting dalam menentukan sejauh mana atau bagaimana pelajar dilakukan di sekolah-sekolah dengan baik. Pengundian yang telah dijalankan mendedahkan 97% daripada 41 orang ramai menggalakkan penglibatan ibu bapa secara aktif dan kerap adalah sebagai salah satu cara untuk merapatkan jurang pencapaian antara pelbagai kaum pelajar di sekolah.

Menurut Brent D dan Stewart (2006), komunikasi adalah suatu proses di mana seseorang atau beberapa orang, kelompok, organisasi, dan masyarakat menciptakan dan menggunakan informasi agar terhubung dengan orang lain. Brent D dan Stewart juga mengatakan bahawa komunikasi dilakukan secara lisan atau verbal yang dapat difahami oleh kedua belah pihak. Apabila tidak ada bahasa verbal yang dapat difahami oleh keduanya, komunikasi masih dapat dilakukan dengan menggunakan bahasa badan, menunjukkan sikap tertentu, misalnya tersenyum, menggelengkan kepala, mengangkat bahu. Cara seperti ini disebut komunikasi dengan bahasa nonverbal.

Justeru, komunikasi adalah perkara penting dalam program penglibatan ibu bapa. Komunikasi dua hala perlu berlaku antara pendidik, pihak sekolah dan ibu bapa. Ini bagi membolehkan ibu bapa dan pendidik membincangkan tahap perkembangan dan pencapaian anak-anak dengan berkesan. Komunikasi antara ibu bapa dan pendidik juga merupakan satu kepentingan dalam menyampaikan maklumat. Maklumat-maklumat yang disampaikan dan diterima adalah menunjukkan komunikasi yang wujud dalam penglibatan ibu bapa di Pusat Anak PERMATA Negara (PAPN).

Menurut Patrikakou E.N (2008), komunikasi yang berterusan dengan ibu bapa sepanjang tahun tentang peraturan kelas, harapan, dan matlamat melibatkan mereka dalam proses pendidikan adalah cara yang terbaik dalam komunikasi antara pendidik dan ibu bapa. Pihak pendidik perlu memberitahu keluarga terutamanya ibu bapa tentang rutin kelas seperti mandi kolam setiap minggu dan menyediakan mereka dengan cara-cara boleh membantu ibu bapa dengan menyediakan peluang berstruktur untuk mengambil bahagian dalam pendidikan anak-anak mereka.

Daripada sumber yang sama, komunikasi yang proaktif dan berkesan antara pendidik dan ibu bapa akan lebih berkesan apabila komunikasi antara pendidik dan ibu bapa sentiasa berterusan dan pihak sekolah sentiasa memberi maklumat tentang pembelajaran dan aktiviti-aktiviti program penglibatan ibu bapa.

Laporan daripada National Center for Children in Poverty (2013) menyatakan bahawa pihak sekolah perlu menjalankan sistem “Buka Pintu” kepada ibu bapa agar ibu bapa berpeluang untuk sentiasa hadir ke sekolah untuk menjalankan penglibatan ibu bapa. Dengan adanya sistem ini ibu bapa akan lebih menjadi lebih terbuka dan

sentiasa berpeluang untuk mengetahui perkembangan dan pencapaian anak-anak mereka.

Malar, Sreedevi & Suresh (2013) dalam kajiannya bertujuan untuk mengetahui penglibatan penjaga ke atas kanak-kanak dengan masalah komunikasi. Kaedah kajian menggunakan tinjauan melibatkan 205 kilen yang mengikuti khidmat intervensi awal di Institut bercakap dan mendengar di Mysore, India. 5 data utama digunakan dalam kajian ini iaitu faktor demografik keluarga, alat ukur Early Intervention untuk kanak-kanak mengalami masalah komunikasi, jenis dan kekerapan penjaga menjalankan intervensi awal, keputusan penjaga mengikuti pendidikan dan latihan dan masalah perkembangan kanak-kanak dengan masalah komunikasi. Pengaruh keseluruhan faktor diatas diukur dengan menggunakan analisis korelasi. Keputusan kajian menunjukkan bimbingan dan kaunseling memberi impak positif ke atas ibubapa serta penglibatan ibubapa meningkatkan perkembangan komunikasi dan pencapaian akademik anak mereka.

2.8 Kajian Kemahiran Sosial Kanak-kanak Luar Negara dan di Malaysia

Kajian untuk mengetahui tahap kemahiran sosial kanak-kanak merupakan salah satu langkah awal untuk mengidentifikasi permasalahan dalam perkembangan kanak-kanak. Terdapat perbezaan kemahiran sosial yang signifikan antara kanak-kanak yang memiliki perkembangan yang lambat dengan kanak-kanak normal.

2.8.1 Kajian Kemahiran Sosial Kanak-kanak Luar Negara

Kemahiran sosial dan masalah tingkahlaku saling berhubungkait. Beberapa kajian mendapati kanak-kanak yang mempunyai kemahiran sosial yang rendah menunjukkan masalah dalam tingkahlaku dan emosi (Hosokawa & Katsura, 2017a; Poulou, 2014). Dalam kajian Poulou (2014) ke atas 962 orang kanak-kanak sekolah

rendah yang melihat kesan beberapa faktor (faktor kemahiran sosial, hubungan guru dan pelajar, serta suasana kelas) kepada masalah tingkahlaku dan emosi, kajian beliau mendapati pengaruh kemahiran sosial adalah paling tinggi kepada masalah tingkahlaku dan emosi kanak-kanak seperti agresif, hiperaktif, masalah dengan rakan sebaya dan masalah emosi. Dapatan yang sama turut diperoleh dalam kajian longitudinal oleh Hosokawa & Katsura (2017a) yang mendapati tahap kemahiran sosial kanak-kanak prasekolah menjangkakan masalah tingkahlaku dalaman dan luaran kanak-kanak pada peringkat sekolah rendah. Dalam kajian longitudinal yang dijalankan oleh Howes (2000), masalah tingkahlaku kanak-kanak ketika prasekolah menjangkakan tahap kemahiran sosial kanak-kanak ketika di peringkat sekolah rendah. Ini menunjukkan kemahiran sosial dan masalah tingkahlaku adalah berkait rapat di mana tahap kemahiran sosial yang rendah berhubungkait dengan tahap masalah tingkahlaku yang tinggi dalam kalangan kanak-kanak.

Selain itu, perkembangan kemahiran sosial didapati saling berhubungkait dengan perkembangan kognitif kerana kedua-dua perkembangan ini melibatkan pemrosesan maklumat dan saling mempengaruhi antara satu sama lain (Lemerise & Arsineo, 2000; Rosenblum & Lewis, 2003). Kepentingan perkembangan kemahiran sosial yang baik dapat dilihat dalam perkaitannya dengan perkembangan kognitif dan kesediaan ke sekolah. Kanak-kanak yang mempunyai tahap prososial yang tinggi didapati memiliki tahap intelektual (IQ) yang tinggi, melibatkan diri dalam kelas, mempunyai ketinggian tahap pengetahuan akademik serta kemahiran executive functioning (Bierman, Torres, Domitrovich, Welsh, & Gest, 2009).

Kajian Nix, Bierman, Domitrovich, & Gill (2013) turut mendapati tingkahlaku sosial yang baik seperti tingkahlaku prososial dan emosi yang baik

menjangkakan penglibatan sekolah (school engagement) kanak-kanak di prasekolah. Kajian ini turut mencadangkan penekanan kepada perkembangan sosioemosi di prasekolah sebagai salah satu langkah meningkatkan kesediaan kanak-kanak ke sekolah. Cadangan ini diperkuatkan lagi dengan dapatan kajian Ortiz, Clinton, & Schaefer (2015) yang mendapati kemahiran sosial kanak-kanak mempunyai hubungan positif dengan kesediaan ke sekolah. Kanak-kanak yang memiliki kemahiran sosial yang baik mempunyai hubungan yang baik dengan rakan sebaya dan guru (Howes, 2000). Hubungan yang baik antara murid dan guru meningkatkan motivasi akademik kanak-kanak (Adibah & Lim, 2014). Motivasi akademik ini menjadikan kanak-kanak bersemangat dan melibatkan diri dalam aktiviti dalam kelas dan meningkatkan perkembangan kognitif mereka.

Dalam beberapa kajian lain, faktor kognitif kanak-kanak pula didapati mempengaruhi kemahiran sosial kanak-kanak. Dalam kajian Seçer, Çeliköz, Koçyiğit, Seçer, & Kayili, (2009) mendapati terdapat perbezaan yang signifikan antara kanak-kanak yang impulsif dan kanak-kanak yang reflektif. Dapatan itu menunjukkan kanak-kanak yang reflektif lebih berkemahiran sosial berbanding kanak-kanak yang impulsif. Seterusnya, dalam kajian Peterson, Slaughter, Moore, & Wellman (2016), perkembangan Teori Minda (Theory of Mind) menjangkakan kemahiran sosial kanak-kanak tipikal dan kanak-kanak bermasalah pendengaran mengatasi faktor lain seperti umur, jantina dan kebolehan bahasa.

Kemahiran sosial kanak-kanak bukan sahaja disebabkan faktor diri mereka seperti faktor tingkahlaku dan kognitif tetapi juga melibatkan faktor luaran seperti hubungan emosi dan sosial ibubapa serta guru. Kajian Lyn, Turner-Musa, Morgan, & Belche (2014) yang mengkaji kesan latar belakang ibu kepada kanak-kanak

mendapati tekanan ibu merupakan faktor peramal yang paling kuat terhadap kemahiran sosial dan tingkah laku kanak-kanak. Dalam kajian ini, mereka mencadangkan intervensi kemahiran sosial kanak-kanak perlu menitikberatkan dan memberi sokongan kepada kesihatan mental ibu. Selain itu, kajian Mashburn et al. (2008) turut mendapati sokongan emosi guru mempunyai hubungan positif dengan kemahiran sosial dan hubungan negatif dengan masalah tingkahlaku kanak-kanak. Emosi individu-individu signifikan tersebut mempengaruhi tingkahlaku mereka ketika berinteraksi secara aktif dengan kanak-kanak ini dan seterusnya memberi efek kepada perkembangan sosioemosi kanak-kanak.

Oleh itu, dalam kajian Anderson, Trinh, Caldarella, Hansen, & Richardson (2018), mereka menggunakan beberapa langkah intervensi yang melibatkan guru dan ibubapa bagi mengatasi masalah defisiensi kemahiran sosial kanak-kanak antaranya penglibatan ibubapa, pengajaran kemahiran sosial oleh guru dalam kelas dan tempat permainan. Dalam kajian tersebut, ibubapa diberikan nota berkenaan pembelajaran kemahiran sosial yang dipelajari oleh kanak-kanak pada hari tersebut seterusnya mereka dikehendaki mengaplikasikannya di rumah. Intervensi kemahiran sosial seawal di peringkat prasekolah adalah baik untuk memastikan kesan positif yang efektif dan berpanjangan (January et al., 2011).

Pinay Aksoy & Gulen Baran (2010), bertujuan untuk mengkaji semula kemahiran sosial pada kanak-kanak prasekolah. Sebanyak 20 kajian eksperimental di Turki telah dikaji semula. Terutama kajian-kajian melibatkan program pendidikan kemahiran sosial berasaskan main, program melibatkan keluarga atau guru, aktiviti drama, aktiviti bercerita, program kerjasama dan program yang melibatkan projek kanak-kanak di prasekolah untuk meningkatkan kemahiran sosial. Keputusan kajian

menunjukkan program pendidikan kemahiran sosial lebih efektif melebihi kemahiran lainnya.

Tallat Rashid (2010) yang mana kajian ini bertujuan mengetahui perkembangan kemahiran sosial dalam kalangan kanak-kanak di sekolah rendah. Seramai 1127 kanak-kanak di 22 sekolah rendah dan menengah di Sarghoda Pakistan telah terlibat dalam kajian ini. 5 dimensi yang dikaji adalah menerima kritikan, menunjukkan hormat orang lain, penyelesaian masalah, penerimaan keatas hak tanggungjawab dan tolensi terhadap orang lain. Instrumen yang digunakan berisikan 64 item pertanyaan dikembangkan pengkaji sendiri untuk mengukur kemahiran sosial. Keputusan kajian menunjukkan perkembangan kemahiran sosial tidak kanak-kanak tidak berkembang seperti yang diharapkan atau dijangkakan. Bagaimanapun, murid telah belajar untuk menunjukkan rasa hormat ke atas orang lain dan kemahiran sosial yang lain seperti toleransi terhadap orang lain. Keputusan kajian menunjukkan perbezaan perkembangan kemahiran sosial mengikut gender, tempat dan darjah (kelas).

2.8.2 Kajian Kemahiran Sosial dalam Negara

Kajian berkenaan kemahiran sosial bagi kanak-kanak normal dalam pendidikan awal-kanak-kanak di Malaysia agak terhad. Kajian-kajian kemahiran sosial ini lebih tertumpu kepada golongan kurang upaya (Salleh, Jelas, & Zainal, 2011), berbakat (gifted) (Ishak, Abidin, & Bakar, 2014) atau tertumpu kepada golongan pelajar sekolah (Mahyuddin & Elias, 2010; Norlena & Mohd Taib, 2010) dan dewasa (Chin-siang Ang, 2016; Demir, Jaafar, Bilyk, & Mohd Ariff, 2012; Yahaya et al., 2016). Selain itu, tumpuan kajian pada kanak-kanak lebih berfokus kepada kajian masalah tingkahlaku seperti hiperaktif, agresif, antisosial dan

sebagainya (Gomez & Suhaimi, 2013; Nellie, 2012; Othman, Ramlee, Ghazalan, Wei, & Shahidi, 2015).

Lebih kurang 5 peratus kanak-kanak Malaysia didapati berada pada tahap abnormal dalam masalah tingkahlaku dan emosi manakala 10 peratus lagi didapati berada pada garis batas (borderline) tahap abnormal (Gomez & Suhaimi, 2013). Kajian ini turut mendapati masalah tingkahlaku kanak-kanak Malaysia lebih tinggi berbanding kanak-kanak daripada negara Barat. Dalam kajian Othman et al. (2015) terhadap pelajar yang bermasalah emosi dan sosial, mereka melakukan intervensi menggunakan pendekatan kognitif-tingkahlaku dan kemahiran sosial dan mendapati intervensi ini memberi kesan positif dalam mengurangkan masalah emosi dan sosial pelajar tersebut.

Zaharah Osman (2015) pula membina dan melaksanakan modul kompetensi sosioemosi kepada kemahiran sosial kanak-kanak prasekolah. Modul ini didapati meningkatkan kemahiran sosial kanak-kanak secara signifikan. Kajian tentang pembelajaran berasaskan permainan (game-based learning) juga didapati meningkatkan dimensi kemahiran sosial iaitu dimensi prososial (Chung Chin & Zakaria, 2015). Namun begitu, kajian-kajian ini masih tidak membincangkan tentang tahap kemahiran sosial kanak-kanak dalam sampel kajian mereka.

Kajian Ishak et al. (2014) ke atas remaja berbakat (gifted) mendapati tahap kemahiran sosial mereka berada pada tahap sederhana dan tinggi di mana dimensi tertinggi ialah kebolehan mempengaruhi orang lain dan dimensi terendah ialah kebolehan membina hubungan dengan orang lain.

Para mahasiswa universiti juga didapati memiliki kurang kemahiran sosial pada dimensi kemahiran asertif dan komunikasi malah kurang dalam penglibatan masyarakat (Chin-siang Ang, 2016). Kajian merentas budaya mendapati tahap kemahiran sosial mahasiswa Malaysia adalah lebih rendah daripada mahasiswa Amerika (Demir et al., 2012). Kajian Yahaya et al., (2016) turut mendapati walaupun tahap penguasaan teknikal pekerja adalah baik, namun majikan menunjukkan keprihatinan mereka kepada kepada tahap kemahiran sosial pekerja seperti kemahiran memimpin, kerjasama dan kemahiran pengurusan kerja yang efektif di mana kemahiran-kemahiran yang dimiliki ini mampu membantu pekerja untuk mencapai objektif syarikat.

Berdasarkan pelbagai dapatan kajian diatas dapat dikatakan bahawa masalah kemahiran sosial dan tingkahlaku pada pelajar dan dewasa seperti masalah tingkahlaku dan emosi kanak-kanak, tahap kemahiran sosial pelajar, mahasiswa dan pekerja, mempunyai hubungan dengan masalah kemahiran sosial dan tingkahlaku ketika di peringkat awal kanak-kanak lagi

2.9 Kajian Hubungan Penglibatan Ibu Bapa dan Kemahiran Sosial Kanak-kanak

Kajian Hosokawa, Katsura & Shizawa (2015) bertujuan melihat hubungan kemahiran sosial, penglibatan bapa dan SES dalam kalangan kanak-kanak prasekolah di Jepun. Kajian melibatkan 1341 ibu kepada kanak-kanak berumur 4 hingga 5 tahun menggunakan borang soal selidik. Keputusan kajian menunjukkan terdapat hubungan positif signifikan diantara penglibatan bapa terhadap kemahiran sosial kanak-kanak khususnya pada dimensi kawalan diri dan kerjasama.

Kajian Magdalena (2014) untuk melihat pengaruh penglibatan ibu bapa ke atas kesediaan kanak-kanak untuk ke sekolah. Kajian melibatkan 106 ibu bapa dengan perincian 94.33 persen melibatkan ibu dan 5.6 persen adalah bapa yang berumur 32 hingga 43 tahun. Kaedah kajian menggunakan borang soal selidik Parenta Authority Questionnaires (PAQ) daripada John R. Buri berdasarkan model Epstein et al. 1993. Sedangkan mengukur kesediaan kanak-kanak pula diukur dengan menggunakan satu senarai semak meliputi domain matematik, bahasa dan menulis. Keputusan kajian menunjukkan penglibatan ibu bapa memberi pengaruh yang signifikan ke atas kesediaan kanak-kanak untuk ke sekolah dengan nilai sebesar 38 peratus.

Weiss and Theadore (2011) telah menjalankan kajian untuk mengetahui penglibatan ibubapa dalam mengajar kemahiran komunikasi sosial kepada kanak-kanak autism yang megalami masalah percakapan dan bahasa. Kajian melibatkan 121 orang ibu bapa. Keputusan kajian menunjukkan penglibatan ibu bapa membantu meningkatkan kemahiran komunikasi sosial.

Kajian oleh McCormick, Elise Cappella, O'Connor, & McClowry (2013) menguji hubungan penglibatan ibu bapa dan tingkahlaku bermasalah murid taska di bilik darjah dengan level sokongan emosi guru. Seramai 255 orang kanak-kanak dan ibu bapa serta 60 guru terlibat dalam kajian ini. Pelajar diminta menjawab soalan dalam instrument INSIGHT temperament children dan guru. Famili parent quentinnaire early childhood digunakan untuk melihat penglibatan ibu bapa. Keputusan kajian menunjukkan kesan negatif signifikan diantara komunikasi ibu bapa di rumah dan sekolah dan sokongan emosi guru ke atas tingkah laku bermasalah kanak-kanak.

El Nokali, Bachman and Elizabeth (2010) menunjukkan penglibatan ibu bapa meramalkan penurunan dalam tingkah laku masalah dan menambahbaik kemahiran sosial kanak-kanak tetapi tidak meramalkan perubahan pencapaian. Selanjutnya keputusan kajian juga menunjukkan bahawa kanak-kanak yang mempunyai ibu bapa yang sangat terlibat dengan aktiviti kanak-kanak boleh meningkatkan fungsi sosial anak dan menurunkan tingkah laku bermasalah.

Camilo Ortiz (2008) menjalankan kajian untuk mengetahui hubungan dan faktor penyumbang diantara penglibatan ibu bapa dengan perkembangan literasi awal di prasekolah. Kajian ini juga ingin melihat faktor SES, kemurungan ibu bapa, dan status ibu bapa tunggal sebagai faktor penyumbang penglibatan ibu bapa. Kajian melibatkan 163 kanak-kanak prasekolah dari keluarga yang mempunyai pendapatan rendah menggunakan instrument piawai. Keputusan kajian menunjukkan penglibatan yang baik mempunyai kaitan yang kuat keatas perkembangan literasi awal, selanjutnya SES mempunyai kaitan yang positif keatas penglibatan. Tiada hubungan signifikan diantara ibu bapa yang murung dengan penglibatan.

Masood Badri, Amal Al Qubaisi, Asma Al Rashedi & Guang Yang (2014) menjalankan kajian yang bertujuan untuk mengetahui hubungan penglibatan ibu bapa dan tingkahlaku penyesuaian sekolah dalam kalangan kanak-kanak di sekolah rendah dan menengah di Abu Dhabi. Adapun tingkahlaku yang diukur adalah tingkah laku luaran, dalaman dan juga tingkah laku hiperaktif kanak-kanak. Kaedah kajian menggunakan kaedah tinjauan yang dikirim melalui email kepada ibu bapa kanak-kanak. Keputusan kajian menunjukkan penglibatan ibu bapa menyumbang secara signifikan ke atas penurunan ketiga-tiga tingkah laku kanak-kanak tersebut.

Keputusan kajian menunjukkan betapa pentingnya penglibatan ibu bapa dalam penyesuaian tingkah laku di sekolah anak-anak mereka.

Kim, Sheridan, Kyongboon Kwon & Natalie Koziol (2013), kajian ini bertujuan mengetahui kualiti hubungan ibu bapa-guru sebagai penyederhana hubungan di antara kepercayaan motivasi ibu bapa dan fungsi penyesuaian kanak-kanak dan tingkah laku luaran. Seramai 206 kanak –kanak darjah tiga terlibat dalam kajian ini. Alat ukur yang digunakan untuk mengukur kepercayaan motivasi ibu bapa adalah Role construction and Efficacy dan social and adaptive skills digunakan untuk mengukur penyesuaian tingkahlaku kanak-kanak. Keputusan kajian menunjukkan kepercayaan motivasi ibu bapa mempunyai hubungan signifikan ke atas kualiti hubungan ibu bapa dan guru dan terdapat hubungan signifikan kepercayaan motivasi ibu bapa ke atas penyesuaian tingkah laku kanak-kanak. Keputusan kajian menunjukkan kepercayaan motivasi ibubapa memainkan peranan penting ke atas kualiti hubungan ibu bapa dengan guru sekaligus mempengaruhi penyesuaian tingkah laku murid di sekolah.

Bennet & Hay (2007) dalam kajiannya bertujuan untuk mengidentifikasi karakteristik keluarga yang menggalakkan perkembangan kemahiran sosial kanak-kanak kecacatan fizikal. Seramai 212 ibu bapa kanak-kanak berumur 5 hingga 12 tahun dengan kecacatan fizikal terlibat dalam kajian ini. Keputusan kajian menunjukkan pentingnya karakteristik keluarga dalam perkembangan kemahiran sosial kanak-kanak. Keputusan juga menunjukkan tahap tinggi penglibatan ibu bapa dan perkembangan kemahiran sosial semakin baik. Dapat disimpulkan bahawa penglibatan ibu bapa di sekolah pada kanak-kanak yang mempunyai kecacatan

fizikal memberi kesan positif keatas perkembangan kemahiran sosial anak-kanak mereka.

Rikuya Hosokawa, Toshiki Katsura & Miho Shizawa (2015) telah menjalankan kajian untuk mengetahui perkaitan di antara penglibatan ayah, SES dan kemahiran sosial kanak-kanak prasekolah. Seramai 1341 ibu kanak-kanak Jepun berumur 4-5 tahun telah mengisi borang soal selidik berkaitan laporan sendiri berikatan penglibatan mereka. Keputusan kajian menunjukkan penglibatan ayah dan SES mempunyai hubungan positif ke atas kemahiran sosial kanak-kanak prasekolah.

2.10 Kesimpulan

Secara ringkasnya, bab ini telah menghuraikan dengan terperinci mengenai kurikulum PERMATA, teori, kajian-kajian lepas dalam dan luar negara. Bab selanjutnya akan membicarakan kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini.

BAB 3

METODOLOGI

3.1 Pengenalan

Penyelidikan merupakan satu aktiviti akademik yang mempunyai tahap dan prosedur untuk dilaksanakan (Neuman, 2000). Hal ini kerana sesuatu kajian yang dijalankan merupakan aktiviti yang menjurus kepada pengumpulan maklumat primer dan sekunder yang bertujuan untuk menerangkan (description), mengklasifikasikan (classification), menjelaskan (explanation) dan pengesahan (confirmation) mengenai sesuatu masalah yang dijadikan tajuk kajian.

Dalam bab ini penyelidik akan merungkaikan bagaimana kajian ini dijalankan. Metodologi atau kaedah kajian merujuk kepada bagaimana kita mendapat maklumat bagi mencapai sesuatu tujuan penyelidikan (M.Majid Konting, 2000). Tumpuan utama bab ini adalah kepada jenis reka bentuk kajian, populasi, lokasi, instrument, kesahan dan kebolehpercayaan alat kajian, kajian rintis, tatacara kajian, dan data analisis.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini adalah kajian korelasi yang menggunakan kaedah tinjauan yang menggunakan soal selidik. Reka bentuk kajian ialah cara sesuatu kajian dikendalikan serta prosedur dan teknik yang digunakan untuk menjawab soalan kajian (Creswell, 2009). Menurut Creswell (2014), kajian korelasi digunakan untuk melihat hubungkait antara dua pembolehubah.

Reka bentuk kajian korelasi ini dipilih untuk melihat hubungan penglibatan ibu bapa dengan kemahiran sosial kanak-kanak di PAPN Zon Tengah Malaysia.

Pengetahuan tentang hubungan penglibatan ibu bapa dengan kemahiran sosial ini dapat memberi pendedahan dan membantu ibu bapa khususnya dalam memahami kepentingan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti anak-anak bagi meningkatkan kemahiran sosial kanak-kanak di mana kemahiran ini merupakan salah satu kemahiran yang sangat penting dalam menyediakan individu menghadapi kehidupan abad ke-21 khususnya. Disebabkan maklumat berkenaan penglibatan ibu bapa dengan kemahiran sosial kanak-kanak di Malaysia terhad, maka kajian korelasi ini akan dijalankan untuk memperoleh maklumat tersebut.

Dalam kajian ini yang merupakan kajian tinjauan menggunakan soal selidik telah ditadbir kepada sampel ibu bapa kepada kanak-kanak PAPN sekitar Zon Tengah bagi mendapatkan data penglibatan ibu bapa dan tahap kemahiran sosial kanak-kanak bagi populasi sekitar Zon Tengah. Seterusnya, statistik digunakan dalam kajian korelasi bagi memerihai dan mengukur darjah perkaitan antara penglibatan ibu bapa dengan kemahiran sosial kanak-kanak.

Menurut Chua (2006), kajian tinjauan merupakan satu kaedah penyelidikan yang sering digunakan dan popular dalam pelbagai bidang penyelidikan terutamanya dalam bidang sains sosial. Ini berikutan terdapat ciri-ciri istimewa yang terdapat dalam reka bentuk ini seperti; a) penggunaannya yang menyeluruh dan boleh digunakan untuk mengutarakan pelbagai jenis soalan seperti isu dan masalah dari pelbagai perspektif terutama dalam menghuraikan sikap, pandangan, kepercayaan, perasaan, tingkah laku dan sebagainya. b) Cara pengendalian yang mudah yang mana ianya dilakukan dengan mentadbir soal selidik atau temu bual atau kedua-duanya sekali. c) Data dapat dipungut dengan cepat dan dapat dianalisa dengan mudah dalam masa yang singkat. d) Saiz sampel yang besar yang tidak dapat dilaksanakan

dalam kajian berbentuk eksperimental. e) Maklumat terus dapat dipungut daripada responden dalam waktu yang sama tanpa menunggu lama. f) Keupayaan dapatan digeneralisasikan kepada populasi adalah tepat dan berkesan.

3.3 Populasi Kajian

Menurut Gay dan Airasian (2003) “Populasi adalah kumpulan sasaran pengkaji, iaitu kumpulan kepada siapa hasil kajian akan digeneralisasikan”. Sampel kajian pula ialah responden-responden kajian yang dipilih untuk mewakili sesuatu populasi. Penetapan populasi kajian adalah penting dalam kajian disebabkan populasi akan menentukan bagaimana dan berapa ramai sampel yang akan kita pilih serta perbelanjaan kajian.

Terdapat 9 buah Pusat Anak PERMATA Negara yang sedang beroperasi di kawasan Zon Tengah (Data Enrolmen kanak-kanak PAPN, 2019). Kesemua jumlah populasi ini dipilih hanya kanak-kanak berumur 4 tahun di 9 buah PAPN dijelaskan pada jadual di bawah.

Jadual 3.1

Pusat Anak PERMATA Negara (PAPN) Zon Tengah

PAPN Zon tengah	Jumlah
Putrajaya	27
Present 16 Putrajaya	20
Hulu Selangor	18
Subang Jaya	-
DTHO	12
Kerinci	20
Sungai Besi	20
Air Panas	10
Semarak	21
Keseluruhan	148

Sumber: Data Enrolmen kanak-kanak PAPN, 2019.

3.4 Teknik Persampelan

Teknik persampelan merupakan pemilihan sesuatu kumpulan yang ingin diselidiki oleh penyelidik. Persampelan juga merupakan proses memilih sekumpulan orang oleh penyelidik untuk sesuatu penyelidikan yang mewakili kumpulan besar orang yang dipilih (Mohd Majid Konting, 1990).

Dalam kajian ini, sampel kajian adalah ibu bapa yang berada di Pusat Anak PERMATA Negara di Zon Tengah sahaja yang dipilih. Oleh itu persampelan bertujuan dipilih dalam kajian ini. Zon tengah dipilih sebagai tempat kajian kerana berdasarkan laporan keseluruhan PAPN menunjukkan penglibatan ibu bapa yang agak rendah (Laporan PAPN 2018) dan selanjutnya pengkaji juga ingin mengetahui lebih lanjut ianya mempunyai hubungan dengan kemahiran sosial kanak-kanak melalui kajian ini.

3.5 Instrumen

Menurut Sabitha (2005), soal selidik adalah satu set soalan dalam bentuk tulisan yang dibentuk secara khusus untuk mengumpul maklumat bagi menjawab persoalan kajian. Kajian ini melibatkan ibu bapa kanak-kanak di PAPN di bahagian Zon tengah. Satu set soal selidik digunakan untuk menjawab soalan kajian. Soal selidik ini terbahagi kepada tiga bahagian. Iaitu:

i. Bahagian A

Bahagian ini mengandungi maklumat diri kanak-kanak seperti umur, jantina, bangsa dan bilangan tahun mengikuti pendidikan di PAPN. Bahagian ini juga mengandungi maklumat diri ibu bapa seperti umur, pekerjaan, tahap pendidikan tertinggi, bilangan anak serta pendapatan bulanan.

ii. Bahagian B

Bahagian B, adalah bagi instrumen soal selidik penglibatan ibu bapa yang dibina oleh Fauziah Hanim, et.al. (2014).

Bahagian B adalah soalan penglibatan ibu bapa ianya merangkumi soalan peraturan PERMATA Negara, aktiviti penglibatan ibu bapa dan kemudahan serta bimbingan yang ada dijalankan ketika melakukan penglibatan ibu bapa di PERMATA Negara. Terdapat 19 soalan item pertanyaan.

Instrumen yang digunakan mengandungi item-item berbentuk pernyataan dan pilihan jawapan yang diberikan dalam bentuk skala Likert (1-5) iaitu (1) Sangat Tidak Setuju, (2) Tidak Setuju, (3) Tidak Pasti, (4) Setuju dan (5) Sangat Setuju. Pemilihan skala Likert dibuat kerana ianya lebih mudah diurus dan dijawab oleh responden. Selain itu, kebolehpercayaan data yang diperolehi lebih tinggi dan mudah digeneralisasikan kepada populasi (Chua. 2006).

Contoh item penglibatan ibu bapa adalah Saya faham dan sedia maklum dengan peraturan dan dasar PAPN yang dijelaskan termasuk memenuhi jam kredit penglibatan ibu bapa sebanyak 4 jam sebulan.

Penentuan Skor Tahap Penglibatan Ibu bapa di PERMATA Negara.

Hasil dapatan yang diperolehi menentukan skor tahap penglibatan ibu bapa di PERMATA Negara. Analisis skala likert boleh menggunakan dua cara iaitu yang pertama dengan menganalisis menggunakan nilai peratusan atau nilai mod dan yang kedua menggunakan nilai min termasuk pengkategorian puas atau tidak puas (Amirin, 2011). Dalam kajian ini penyelidik menentukan tahap penglibatan ibu bapa dengan

melihat skor min daripada dapatan yang diperolehi. Skor min yang diperolehi menentukan tahap penglibatan ibu bapa di PERMATA Negara sama ada tinggi atau rendah. Bagi mengetahui tahap nilai min, penyelidik mengkategorikan skor min dalam 5 tahap seperti jadual berikut.

Jadual 3.2

Interpretasi Skor Purata ke Dalam 5 Tahap (Skala Likert 5)

Skor	Interpretasi
1.00 hingga 1.89	Sangat Rendah
1.90 hingga 2.69	Rendah
2.70 hingga 3.49	Sederhana
3.50 hingga 4.29	Tinggi

Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) (2006b). Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP)

iii. Bahagian C

Bahagian ini mengandungi soal selidik kemahiran sosial daripada Merrell (2002) iaitu Soal Selidik Preschool and Kindergarten Behavior Scales-Second Edition (PKBS-2). PKBS-2 ini kerap digunakan dalam kajian untuk mengukur dimensi kemahiran sosial dan dimensi tingkahlaku kanak-kanak. Dalam kajian ini, pengkaji hanya menggunakan dimensi kemahiran sosial yang mengukur hubungan kanak-kanak bersama rakan sebaya dan orang dewasa mengenai penyesuaian sosial. Soal selidik ini telah diterjemahkan dan diulang terjemah oleh dua orang pakar penterjemah dalam kajian yang dijalankan oleh Zaharah Osman (2015). Dalam dimensi kemahiran sosial, terdapat 34 item merangkumi 3 subskala iaitu Kerjasama Sosial, Interaksi Sosial dan Kebebasan Sosial. Kesemua item menggunakan Skala Likert 4 mata iaitu (0) Tidak Pernah, (1) Jarang, (2) Kadang-kadang dan (3) Selalu.

Subskala Kerjasama Sosial terdiri daripada 12 item yang mengukur kemampuan kanak-kanak untuk mengikut arahan orang dewasa, mempunyai kawalan sendiri dan kerjasama dengan rakan sebaya.

Subskala Interaksi Sosial pula mengandungi 11 item yang mengukur kemampuan kanak-kanak untuk membina dan mengekalkan persahabatan dan penerimaan rakan sebaya.

Subskala Kebebasan Sosial terdiri daripada 11 item yang mengukur kebebasan sosial dalam kalangan rakan sebaya antaranya menunjukkan keyakinan diri dan sikap asertif dengan rakan sebaya serta mampu untuk berpisah daripada penjaga/ibu bapa. Senarai nombor dan contoh item dalam instrumen ini ditunjukkan dalam Jadual 3.3.

Jadual 3.3

Senarai Item-Item Mengukur Kemahiran Sosial

Subskala	Nombor	Contoh item
Kerjasama Sosial	2, 7, 10,	Bekerjasama.
	12, 16, 22,	Mengikut arahan orang dewasa.
	23, 25, 28, 29, 30, 32	Menunjukkan kawalan diri.
Interaksi Sosial	5, 14, 15,	Cuba memahami tingkah laku kanak-kanak lain (“kenapa awak menangis?”).
	17, 19, 20, 21, 24, 27, 33, 34	Terlibat dalam kelas atau perbincangan keluarga.
		Meminta bantuan orang dewasa apabila diperlukan.
Kebebasan Sosial	1, 3, 4, 6,	Bekerja atau bermain sendiri.
	8, 9, 11,	Senyum dan ketawa dengan kanak-kanak lain.
	13, 18, 26, 31	Bermain dengan beberapa kanak-kanak yang berlainan.

3.6 Kesahan dan Kebolehpercayaan

Setiap instrumen perlu mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang baik sebelum digunakan dalam kajian yang sebenar. Instrumen yang mempunyai tahap kesahan yang tinggi bermaksud instrumen tersebut benar-benar mengukur pemboleh ubah yang dimaksudkan (Creswell, 2012). Kebolehpercayaan pula bermaksud instrumen yang digunakan menghasilkan nilai atau jawapan yang sama atau konsisten apabila pengulangan terhadap pengukuran pemboleh ubah tersebut dilakukan berkali-kali pada sampel atau keadaan yang sama (Creswell, 2012). Di dalam kajian ini, kebolehpercayaan instrumen ditentukan dengan menggunakan ujian statistik Cronbach's alpha. Penilaian Cronbach's alpha adalah berpandukan kepada skala yang dicadangkan oleh Mohd.Najib Ghafar (1999) seperti dalam Jadual 3.4 berikut:

Jadual 3.4

Skala Interpretasi Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Julat (Positif/Negatif)	Kekuatan
0.00 – 0.20	Diabaikan
0.21 – 0.40	Rendah (ubah kesemua item)
0.41 – 0.60	Sederhana (ubah sebilangan item)
0.61 – 0.80	Tinggi (item diterima)
0.81 – 1.0	Sangat Tinggi

Soal Selidik Penglibatan Ibu bapa

Instrumen ini turut telah digunakan oleh Fauziah Hanim et al (2014), dan Munira (2017). Adapun pembinaan instrument ini hanya digunakan untuk mengukur

penglibatan ibu bapa kanak-kanak di PAPN sahaja. Oleh sebab itu sangat sesuai digunakan untuk kajian ini. Berdasarkan kajian Fauziah Hanim et al 2014 mendapati kesahan muka dan kesahan kandungan instrumen penglibatan ibu bapa dengan meminta bantuan pensyarah dalam bidang psikologi kanak-kanak dan keibubapaan. Empat orang pakar membuat penilaian terhadap kesesuaian instrumen tersebut dalam mengukur penglibatan ibu bapa. Kesemua pakar terlibat telah bersetuju dengan instrumen ini dan beberapa perubahan telah dibuat berdasarkan cadangan yang diberikan.

Instrumen penglibatan ibu bapa ini menunjukkan nilai kebolehpercayaan yang tinggi pada bahagian penglibatan ibu bapa iaitu nilai Cronbach's alpha 0.823, bahagian halangan pula dengan nilai Cronbach's alpha 0.803 dan bahagian komunikasi nilai Cronbach's alpha 0.843. Maka analisis kebolehpercayaan terhadap 31 item soalan keseluruhan memberi nilai Cronbach's alpha yang tinggi yakni 0.857. Manakala kajian Munirah (2017) menunjukkan nilai Cronbach's alpha sebesar 0.832.

Soal selidik Kemahiran Sosial, *Preschool and Kindergarten Behavior Scales-Second Edition (PKBS-2)*

PKBS-2 ini digunakan dalam kajian untuk mengukur dimensi kemahiran sosial di peringkat awal kanak-kanak atau kanak-kanak prasekolah (Merrell, 1994) serta dibina untuk kegunaan di pelbagai situasi daripada pelbagai informan seperti ibu bapa, penjaga dan guru (Merrell, 2002). Dalam kajian Gomes & Pereira (2014), instrumen ini turut digunakan untuk mengukur kemahiran sosial kanak-kanak berumur 2 hingga 7 tahun.

Instrumen ini turut digunakan dalam kajian pelbagai negara dan budaya seperti USA (Merrell, 2002), Korea (Yoo, Lee, Ha, & Park, 2014), Thailand (Tulananda & Roopnarine, 2001), Iran (Shokri, Khosravi, & Hooman, 2013) dan Belanda (Gomes & Pereira, 2014; Major, Seabra-Santos, & Martin (2015) serta diuji kesahan dan kebolehpercayaannya. Kesahan konstruk telah diuji dengan mengukur hubungan PKBS-2 dengan alat ukur kemahiran sosial kanak-kanak yang telah diiktiraf seperti Matson Evaluation of Social Skills with Young Children (MESSY), Conner's Teacher Rating Scale, School Social Behavior Scales (SSBS), dan Social Skills Rating System (SSRS) (Merrell, 1995). Walaupun penilaian kanak-kanak yang dibuat oleh ibu bapa lebih tinggi tetapi tiada perbezaan signifikan antara penilaian yang dibuat oleh ibubapa dan guru (Merrell, 1994). Dalam kajian Zaharah Osman (2015) di Malaysia, soal selidik PKBS-2 yang telah diterjemah dan diadaptasi, telah mendapat kesahan daripada pakar rujuk dalam bidang kanak-kanak.

PKBS-2 juga memiliki kebolehpercayaan yang tinggi dalam kajian Merrell (2002) iaitu nilai Cronbach's alpha bagi Skala Kemahiran Sosial adalah antara .80 dan .90. Kajian Tulananda & Roopnarine (2001) di Thailand mendapati nilai pekali Spearman-Brown adalah baik iaitu sebanyak .90. Dalam kajian rintis Zaharah Osman (2015) yang menggunakan PKBS-2 yang telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia, Skala Kemahiran Sosial mempunyai nilai Cronbach's alpha yang sangat tinggi iaitu sebanyak .96. Ini menunjukkan bahawa soal selidik kemahiran sosial PKBS-2 mempunyai ketekalan yang tinggi iaitu memberikan nilai atau jawapan yang konsisten apabila pengulangan pengukuran dijalankan.

3.7 Prosedur Kajian

Kajian yang dijalankan dalam penyelidikan ini melibatkan ibu bapa di Pusat Anak PERMATA Negara di Zon tengah. Beberapa tatacara diambil kira dalam menjalankan kajian ini. Prosedur kajian ini akan dimulakan dengan mendapatkan surat kebenaran daripada pihak Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya (UM) untuk memohon keizinan daripada Bahagian PERMATA bagi menjalankan kajian di Pusat Anak PERMATA Negara (PAPN) yang telah dipilih.

Setelah surat kebenaran dikeluarkan daripada Fakulti Pendidikan Universiti Malaya (UM), penyelidik mendapatkan kebenaran daripada Bahagian PERMATA, Jabatan Perdana Menteri untuk menjalankan kajian di Pusat Anak PERMATA Negara (PAPN) yang terpilih. Setelah mendapat kebenaran daripada Bahagian PERMATA, penyelidik mengadakan lawatan ke Pusat Anak PERMATA Negara (PAPN) yang terlibat dan berjumpa dengan Ketua Pendidik di setiap Pusat Anak PERMATA Negara (PAPN) yang dipilih bagi membina hubungan, membincangkan tarikh dan masa yang sesuai untuk menjalankan kajian di tempat mereka. Kajian dijalankan setelah tarikh dan masa telah ditetapkan. Penyelidik mengutip data dengan mendapat kerjasama daripada pendidik-pendidik di Pusat Anak PERMATA Negara (PAPN) yang dipilih dengan mengumpul sampel iaitu ibu bapa yang terlibat bagi mengutip data kajian.

Sebelum memulakan proses pengumpulan data dengan menggunakan instrumen, penyelidik akan menerangkan cara bagaimana kajian ini dilakukan kepada pendidik-pendidik PERMATA Negara yang terlibat dan mengedarkan borang soal selidik dengan bantuan pendidik-pendidik PERMATA Negara yang terlibat.

Setiap sampul mengandungi Surat Makluman Kajian, Soal Selidik Kemahiran Sosial dan Soal Selidik Kemahiran Keibubapaan.

Setelah proses melengkap dan menjawab borang soal selidik selesai, borang-borang soal selidik dikutip oleh pendidik-pendidik PERMATA Negara yang terlibat dan borang-borang soal selidik yang lengkap dijawab diserahkan kepada penyelidik.

Berdasarkan data Enrolmen data kemasukan kanak-kanak PAPN berumur 4 tahun hanya 148 orang maka pengkaji memilih semua PAPN yang ada di Zon Tengah. Setelah itu, pengkaji akan memohon keizinan daripada KPM untuk menjalankan kajian ini. Setelah itu, pengkaji akan menghubungi guru besar sekolah untuk meminta kebenaran bagi membuat penyelidikan.

Setelah data-data berjaya dikutip, proses-proses analisis data dijalankan. Proses-proses analisis data dilakukan dengan menggunakan perisian SPSS

3.8 Kajian rintis

Kajian rintis dijalankan untuk menentukan tahap kesahan dan kebolehpercayaan instrumen yang digunakan (Creswell, 2009) untuk mengukur gaya keibubapaan ibubapa dan tahap kemahiran sosial kanak-kanak. Kebolehpercayaan item-item dalam soal selidik dinilai daripada aspek aras item, kefahaman terhadap item, objektif item, kebolegunaan item dan arahan di dalam item tersebut. Selain itu, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti kefahaman sampel kajian terhadap soal selidik yang dijawab sama ada pernyataan-pernyataan dalam soal selidik itu bertepatan dan bersesuaian dengan budaya Malaysia dan dapat difahami oleh mereka.

Dalam kajian rintis yang dijalankan, sebanyak 32 set soal selidik diedarkan kepada ibu bapa di salah sebuah PAPN di Seremban. Ibu bapa diminta memberi

pendapat dan maklumbalas mengenai soal selidik tersebut dalam ruang yang disediakan dalam borang tersebut. Ibu bapa diberi masa selama seminggu untuk menjawab dan menghantar semula soal selidik kepada guru kelas.

Selanjutnya, ujian kebolehpercayaan menggunakan Cronbach's alpha turut dijalankan. Nilai kebolehpercayaan instrumen dalam kajian rintis yang dijalankan dilaporkan dalam Jadual 3.5.

Jadual 3.5

Nilai Kebolehpercayaan Instrumen

Alat ukur	Pekali kebolehpercayaan	Tahap kebolehpercayaan Mohd.Najib Ghafar (1999)
Penglibatan Ibu Bapa	.863	Tinggi
Kemahiran sosial	.891	Sangat tinggi
Kerjasama sosial	.834	Sangat tinggi
Interaksi sosial	.759	Sangat tinggi
Kebebasan sosial	.610	Tinggi

Dapatan kajian rintis mendapati kesemua subskala mempunyai nilai Cronbach's alpha lebih daripada .60. Menurut Mohd.Najib Ghafar (1999) dan Mohd Majid (2000), nilai Cronbach's alpha 0.6 juga sudah memadai bagi instrumen dalam sains sosial dalam bidang pendidikan. Oleh itu, kesemua subskala instrumen telah memenuhi ujian kebolehpercayaan dan boleh digunapakai dan memenuhi ciri-ciri psikometri yang dikehendaki.

3.9 Analisis Data

Analisis data menggunakan program Statistical Package for the Sosial Sciences (SPSS). Pemilihan jenis statistik yang digunakan untuk menjawab soalan kajian bergantung kepada beberapa faktor termasuklah jenis skala pengukuran pemboleh ubah menunjukkan pemboleh ubah yang digunakan dalam kajian ini serta jenis skala pengukuran.

Dalam kajian ini, data dianalisis menggunakan analisis deskriptif dan analisis inferensi. Analisis deskriptif merupakan satu kaedah untuk menghuraikan ciri-ciri sesuatu pemboleh ubah dengan menggunakan petunjuk seperti min, sisihan piawai, peratusan dan frekuensi (Ghazali & Sufean, 2016). Manakala, analisis inferensi digunakan untuk membuat rumusan dan kesimpulan berdasarkan populasi atau sampel yang besar. Dapatan kajian daripada analisis inferensi ini dapat digeneralisasikan kepada populasi di tempat kajian lain (Ghazali & Sufean, 2016). Analisis inferensi juga digunakan untuk menguji hipotesis yang dibina dalam kajian ini. Antara analisis inferensi yang digunakan dalam kajian ini ialah ujian ANOVA dan korelasi Pearson Bivariate.

Ujian ANOVA digunakan untuk melihat perbezaan antara kemahiran sosial kanak-kanak berdasarkan tahap pendidikan pendapatan dan pekerjaan ibu bapa. Analisis korelasi Pearson Bivariate pula digunakan untuk menganalisis hubungan antara gaya penglibatan ibu bapa dengan kemahiran sosial kanak-kanak. Rumusan statistik yang digunakan berdasarkan soalan kajian adalah seperti dalam Jadual 3.6.

Jadual 3.6

Statistik yang digunakan Berdasarkan Soalan Kajian

Soalan kajian	Statistik
1. Apakah tahap penglibatan ibu bapa?	Deskriptif (min dan sisihan piawai)
2. Apakah tahap kemahiran sosial kanak-kanak?	Deskriptif (min dan sisihan piawai)
3. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara penglibatan ibu bapa dengan kemahiran sosial kanak-kanak?	Ujian Korelasi Pearson
4. Adakah terdapat perbezaan penglibatan ibu bapa mengikut tahap pendidikan dan pendapatan?	ANOVA 2 hala
5. Adakah terdapat perbezaan kemahiran sosial kanak-kanak berdasarkan pendidikan dan pendapatan?	ANOVA 2 hala

3.10 Kesimpulan

Bab ini menjelaskan kaedah kajian iaitu reka bentuk kajian, sampel kajian, kaedah persampelan kajian, instrumen kajian dan prosedur kajian. Seterusnya persoalan kajian akan dijawab menggunakan kaedah statistik deskriptif dan inferensi. Statistik seperti inferensi ujian ANOVA dan korelasi Pearson telah digunakan bagi menguji hipotesis.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan dapatan kajian bagi analisis deskriptif yang meliputi aspek-aspek demografi responden dan analisis inferensi daripada ujian Korelasi Pearson ujian ANOVA dan analisis Multivariat. Dapatan kajian ini menjawab 5 soalan kajian dan menguji 5 hipotesis kajian yang telah dinyatakan dalam Bab 1.

4.2 Pembersihan Data

Pembersihan data merupakan satu langkah untuk menentukan ketepatan data yang telah dimasuki data pangkalan data adalah betul dan tidak ada kes ketinggalan. Langkah-langkah untuk membersihkan data adalah seperti berikut:

4.2.1 Kes Kehilangan Data

Penentuan kes ketinggalan dapat diperiksa melalui analisis deskriptif. Laporan analisis deskriptif secara keseluruhan setiap konstruk menunjukkan 151 kes dan tidak terdapat kes kehilangan data (Merujuk kepada Lampiran A). Di samping itu, analisis ringkasan kehilangan data dapat tunjukkan keadaan kehilangan data seperti Rajah 4.1.

Overall Summary of Missing Values



Rajah 4.1 Ringkasan Kehilangan Data Secara Keseluruhan

Rajah 4.1 menunjukkan setiap konstruk kajian mempunyai data secara penuh, tidak terwujud kehilangan data (0%) dalam chat *variables*, *cases* dan *values*.

4.2.2 Ujian kenormalan

Ujian kenormalan dijalankan untuk memastikan setiap data bertabur secara normal.

Jadual 4.1

Analisis Skewness dan Kurtosis


	<i>Skewness</i>		<i>Kurtosis</i>	
	<i>Statistic</i>	<i>Std. Error</i>	<i>Statistic</i>	<i>Std. Error</i>
Penglibatan Ibu Bapa di PAPN	-.39	.20	-.65	.40
Kemahiran Sosial Murid	-.49	.20	-.36	.40

Merujuk kepada Jadual 4.1 mendapati nilai *skewness* bagi konstruk penglibatan ibu bapa di PAPN adalah -.39 dan konstruk kemahiran sosial murid adalah -.49. Nilai-

nilai *skweness* setiap konstruk adalah di antara ± 2 maka dianggap bertaburan normal berdasarkan statistik skewness (Hair, Black, Babin, Anderson & Tatham, 2010; Bryne, 2010).

Di samping itu, nilai kurtosis bagi konstruk penglibatan ibu bapa di PAPN adalah -.65, konstruk halangan -1.27, konstruk komunikasi adalah -.02 dan konstruk kemahiran sosial murid adalah -.36. Nilai kurtosis untuk semua konstruk adalah tidak melebihi ± 7.00 , maka dapat dianggap setiap data adalah bertaburan normal berdasarkan nilai statistik kurtosis (Hair et al., 2010; Bryne, 2010).


4.2.3 Ujian Kolinearan



Rajah 4.2 Partial Regression Plot

Rajah 4.2 menunjukkan semua plot berada di atas satu garis lurus. Dengan ini menandakan bahawa hubungan di antara penglibatan ibu bapa dan kemahiran sosial adalah linear. Oleh yang demikian, dapatan ini dirumuskan bahawa responden kajian dapat mewakili populasi, responden kajian juga dapat memberikan maklum balas yang konsisten terhadap soalan dalam borang selidik yang digunakan.

4.2.4 Ujian Homoskedastisiti



Rajah 4.3 Scatterplot

Berdasarkan Rajah 4.3, Ujian Homoskedastisiti menunjukkan plot-plot menyebar tidak tertumpu pada satu titik maka disimpulkan homoskedastisiti dan tidak terdapat masalah heterokedastisiti. Dengan itu, dapat dirumuskan bahawa responden kajian telah memenuhi syarat homos, semua reponden memberi maklum balas yang sama.

4.2.5 Ujian Multikolinearan

Jadual 4.2

Analisis Koefesinsi

Model	Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.	Collinearity Statistics	
	B	Std. Error	Beta			Tolerance	VIF
1 (Constant)	1.992	.204		9.784	.000		
Penglibatan Ibu Bapa di PAPN	.264	.051	.394	5.176	.000	1.000	1.000

Dependent Variable: Kemahiran Sosial Murid

Merujuk kepada *Variance Inflation Factor* (VIF) di dalam Jadual 4.2,, nilai VIF didapati kurang daripada 10, maka tidak terwujud masalah multikolinearan (Field, 2000).

4.3 Profil Demografi

Untuk menjelaskan tentang profil demografi ibu bapa yang terlibat dalam kajian ini seperti umur, tahap pendidikan dan pendapatan, maka, ujian statistik deskriptif telah digunakan. Statistik deskriptif ini menggunakan kekerapan (bilangan) dan peratus (%). Seramai 148 orang responden ibu bapa telah terlibat dalam kajian ini. Jadual 4.4 menunjukkan maklumat demografi ibu bapa tersebut.

Jadual 4.3

Demografi Responden

Demografi		Bilangan	Peratus (%)
Status Berkahwin	Berkahwin	145	97.97
	Ibu Tunggal	3	2.03
Umur	26-30 tahun	1	0.68
	31-35 tahun	17	11.49
	36-40 tahun	120	81.08
	41-45 tahun	10	6.76
Tahap Pendidikan	SPM	47	31.76
	STPM	51	34.46
	Diploma	50	33.78
Pekerjaan	Kakitangan kerajaan	148	100
Isi Pendapatan Keluarga	RM2001-RM 3000	47	31.76
	RM3001-RM 4000	59	39.86
	RM4001-RM5000	42	28.38
Hubungan dengan anak	Ibu	122	82.43
	PERMATA Negara Bapa	26	17.57

Berdasarkan demografi ibu bapa, majoriti responden adalah berkahwin (97.97%) dan hanya 3 orang responden adalah ibu tunggal (2.03%). Hanya seorang (0.68%) berumur kurang daripada 30 tahun, 17 orang (11.49 %) berumur 31 hingga

35 tahun, 120 orang (81.08%) berumur 36 hingga 40 tahun dan 10 orang (6.76 %) berumur 40 tahun ke atas. Majoriti responden yang terlibat dalam kajian ini ialah ibu (122 orang, 82.43%) dengan bapa hanya 26 orang (17.57%). Kesemua responden adalah kakitangan kerajaan.

4.4 Tahap Penglibatan Ibu Bapa di Pusat Anak PERMATA Negara (PAPN)

Bahagian ini akan melaporkan dapatan kajian bagi menjawab soalan kajian 1 iaitu: Apakah tahap penglibatan ibu bapa di PAPN?

Analisis statistik deskriptif digunakan untuk menentukan menunjukkan tahap penglibatan ibu bapa. Tahap penglibatan ibu bapa dilihat berdasarkan min dan sisihan piawai.

Jadual 4.4

Tahap Penglibatan Ibu Bapa N (148)

Pemboleh ubah	Min	SP	Interpretasi
Penglibatan ibu bapa	3.4	.504	Sederhana

Merujuk kepada Jadual 4.4, didapati tahap penglibatan ibu bapa berada pada tahap sederhana. (M=3.4, SP=.504).

4.5 Tahap Kemahiran Sosial Kanak-kanak

Bahagian ini akan melaporkan dapatan kajian bagi menjawab soalan kajian 2 iaitu: Apakah tahap kemahiran sosial kanak-kanak PAPN?

Analisis statistik deskriptif digunakan untuk menentukan menunjukkan tahap kemahiran sosial kanak-kanak. Tahap kemahiran sosial kanak-kanak dilihat

berdasarkan min dan sisihan piawai. Jadual 4.5 menunjukkan skor min dan sisihan piawai kemahiran sosial dalam tiga dimensi yang dikaji iaitu dimensi kerjasama sosial, interaksi sosial dan dimensi kebebasan sosial serta keseluruhan kemahiran sosial. Tahap kemahiran sosial murid diinterpretasikan berdasarkan jadual tahap kefungsiian yang dicadangkan oleh Merrell (1994). Jadual 4.5 menunjukkan tahap kemahiran sosial kanak-kanak PAPN mengikut tahap kefungsiian.

Jadual 4.5

Taburan Tahap Kemahiran Sosial Kanak-kanak (N=148)

Tahap kefungsiian/ <i>functional level</i>	Dimensi Kemahiran Sosial			Total Kemahiran sosial N (%)
	Kerjasama sosial	Interaksi sosial	Kebebasan sosial	
	N (%)	N (%)	N (%)	
Tinggi	30 (20.3%)	34 (23.0%)	31 (21.0%)	32 (21.%)
Sederhana	95(64.2%)	88 (58.5%)	95 (64.1%)	92(63%)
Defisit Sederhana	18 (12.2%)	19 (12.8%)	14 (9.5%)	17(11.4%)
Defisit Signifikan	5(3.4%)	7(4.8%)	8(5.4%)	7(4.6%)

Merujuk kepada Jadual 4.5, taburan kemahiran sosial berdasarkan dimensi-dimensinya menunjukkan corak yang hampir sama iaitu antara 20.3-23% berada pada tahap tinggi, lebih separuh kanak-kanak (58.5-64.2%) berada pada tahap kemahiran sosial yang sederhana, antara 9.5-12.8 % kanak-kanak berada pada tahap defisit sederhana, dan hanya 3.4-5.4% berada pada tahap defisit signifikan. Berdasarkan total kemahiran sosial kanak-kanak, kebanyakan kanak-kanak prasekolah (92 orang, 63%) memiliki kemahiran sosial pada tahap sederhana. 32 orang (21%) memiliki kemahiran sosial yang tinggi dan selebihnya memiliki

kemahiran sosial pada tahap defisit sederhana (17 orang, 11.4%) dan defisit signifikan (7 orang, 4.6%).

Jadual 4.6

Tahap Kemahiran Sosial Kanak-kanak

Dimensi Kemahiran sosial	Min	SP	Interpretasi
Kerjasama sosial	26.21	4.48	Sederhana
Interaksi sosial	23.51	3.37	Sederhana
Kebebasan sosial	25.49	3.88	Sederhana
Total Kemahiran sosial	75.21	11.73	Sederhana

Berdasarkan Jadual 4.6, dapatan mendapati skor bagi setiap dimensi kemahiran sosial iaitu kerjasama sosial ($M=26.21$, $SP=4.48$), interaksi sosial ($M=23.51$, $SP=3.37$), dan kebebasan sosial ($M=25.49$, $SP=3.88$) berada pada tahap sederhana. Dapatan ini juga mendapati skor min tahap kemahiran sosial kanak-kanak PAPN ($M=75.21$, $SP=11.73$) secara keseluruhannya berada pada tahap sederhana. Selain itu, dapatan kajian menunjukkan dimensi interaksi sosial ($M=23.51$, $SP=3.37$) menunjukkan skor min yang paling rendah berbanding dimensi lain iaitu dimensi kerjasama sosial ($M=26.21$, $SP=4.48$) dan kebebasan sosial ($M=25.49$, $SP=3.88$) serta menghampiri tahap defisit sederhana.

Secara keseluruhan dapat disimpulkan bahawa kemahiran sosial kanak-kanak PAPN berada pada tahap sederhana. Kanak-kanak PAPN dalam kajian ini juga didapati mempunyai tahap dimensi interaksi sosial yang paling rendah berbanding dimensi kemahiran sosial yang lain.

4.6 Hubungan Signifikan Penglibatan Ibu Bapa dengan Kemahiran Sosial Kanak-kanak di PAPN

Bahagian ini akan melaporkan dapatan kajian bagi menjawab soalan kajian 3 iaitu: Adakah terdapat hubungan signifikan antara penglibatan ibu bapa dengan kemahiran sosial kanak-kanak?

Jadual 4.7

Analisis Korelasi Kemahiran Sosial serta Dimensi-Dimensinya (Kerjasama Sosial, Interaksi Sosial dan Kebebasan Sosial) dengan Penglibatan Ibu Bapa

Pemboleh ubah	Pekali korelasi, r	p
Kemahiran Sosial	.394**	.000
Kerjasama Sosial	.387**	.000
Interaksi Sosial	.353**	.000
Kebebasan Sosial	.350**	.000

**Korelasi adalah signifikan pada aras 0.01 (2-hujungan).

Berdasarkan Jadual 4.7, dapatan kajian mendapati terdapat hubungan positif yang signifikan antara penglibatan ibu bapa dengan kemahiran sosial murid PAPN ($r(148) = .394, p < .0001$). Berdasarkan Cohen (1988), nilai korelasi Pearson ini diinterpretasikan sebagai suatu kesan yang sederhana.

Seterusnya, hubungan antara penglibatan ibu bapa dengan setiap dimensi kemahiran sosial juga menunjukkan hubungan positif yang signifikan dengan kesan yang sederhana iaitu kerjasama sosial ($r(148) = .387, p < .0001$), interaksi sosial ($r(148) = .353, p < .0001$) dan kebebasan sosial ($r(148) = .350, p < .0001$).

Analisis korelasi ini menunjukkan yang penglibatan ibu bapa berkorelasi secara positif dengan kemahiran sosial murid serta dimensi-dimensinya. Oleh yang

demikian, hipotesis H_{01} yang mengatakan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penglibatan ibu bapa dengan kemahiran sosial berjaya ditolak.

4.7 Perbezaan Signifikan Penglibatan Ibu Bapa di PAPN Mengikut Status Sosioekonomi (Tahap Pendidikan dan Pendapatan)

Bahagian ini akan melaporkan dapatan kajian bagi menjawab soalan kajian 4 iaitu: adakah terdapat perbezaan signifikan dalam penglibatan ibu bapa berdasarkan status sosioekonomi?

Soalan kajian 3 ini dibahagikan kepada dua sub-soalan kajian iaitu:

- a. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara penglibatan ibu bapa berdasarkan tahap pendidikan?
- b. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara penglibatan ibu bapa berdasarkan tahap pendapatan?

Dua hipotesis kajian dibina berdasarkan soalan kajian tersebut iaitu:

H_{02} : Tidak terdapat perbezaan signifikan penglibatan ibu bapa mengikut tahap pendidikan.

H_{03} : Tidak terdapat perbezaan signifikan penglibatan ibu bapa mengikut tahap pendapatan ibubapa.

4.7.1 Perbezaan Signifikan Penglibatan Ibu Bapa dengan Tahap Pendidikan

Analisis deksriptif bagi melihat min penglibatan ibu bapa berdasarkan tahap pendidikan dijalankan terlebih dahulu sebelum analisis inferensi (Ujian ANOVA).

Jadual 4.8

Analisis Deskriptif Penglibatan Ibu Bapa Berdasarkan Tahap Pendidikan (N=148)

Tahap Pendidikan	N	Min	Sisihan Piawai	Std. Error	Minimum	Maksimum
SPM	47	3.8343	.55754	.08133	2.47	4.84
STPM	51	4.0795	.41031	.05745	2.89	4.68
Diploma	50	3.9558	.50766	.07179	3.00	5.00

Analisis deksriptif bagi melihat min penglibatan ibu bapa berdasarkan tahap pendidikan dijalankan terlebih dahulu sebelum analisis inferensi (Ujian ANOVA). Jadual 4.8 menunjukkan min penglibatan ibu bapa antara ketiga-tiga kumpulan tahap pendidikan yang berbeza. Berdasarkan dapatan tersebut, didapati kumpulan ibubapa berlatarbelakang pendidikan SPM mempunyai min penglibatan ibu bapa yang terendah.

Seterusnya, ujian ANOVA dijalankan untuk melihat sama ada terdapat perbezaan min penglibatan ibu bapa yang signifikan antara ketiga-tiga latar belakang tahap pendidikan.

Jadual 4.9

Perbezaan Penglibatan Ibu Bapa Berdasarkan Tahap Pendidikan (Ujian ANOVA)

	Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Between Groups	1.472	2	.736	3.019	.052
Within Groups	35.345	146	.244		
Jumlah	36.816	148			

Berdasarkan Ujian ANOVA pada Jadual 4.9, analisis menunjukkan yang tahap penglibatan ibu bapa daripada latarbelakang pendidikan SPM, STPM dan Diploma adalah tidak berbeza secara signifikan, $F(df=2, 146, p >.05)=3.019$. Dengan itu, analisis statistik ini menunjukkan hipotesis nul, H_0 (Tidak terdapat perbezaan signifikan penglibatan ibu bapa mengikut tahap pendidikan) tidak dapat ditolak. Maka, dapatan menunjukkan tidak terdapat kesan perbezaan yang signifikan antara tahap pendidikan dengan penglibatan ibu bapa.

4.7.2 Perbezaan Signifikan Penglibatan Ibu Bapa dengan Tahap Pendapatan

Analisis deksriptif bagi melihat min penglibatan ibu bapa berdasarkan tahap pendapatan dijalankan terlebih dahulu sebelum analisis inferensi (Ujian ANOVA).

Jadual 4.10

Analisis Deskriptif Penglibatan Ibu Bapa Berdasarkan Tahap Pendapatan

Tahap Pendapatan	N	Min	Sisihan Piawai	Std. Error	Minimum	Maksimum
RM2001-RM3000	47	3.9877	.52645	.07679	2.47	4.84
RM3001-RM4000	59	3.8885	.49922	.06499	2.89	4.68
RM4001-RM5000	42	4.0288	.47049	.07260	2.89	5.00
Jumlah	148	3.9598	.50045	.04114	2.47	5.00

Jadual 4.10 menunjukkan min antara ketiga-tiga kumpulan tahap pendapatan yang berbeza. Berdasarkan dapatan tersebut, didapati kumpulan gaji RM3001-RM4000 mempunyai min penglibatan ibu bapa yang terendah.

Seterusnya, ujian ANOVA dijalankan untuk melihat sama ada terdapat perbezaan min penglibatan ibu bapa yang signifikan antara ketiga-tiga tahap pendapatan yang berbeza.

Jadual 4.11

Perbezaan Penglibatan Ibu Bapa Berdasarkan Tahap Pendapatan (Ujian ANOVA)

	<i>Sum of Squares</i>	<i>df</i>	<i>Mean Square</i>	<i>F</i>	<i>Sig.</i>
<i>Between Groups</i>	.537	2	.268	1.072	.345
<i>Within Groups</i>	36.280	146	.250		
Jumlah	36.816	148			

Berdasarkan Ujian ANOVA pada Jadual 4.11, analisis menunjukkan yang tahap penglibatan ibu bapa daripada kumpulan bergaji RM2001-RM3000, RM 3001-RM4000 dan RM4001-RM5000 adalah tidak berbeza secara signifikan, $F(df=2,146, p>.05)=1.072$. Dengan itu, analisis statistik ini menunjukkan hipotesis nul, H_{03} (Tidak terdapat perbezaan signifikan penglibatan ibu bapa mengikut tahap pendapatan) tidak dapat ditolak. Maka, dapatan menunjukkan tidak terdapat kesan perbezaan yang signifikan antara tahap pendapatan dengan penglibatan ibu bapa.

4.8 Perbezaan Signifikan Tahap Kemahiran Sosial Kanak-kanak Mengikut Status Sosioekonomi (Tahap Pendidikan Dan Pendapatan Ibu Bapa)

Bahagian ini akan melaporkan dapatan kajian bagi menjawab soalan kajian 5 iaitu: adakah terdapat perbezaan signifikan dalam kemahiran sosial berdasarkan status sosioekonomi?

Soalan kajian 5 ini dibahagikan kepada dua sub-soalan kajian iaitu:

- a. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara kemahiran sosial kanak-kanak PAPN berdasarkan tahap pendidikan?
- b. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara kemahiran sosial kanak-kanak PAPN berdasarkan tahap pendapatan?

Dua hipotesis kajian dibina berdasarkan soalan kajian tersebut iaitu:

H₀₄: Tidak terdapat perbezaan signifikan kemahiran sosial kanak-kanak PAPN mengikut tahap pendidikan.

H₀₅: Tidak terdapat perbezaan signifikan kemahiran sosial kanak-kanak PAPN mengikut tahap pendapatan ibubapa.

4.8.1 Perbezaan Signifikan Kemahiran Sosial Mengikut Tahap Pendidikan Ibu Bapa

Analisis deksriptif bagi melihat min kemahiran sosial murid berdasarkan tahap Pendidikan ibu bapa dijalankan terlebih dahulu sebelum analisis inferensi (Ujian ANOVA).

Jadual 4.12

Analisis Deskriptif Kemahiran Sosial Berdasarkan Tahap Pendidikan Ibu Bapa

	N	Min	Sisihan Piawai	<i>Std.</i> <i>Error</i>	Minimum	Maksimum
SPM	47	2.9468	.37292	.05440	2.21	3.59
STPM	51	3.0577	.29803	.04173	2.38	3.74
Diploma	50	3.1012	.32269	.04564	2.26	3.71
JUMLAH	148	3.0372	.33555	.02758	2.21	3.74

Jadual 4.12 menunjukkan min kemahiran sosial murid antara ketiga-tiga kumpulan tahap pendidikan ibu bapa yang berbeza. Berdasarkan dapatan tersebut, didapati murid daripada kumpulan ibu bapa berlatarbelakang pendidikan SPM mempunyai min kemahiran sosial yang terendah.

Seterusnya, ujian ANOVA dijalankan untuk melihat sama ada terdapat perbezaan min kemahiran sosial yang signifikan antara ketiga-tiga latar belakang tahap pendidikan.

Jadual 4.13

Perbezaan Kemahiran Sosial Kanak-kanak Berdasarkan Tahap Pendidikan Ibu Bapa (ujian ANOVA)

	<i>Sum of Squares</i>	<i>df</i>	<i>Mean Square</i>	<i>F</i>	<i>Sig.</i>
<i>Between Groups</i>	.610	2	.305	2.775	.066
<i>Within Groups</i>	15.941	146	.110		
<i>Jumlah</i>	16.551	148			

Berdasarkan Ujian ANOVA pada Jadual 4.13, analisis menunjukkan yang tahap kemahiran sosial kanak-kanak daripada ibu bapa berlatarbelakang pendidikan SPM, STPM dan Diploma adalah tidak berbeza secara signifikan, $F(df=2, 146, p > .05) = 2.775$. Dengan itu, analisis statistik ini menunjukkan hipotesis nul, H_0 (Tidak terdapat perbezaan signifikan tahap kemahiran sosial kanak-kanak PAPN mengikut tahap pendidikan ibu bapa) tidak dapat ditolak. Maka, dapatan menunjukkan tidak

terdapat kesan perbezaan yang signifikan antara tahap pendidikan dengan kemahiran sosial kanak-kanak.

4.8.1.1 Mengenal pasti Perbezaan Signifikan Setiap Dimensi Kemahiran Sosial (Kerjasama Sosial, Interaksi Sosial Dan Kebebasan Sosial) dengan Tahap Pendidikan

Analisis deksriptif bagi melihat min setiap dimensi kemahiran sosial kanak-kanak (kerjasama sosial, interaksi sosial dan kebebasan sosial) berdasarkan tahap pendidikan ibu bapa dijalankan terlebih dahulu sebelum analisis inferensi (Ujian Multivariat) dijalankan.

Jadual 4.14

Analisis Deskriptif Dimensi Kemahiran Sosial (Kerjasama Sosial, Interaksi Sosial, Kebebasan Sosial) Berdasarkan Tahap Pendidikan Ibu Bapa

	Tahap Pendidikan	Bilangan	Min	Sisihan Piawai
Kerjasama Sosial	SPM	47	2.9433	.40233
	STPM	51	3.0801	.35589
	Diploma	50	3.1167	.36030
	Total	148	3.0490	.37746
Interaksi Sosial	SPM	47	2.8337	.40404
	STPM	51	2.9305	.32656
	Diploma	50	3.0036	.33261
	Total	148	2.9244	.35919
Kebebasan Sosial	SPM	47	3.0638	.39668
	STPM	51	3.1604	.29519
	Diploma	50	3.1818	.34751
	Total	148	3.1370	.34888

Jadual 4.14 menunjukkan min setiap dimensi kemahiran sosial kanak-kanak antara ketiga-tiga kumpulan tahap pendidikan ibu bapa yang berbeza. Berdasarkan dapatan tersebut, didapati dimensi interaksi sosial kanak-kanak daripada kumpulan ibu bapa berlatarbelakang pendidikan SPM mempunyai min yang terendah.

Seterusnya, ujian Multivariat dijalankan untuk melihat sama ada terdapat perbezaan min setiap dimensi kemahiran sosial yang signifikan antara ketiga-tiga latar belakang tahap pendidikan.

Jadual 4.15

Perbezaan Kemahiran Sosial kanak-kanak Berdasarkan Tahap Pendidikan Ibu Bapa (Ujian Multivariat)

Kesan		Value	F	Hypothesis df	Error df	Sig.	Partial Eta Squared
Intercept	Wilks' Lambda	.011	4262.736 ^b	3.000	143.000	.000	.989
Tahap Pendidikan	Wilks' Lambda	.952	1.195 ^b	6.000	286.000	.309	.024

a. Design: Intercept + Tahap Pendidikan

b. Exact statistic

c. The statistic is an upper bound on F that yields a lower bound on the significance level

Analisis multivariat dalam Jadual 4.15 menunjukkan Wilks' Lambda=.952, $F(6, 286)=1.195$, $p=.309$. Maka, dapat disimpulkan bahawa tidak terdapat perbezaan min setiap dimensi kemahiran sosial (kerjasama sosial, interaksi sosial dan kebebasan sosial) antara tahap pendidikan ibu bapa.

4.8.2 Perbezaan Signifikan Kemahiran Sosial Mengikut Tahap Pendapatan

Analisis deksriptif bagi melihat min kemahiran sosial kanak-kanak berdasarkan tahap pendapatan ibu bapa dijalankan terlebih dahulu sebelum analisis inferensi (Ujian ANOVA).

Jadual 4.16

Analisis Deskriptif Kemahiran Sosial Kanak-kanak Berdasarkan Tahap Pendapatan

	<i>N</i>	<i>Mean</i>	<i>Std. Deviation</i>	<i>Std. Error</i>	<i>Minimum</i>	<i>Maximum</i>
RM 2001- RM 3000	47	2.9862	.36949	.05390	2.21	3.74
RM 3001- RM 4000	59	3.0813	.31314	.04077	2.41	3.71
RM 4001- RM5000	42	3.0322	.32556	.05024	2.26	3.62
<i>Total</i>	148	3.0372	.33555	.02758	2.21	3.74

Jadual 4.16 menunjukkan min kemahiran sosial kanak-kanak antara ketiga-tiga kumpulan tahap pendapatan ibu bapa yang berbeza. Berdasarkan dapatan tersebut, didapati kanak-kanak daripada kumpulan ibu bapa bergaji RM2001-RM3000 mempunyai min kemahiran sosial yang terendah.

Seterusnya, ujian ANOVA dijalankan untuk melihat sama ada terdapat perbezaan min kemahiran sosial yang signifikan antara ketiga-tiga latar belakang tahap pendapatan ibu bapa.

Jadual 4.17

Perbezaan Kemahiran Sosial Kanak-kanak Berdasarkan Tahap Pendapatan Ibu Bapa (Ujian ANOVA)

	<i>Sum of Squares</i>	<i>df</i>	<i>Mean Square</i>	<i>F</i>	<i>Sig.</i>
<i>Between Groups</i>	.238	2	.119	1.056	.350
<i>Within Groups</i>	16.313	146	.113		
<i>Total</i>	16.551	148			

Berdasarkan Ujian ANOVA pada Jadual 4.17, analisis menunjukkan yang tahap kemahiran sosial kanak-kanak daripada ketiga-tiga tahap pendapatan ibu bapa adalah tidak berbeza secara signifikan, $F(df=2, 145, p >.05)=1.056$. Dengan itu, analisis statistik ini menunjukkan hipotesis nul, H_{05} (Tidak terdapat perbezaan signifikan tahap kemahiran sosial kanak-kanak PAPN mengikut tahap pendapatan ibu bapa) tidak dapat ditolak. Maka, dapatan menunjukkan tidak terdapat kesan perbezaan yang signifikan antara tahap pendapatan ibu bapa dengan kemahiran sosial kanak-kanak.

4.8.2.1 Mengenalpasti Perbezaan Signifikan Setiap Dimensi

Kemahiran Sosial (Kerjasama Sosial, Interaksi Sosial Dan Kebebasan Sosial) dengan Tahap Pendapatan Ibu Bapa

Analisis deksriptif bagi melihat min setiap dimensi kemahiran sosial kanak-kanak (kerjasama sosial, interaksi sosial dan kebebasan sosial) berdasarkan tahap pendapatan ibu bapa dijalankan terlebih dahulu sebelum analisis inferensi (Ujian Multivariat) dijalankan.

Jadual 4.18

Analisis Deskriptif Kemahiran Sosial Berdasarkan Pendapatan Isi Keluarga

	Pendapatan Isi Keluarga		Min	Sisihan Piawai	Bilangan
Kerjasama Sosial	RM	2001-RM	2.98	0.42	47
	3000				
	RM	3001-RM	3.11	0.35	59
	4000				
	RM 4001-RM5000		3.05	0.35	42
	Jumlah		3.05	0.38	148
Interaksi Sosial	RM	2001-RM	2.85	0.40	47
	3000				
	RM	3001-RM	2.98	0.33	59
	4000				
	RM 4001-RM5000		2.92	0.34	42
	Jumlah		2.92	0.36	148
Kebebasan sosial	RM	2001-RM	3.13	0.37	47
	3000				
	RM	3001-RM	3.15	0.33	59
	4000				
	RM 4001-RM5000		3.12	0.36	42
	Jumlah		3.14	0.35	148

Jadual 4.18 menunjukkan min setiap dimensi kemahiran sosial kanak-kanak antara ketiga-tiga kumpulan tahap pendidikan ibu bapa yang berbeza. Berdasarkan dapatan tersebut, didapati dimensi interaksi sosial murid daripada kumpulan ibu bapa bergaji RM2001-RM3000 mempunyai min yang terendah.

Seterusnya, ujian Multivariat dijalankan untuk melihat sama ada terdapat perbezaan min setiap dimensi kemahiran sosial yang signifikan antara ketiga-tiga kumpulan tahap pendapatan ibu bapa.

Jadual 4.19

*Perbezaan Kemahiran Sosial Kanak-kanak Berdasarkan Pendapatan Isi Keluarga
(Ujian Multivariate)*

Kesan		<i>Value</i>	<i>F</i>	<i>Hypothesis df</i>	<i>Error df</i>	<i>Sig.</i>	<i>Partial Eta Squared</i>
<i>Intercept</i>	Wilks' Lambda	.012	4080.88	3.00	143	.000	.988
Pendapatan Isi Keluarga	Wilks' Lambda	.946	1.343	6.00	286	.238	.027

Analisis multivariate dalam Jadual 4.19 menunjukkan Wilks' Lambda=.946, $F(6, 286)=1.343$, $p=.238$. Maka, dapat disimpulkan bahawa tidak terdapat perbezaan min setiap dimensi kemahiran sosial (kerjasama sosial, interaksi sosial dan kebebasan sosial) antara tahap pendapatan ibu bapa.

4.9 Kesimpulan

Kajian ini dilaksanakan bagi menjawab lima persoalan kajian dan lima hipotesis nul yang telah dibina yang melibatkan pemboleh ubah penglibatan ibu bapa, kemahiran sosial serta dimensi-dimensinya (kerjasama sosial, interaksi sosial dan kebebasan sosial) serta status sosioekonomi (pendidikan dan pendapatan ibu bapa). Analisis deskriptif dijalankan untuk melihat demografi responden, tahap penglibatan ibu bapa dan tahap kemahiran sosial kanak-kanak. Pengujian hipotesis dilakukan dengan dengan ujian ANOVA, Korelasi Pearson dan ujian Multivariat.

Dapatan kajian menunjukkan tahap penglibatan ibu bapa murid PAPN adalah sederhana manakala tahap kemahiran sosial kanak-kanak juga pada tahap sederhana. Selanjutnya terdapat hubungan yang signifikan antara penglibatan ibu bapa dengan

kemahiran sosial kanak-kanak. Dapatan kajian ini juga mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam penglibatan ibu bapa dan kemahiran sosial kanak-kanak berdasarkan status sosioekonomi ibubapa (tahap pendidikan dan tahap pendapatan ibubapa).

Universiti Malaya

BAB 5

PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Bab ini mengemukakan ringkasan dan rumusan dapatan-dapatan kajian yang telah dijalankan mengenai hubungan penglibatan ibu bapa dengan kemahiran sosial kanak-kanak di Pusat Anak PERMATA Negara. Kajian ini dijalankan di beberapa buah PERMATA Negara sekitar zon tengah. Perbincangan dibuat berdasarkan dapatan dan keputusan yang dijelaskan dalam bab empat. Perbincangan bermula dengan perbincangan dapatan kajian, implikasi dan cadangan kajian lanjutan untuk meningkatkan tahap penglibatan ibu bapa di PERMATA Negara.

5.2 Perbincangan Dapatan Kajian Tahap Penglibatan Ibu Bapa di Pusat Anak PERMATA Negara (PAPN)

Berdasarkan dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap penglibatan ibu bapa di Pusat Anak PERMATA Negara (PAPN) berada pada tahap sederhana. Dapatan ini menunjukkan bahawa penglibatan ibu bapa di PAPN cukup baik sepanjang aktiviti yang dijalankan oleh pihak pengurusan PAPN bersama kanak-kanak. Keputusan kajian juga mendapati bahawa ibu bapa melibatkan diri dan melakukan komunikasi dengan guru dan pihak PAPN selaras dengan 4 jam setiap bulan masa yang diperuntukkan bersama kanak-kanak. Guru dan ibu bapa, memberikan sokongan bersama kanak-kanak serta menambah pengetahuan mereka dari segi keibubapaan, melakukan beberapa aktiviti yang disediakan oleh pihak PAPN seperti aktiviti memasak, membaca buku bersama dan bermain bersama dan sebagainya. Dapat kajian ini sesuai dengan teori Epstein (2001) yang menyatakan bahawa dimensi penglibatan ibu bapa terdiri dari komunikasi, sokongan terhadap kanak-kanak di

rumah mahupun di sekolah, melakukan aktiviti bersama dan akhir sekali mengajar kanak-kanak membuat pengambilan keputusan.

Merujuk kepada kurikulum PERMATA Negara 2012, ibu bapa diharapkan dapat berkolaborasi dengan melibatkan diri bersama komuniti, kerana penglibatan ibu bapa merupakan komponen utama program pendidikan awal kanak-kanak (Nokali, Bachman, & Drzal, 2010). Ibu bapa adalah kumpulan utama yang memberikan peranan penting dalam aktiviti pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak baik di rumah mahupun di sekolah (Kurikulum PERMATA Negara, 2012). Penglibatan ibu bapa akan membantu proses perkembangan kanak-kanak baik di taska maupun di rumah.

Penjelasan dapatan kajian ini menunjukkan tahap penglibatan sederhana, yang mana dapat disimpulkan bahawa penglibatan ibu bapa belum berada pada tahap tinggi atau maksima. Hal ini berlaku disebabkan beberapa faktor, diantaranya adalah pertama, ibu bapa tiada masa kerana sibuk bekerja. Kedua, ibu bapa tinggal di tempat yang jauh dari Tabika. Ketiga, ibu bapa memiliki pemikiran bahawa mengajar kanak-kanak di Tabika adalah tanggungjawab guru. Penyebab kelima mengapa penglibatan kurang maksima adalah penglibatan ibu bapa tidak digalakkan oleh pihak KEMAS (Ishak 1987, Fauziah Hanim, et. al. 2014).

Walaupun demikian, biasanya ibu bapa melakukan penglibatan untuk hal-hal yang tidak memerlukan sumbangan yang aktif daripada mereka. Walaupun terdapat penglibatan daripada ibu bapa, mereka biasanya melakukan aktiviti penglibatan sesekali sahaja. Hal ini selari dengan hasil penelitian Hakyemes (2013) yang mengatakan bahawa faktor utama penglibatan ibu bapa yang tidak efisien adalah disebabkan oleh ketidakmahuan ibu bapa melibatkan diri dalam aktiviti penglibatan.

Tahap penglibatan ibu bapa memberi kesan pada tahap kemahiran sosial kanak-kanak, yang dibuktikan dari hasil kajian ini yang menyatakan bahawa terdapat hubungan positif dan signifikan antara penglibatan ibu bapa dengan kemahiran sosial kanak-kanak di Pusat Anak PERMATA Negara (PAPN).

Pusat Anak PERMATA Negara (PAPN) telah mencanangkan aktiviti penglibatan ibu bapa yang mana ibu bapa diharapkan untuk hadir ke Pusat Anak PERMATA Negara sekurang-kurangnya 4 jam sebulan. Langkah ini diambil agar ibu bapa juga dapat turut serta terlibat aktif dalam persatuan yang dianggotai oleh ibu bapa lain serta guru-guru sehingga mereka dapat membuat perbincangan tentang aktiviti yang akan dijalankan bersama kanak-kanak. Pecahan penglibatan pada setiap bulan adalah berdasarkan hasil persetujuan kesemua ibu bapa dalam persatuan ini. Sebagai contoh, satu jam penglibatan akan diambil kira jika ibu bapa hadir mesyuarat bulanan, dua jam bagi program bulanan (gotong-royong, sambutan hari raya) dan manakala lagi satu jam adalah penglibatan bersama kanak-kanak di Pusat Anak PERMATA Negara.

Menurut Nokali, et al. (2010) terdapat beberapa cara atau tindakan yang dapat dilakukan untuk meningkatkan lagi penglibatan ibu bapa iaitu seperti guru dan ibu bapa dapat berbincang mengenai perilaku kanak-kanak mereka. Aktiviti ini dapat dilakukan untuk mengatasi masalah tingkahlaku dan fungsi sosial yang dapat memberikan kesan kepada persekitaran pembelajaran kanak-kanak dan ianya juga untuk memudahkan guru berinteraksi, menjaga dan mendidik kanak-kanak semasa di pusat jagaan. Diharapkan penglibatan ibu bapa juga dapat mengatasi masalah tingkahlaku dan fungsi sosial kanak-kanak yang pada akhirnya dapat meningkatkan kemampuan sosial kanak-kanak tersebut.

Selain itu, ibu bapa dapat memberi bantuan dan mengajar kanak-kanak kemahiran asas sekaligus ibu bapa juga dapat membantu kanak-kanak membuat kerja-kerja yang mudah, berbual dan bermain (Masitah, Zalizan, & Manisah, 2009), serta menyertai program intervensi ibu bapa dan kanak-kanak. Justeru itu, bermain bukan hanya memberikan keseronokan, namun menyediakan kanak-kanak dengan kemahiran, pengetahuan, serta mampu meningkatkan lagi potensi kanak-kanak dalam pengembangan diri mereka (Hassim, 2012). Ibu bapa juga boleh menghadiri mesyuarat dan majlis sekolah, menyertai organisasi ibu bapa dan guru, atau berperanan sebagai pembuat keputusan, yang diharapkan dengan penglibatan ibu bapa tersebut dapat meningkatkan lagi kemahiran sosial kanak-kanak.

Selain itu, ibu bapa juga dapat melakukan penglibatan dengan kanak-kanak di rumah dengan melakukan beberapa aktiviti pendidikan, selari dengan pendapat Rispoli, Hawley, & Clinton (2018) yang menyatakan bahawa ibu bapa dapat membacakan buku untuk kanak-kanak, mengunjungi perpustakaan, melibatkan kanak-kanak dalam melakukan pekerjaan atau tugas, dan juga bermain. Hal ini disokong dengan pendapat Sheridan, Knoche, Edwards, Bovaird, & Kupzyk (2010) yang menyatakan bahawa kemahiran sosio-emosi kanak-kanak dapat dipengaruhi oleh penglibatan ibu bapa melalui aktiviti interaksi positif ibu bapa dan kanak-kanak melalui bercerita tentang apa yang dialami di sekolah atau melalui permainan.

Seterusnya, aktiviti yang dapat dilakukan oleh ibu bapa adalah menyediakan bahan pembelajaran untuk kanak-kanak, menguruskan kanak-kanak semasa aktiviti pembelajaran yang sesuai dengan kepakaran dan kebolehan ibu bapa, membaca buku bersama kanak-kanak, bercerita, membantu dan mengajarkan kanak-kanak bermain muzik, dan sebagainya (Nokali et al, 2010).

Dengan demikian, ibu bapa dapat lebih meningkatkan penglibatannya dalam pengasuhan anak baik di rumah maupun di sekolah. Dengan lebih melibatkan diri, diharapkan ibu bapa akan lebih membantu dalam proses perkembangan kanak-kanak khususnya yang berkaitan dengan kemahiran sosial.

5.3 Perbincangan dapatan kajian Tahap Kemahiran Sosial Kanak-Kanak di Pusat Anak Permata Negara (PAPN)

Berdasarkan analisa data statistik deskriptif dapat disimpulkan bahawa tahap kemahiran sosial kanak-kanak di PAPN berada pada tahap sederhana. Ini bermakna bahawa kanak-kanak sudah cukup mampu untuk melakukan kerjasama sosial, interaksi sosial dan kebebasan sosial. Dapatan kajian ini sesuai dengan pendapat Merrel (1994) yang menyatakan bahawa kanak-kanak yang mempunyai tahap sederhana dalam kemahiran sosial mampu memahami perbualan bersama rakan bermain dan guru dan memahami arahan daripada guru atau orang dewasa, bekerjasama, berkawan, ikut bermain dalam kumpulan, mengajak kawan untuk bermain bersama, mempunyai keyakinan diri, dan mampu untuk menyesuaikan diri ketika kanak-kanak ditinggalkan oleh pengasuhnya. Ketiga dimensi tersebut merujuk kepada tahap kefungsiian yang dicadangkan oleh Merrel (1994) yang terdiri daripada kerjasama sosial, interaksi sosial, dan kebebasan sosial. Adapun hasil analisis dari ketiga tahap dari dimensi tersebut dijelaskan sebagai berikut:

5.3.1 Kerjasama Sosial

Berdasarkan dapatan kajian, dapat dinyatakan bahawa kemampuan kerjasama sosial kanak-kanak di PAPN berada pada tahap yang sederhana. Namun demikian, dimensi ini memiliki markah yang paling tinggi berbanding dengan dua dimensi yang lain iaitu interaksi sosial dan kebebasan sosial. Dengan merujuk kepada teori

Merrel (1994), dapat dikatakan bahawa kanak-kanak sudah cukup mampu mengikuti arahan orang dewasa, mampu bekerjasama dan akur dengan rakan sebaya serta menunjukkan kawalan diri yang baik ketika berinteraksi dengan persekitaran sosial. Selain itu, kanak-kanak di PAPN juga mampu untuk menerima keputusan orang dewasa.

Antara perkara yang dapat dilakukan oleh ibu bapa untuk meningkatkan kemampuan kerjasama sosial kanak-kanak adalah dengan memberikan model yang baik bagi kanak-kanak. Hal ini merujuk kepada teori Bronfenbrenner (1979, 1989) yang menyatakan bahawa ibu bapa merupakan persekitaran paling hampir dengan kanak-kanak yang paling memungkinkan dijadikan model bagi mereka. Ketika ibu bapa melakukan beberapa aktiviti seperti bekerjasama, bertolak ansur, dan menerima keputusan orang dewasa, maka kanak-kanak tersebut dapat menjadikan tingkahlaku ibu bapa sebagai model bagi perkembangan kerjasama sosial mereka.

Berdasarkan pernyataan di atas, dapat disimpulkan bahawa antara perkara yang dapat dilakukan untuk meningkatkan kemampuan kerjasama sosial kanak-kanak adalah dengan memberikan model yang baik bagi anak. Dengan demikian diharapkan dapat meningkatkan kemampuan kanak-kanak dalam bekerjasama, yang seterusnya kemampuan sosial kanak-kanak dapat lebih berkembang.

5.3.2 Interaksi Sosial

Sama seperti dimensi kerjasama sosial, dimensi interaksi sosial kanak-kanak di PAPN juga berada pada tahap yang sederhana. Berdasarkan hasil kajian ini, dapat dinyatakan bahawa kanak-kanak di PAPN mampu menjalin dan menjaga persahabatan atau berkawan, serta mampu melakukan penerimaan terhadap persekitaran sosial. Selain daripada itu, dapat dinyatakan bahawa kanak-kanak di

PAPN mampu untuk memahami emosi, terlibat aktif dalam kelompok bermain mereka, dan juga mengajak temannya untuk bermain bersama (Merrel, 1994). Hal ini sesuai dengan pendapat Merrel (2003) yang menyatakan bahawa interaksi sosial mempunyai hubungkait dengan kemampuan dalam memahami emosi, terlibat secara aktif dalam kumpulan sosial anak, dan juga mengajak rakan seusia kanak-kanak untuk bermain.

Perkara lain yang dapat dilakukan sebagai cara pengukuhan positif yang dapat dilakukan oleh ibu bapa untuk meningkatkan kemampuan interaksi sosial anak, antara lain adalah seperti dengan bermain bersama di sekolah mahupun di rumah. Bermain bersama anak-anak dapat membangunkan komunikasi, meningkatkan tingkah laku sosial anak dan meningkatkan kadar interaksi antara ibu bapa dengan baik (Hassim, Tee, Majid, Jelas & Yusof, 2012). Beberapa strategi yang dapat digunakan oleh ibu bapa semasa bermain dengan anak-anak agar interaksi dapat terwujud, diantaranya adalah dengan memerhatikan tingkah laku atau aktiviti anak ketika berada di PAPN, mendengar dan menyokong, bercakap dan mengembangkan tema perbualan, serta memahami dan mempunyai empati yang baik (Yen, 2010). Diharapkan melalui aktiviti ini akan mewujudkan interaksi yang baik dan ibu bapa dapat menjadi model atau contoh yang baik bagi anak-anak dalam meningkatkan kemampuan interaksi sosial mereka. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa penglibatan ibu bapa yang dianjurkan oleh PAPN adalah merupakan komponen yang penting.

Ibu bapa juga boleh menyediakan tempat dan aktiviti untuk berinteraksi. Selaras dengan pendapat Goleman (1998) yang menyatakan bahawa ibu bapa dan komuniti sekolah juga dapat menyediakan tempat dan aktiviti bersama untuk berinteraksi bagi membantu mengembangkan kemampuan sosial anak. Seterusnya

dengan memberikan model atau contoh yang baik daripada ibu bapa kepada kanak-kanak. Tingkah laku baik secara lisan mahupun bukan lisan atau bahasa tubuh yang dilakukan oleh bapa ibu dapat memberi model pengajaran kepada kanak-kanak. Dapat disimpulkan bahawa model atau contoh tingkahlaku daripada ibu bapa akan mempengaruhi bentuk interaksi antara ibu bapa dengan kanak-kanak, dan interaksi antara kanak-kanak dengan persekitarannya.

Berdasarkan pernyataan di atas, dapat disimpulkan bahawa terdapat tiga aktiviti yang dapat dilakukan untuk meningkatkan lagi kemampuan interaksi sosial kanak-kanak, iaitu bermain bersama kanak-kanak, menyediakan tempat bermain dan aktiviti bersama antara ibu bapa dengan anak-anak untuk berinteraksi, dan memberikan model atau contoh yang baik daripada ibu bapa. Justeru itu, diharapkan aktiviti tersebut dapat meningkatkan kemampuan kanak-kanak dalam berinteraksi dan kemampuan sosial kanak-kanak dapat lebih dikembangkan.

5.3.3 Kebebasan Sosial

Berdasarkan analisis data, seperti dimensi kerjasama sosial dan interaksi sosial, dimensi kebebasan sosial kanak-kanak di PAPN juga berada pada tahap yang sederhana. Namun demikian, dimensi ini memiliki tingkat yang paling rendah berbanding dengan dua dimensi yang lain. Bahkan dimensi ini menghampiri tahap defisit sederhana.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kanak-kanak PAPN kurang mampu untuk melakukan penyesuaian sosial dengan kumpulan rakan sebaya mereka. Kajian menunjukkan bahawa kanak-kanak masih sukar untuk berpisah dengan pengasuh mereka. Selain daripada itu, kanak-kanak masih kurang keyakinan diri dan belum menunjukkan sifat terbuka ketika mereka berinteraksi dengan rakan sebaya. Merujuk

kepada pendapat Merrel (1994), kebebasan sosial adalah berkait rapat dengan penyesuaian sosial (*social adjustment*) yang antara lain adalah kemampuan untuk berpisah dengan pengasuh (*caregiver*) dan juga menunjukkan keyakinan diri yang cukup serta asertif dalam berinteraksi dengan rakan sebaya (Merrel, 1994). Merrell (2003) juga menyatakan bahawa kebebasan sosial adalah berkaitan dengan kepercayaan diri dan asertif, kemampuan menyesuaikan diri dengan keadaan sosial yang berbeza, dan juga diterima oleh kumpulan rakan sepermainan mereka.

Kanak-kanak yang memiliki penyesuaian diri yang baik dengan persekitaran sekolah akan lebih berhasil dalam perkembangan berikutnya berbanding dengan kanak-kanak yang sukar untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran sekolah (Belsky & MacKinnon, 1994; Cowan et al 1994). Perubahan dari persekitaran yang biasa dihadapi kepada persekitaran yang baharu akan menyebabkan tekanan dan ketidakpastian (Cowan, et al, 1994).

Penyesuaian diri dengan persekitaran sekolah dapat menyebabkan peningkatan kemampuan sosial (Fabian, 2000). Kanak-kanak akan mengalami kesukaran dalam menyesuaikan diri dengan persekitaran sekolah jika terjadi ketidaksesuaian diantara kemampuan kanak-kanak secara peribadi dan budaya, sikap, dan pengetahuan yang mereka bawa ke sekolah (Clancy, et al, 2001).

Terdapat beberapa perkara yang dapat dilakukan untuk meningkatkan kebebasan sosial kanak-kanak, antara lain adalah dengan cara ibu bapa sering mendedahkan kanak-kanak dengan persekitaran yang baharu dan tidak biasa (Dunlop, 2000). Dengan cara ini diharapkan kanak-kanak akan lebih berdikari, dapat membina hubungan baik dengan rakan sebaya dan juga mematuhi peraturan (Cowan, et al , 1994).

Penglibatan ibu bapa dalam setiap aktiviti anak juga akan membantu perkembangan kanak-kanak khususnya dalam meningkatkan keyakinan diri kanak-kanak sebagai sebahagian daripada kemampuan kebebasan sosial. Penglibatan ibu bapa akan meningkatkan lagi keyakinan diri kanak-kanak terutamanya keyakinan dari segi bersosial dengan rakan-rakan, dan berinteraksi dengan guru-guru (Halim & Yunus, 2017). Aktiviti yang melibatkan penyertaan bersama dengan ibu bapa ini akan memberikan keyakinan kepada kanak-kanak untuk tidak merasa takut, sehingga masalah yang berkaitan dengan penyesuaian diri dengan suasana baru seperti penggantian dengan pengasuh dan rakan yang baru dapat diatasi dengan baik.

Selain itu, ibu bapa juga dapat menjalinkan hubungan yang positif dengan pihak sekolah. McWayne et al (2004), menyatakan bahawa ibu bapa yang mampu menjalinkan hubungan yang positif dengan pihak sekolah pendidikan awal kanak-kanak serta tidak mengalami sebarang halangan dalam melakukan aktiviti tersebut, akan cenderung memiliki kanak-kanak yang memiliki hubungan yang positif dengan rakan sepermainan dan juga orang dewasa. Dengan kata lain dapat dikatakan bahawa kemampuan kebebasan sosial kanak-kanak berkembang dengan baik. Ini disebabkan oleh kerana kanak-kanak sudah terbiasa berjumpa dengan orang lain selain daripada ibu bapa sendiri.

Ibu bapa menjadikan diri mereka sendiri sebagai model yang baik bagi perkembangan kebebasan sosial kanak-kanak. Bronfenbrenner (1979, 1989), menyatakan bahawa ibu bapa dapat menjadi model bagi perkembangan anak khususnya kemampuan kebebasan sosial. Jika kanak-kanak melihat ibu bapa memiliki kemampuan asertif yang baik, mampu melakukan penyesuaian diri yang baik, dan mempunyai keyakinan diri yang tinggi, maka tingkahlaku tersebut akan

dapat dijadikan model bagi kanak-kanak dan bagi mengembangkan tingkahlaku yang sama. Justeru itu, diharapkan kemampuan kebebasan sosial kanak-kanak dapat berkembang dengan baik.

Berdasarkan hasil analisis data dapat disimpulkan bahawa kanak-kanak PAPN masih kurang mampu dalam menghadapi perubahan suasana sosial, serta memiliki keyakinan diri yang masih belum berkembang dengan baik sesuai dengan usia kanak-kanak tersebut. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kanak-kanak masih sukar untuk berpisah dengan pengasuh mereka. Terdapat beberapa perkara yang dapat dilakukan untuk meningkatkan kemampuan kebebasan sosial kanak-kanak iaitu dengan sering mendedahkan kanak-kanak dengan persekitaran yang baharu dan tidak biasa, penglibatan ibu bapa dalam setiap aktiviti anak-anak dan menjadikan ibu bapa sebagai model yang baik bagi perkembangan kemampuan kebebasan sosial kanak-kanak.

5.4 Hubungan Penglibatan Ibu Bapa dengan Kemahiran Sosial

Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan antara penglibatan ibu bapa dengan kemahiran sosial murid di PAPN. Dapatan kajian ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Wanke (2008) yang menyatakan bahawa penglibatan ibu bapa dapat memberikan pengaruh terhadap kemahiran sosial kanak-kanak. Selain daripada itu, Hosokawa, Katsura, & Shizawa (2015) yang juga menyatakan bahawa terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara penglibatan ibu bapa dengan kemahiran sosial kanak-kanak.

Kemahiran sosial kanak-kanak merupakan tingkahlaku yang dapat dibentuk. Bandura (1971) menyatakan bahawa tingkahlaku kanak-kanak merupakan bentuk peniruan terhadap persekitaran yang antara lain adalah menjadikan tingkahlaku ibu

bapa sebagai model bagi mereka. Ketika ibu bapa menunjukkan tingkahlaku tertentu seperti bagaimana ibu bapa bekerja sama, berkawan dan melakukan penyesuaian sosial, maka kanak-kanak dapat menjadikannya sebagai model yang akan ditiru, yang seterusnya dapat mengembangkan kemahiran sosial kanak-kanak.

Ibu bapa adalah individu yang paling dekat dengan anak-anak (Bronfenbrenner, 1979, 1989). Lapisan sistem pertama yang mempengaruhi proses pertumbuhan dan perkembangan anak-anak menurut Bronfenbrenner (1979 & 1989) adalah berkaitan dengan hubungan dan interaksi anak-anak dengan ibu bapa. Pada lapisan ini, anak-anak mempunyai interaksi secara langsung dengan ibu bapa dan anak-anak meluangkan paling banyak masa bersama ibu bapa, sehingga ibu bapa dapat memberikan pengaruh besar terhadap anak.

Bronfenbrenner (1979, 1989) juga menjelaskan bahawa ibu bapa yang menunjukkan kasih sayang dan penjagaan yang baik terhadap anak, akan memberikan kesan yang berbeza berbanding dengan dengan ibu bapa yang tidak menunjukkan kasih sayang atau ibu bapa yang bersikap garang terhadap anak mereka. Tingkahlaku yang dilakukan oleh ibu bapa dapat menjadi model kepada anak-anak yang akan diikuti oleh anak-anak tersebut. Dengan demikian, ibu bapa yang menunjukkan kasih sayang dan perhatian yang baik kepada anak-anak akan diikuti atau ditiru oleh kanak-kanak tersebut sebagai model yang diharapkan dapat mengembangkan kemahiran sosial kanak-kanak tersebut.

Kajian yang telah dilakukan oleh El Nokali, Bachman, dan Elizabeth (2010) juga menyatakan bahawa penglibatan ibu bapa dapat meningkatkan lagi kemahiran sosial kanak-kanak. John K. Bond, 2005; Becher, 1984; Burke, 2001; Cloud, DeLeon, Eugenio, Kimber, & Wu, 1989; Epstein & Dauber, 1995; Truby, 1987; juga

menyatakan bahawa penglibatan ibu bapa dapat memberikan kesan terhadap kemahiran sosial kanak-kanak. Hasil kajian oleh Nokali, Bachman, Drzal (2010) juga menyatakan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara penglibatan ibu bapa dengan kemahiran sosial kanak-kanak.

Tahap penglibatan ibu bapa yang tinggi terhadap pendidikan kanak-kanak dapat dilihat dengan adanya perhatian dan komunikasi yang dilakukan ibu bapa dengan pihak sekolah tentang tingkahlaku dan penyesuaian diri kanak-kanak mereka di sekolah. Dengan demikian, ibu bapa akan mendapat lebih maklumat daripada guru mahupun pihak sekolah tentang permasalahan yang dihadapi oleh anak-anak mereka terutamanya perkara-perkara yang berkaitan dengan kemampuan sosial anak-anak. Dengan demikian, ibu bapa dapat menunjukkan contoh agar kanak-kanak mempunyai tingkahlaku yang lebih positif di rumah yang pada akhirnya dapat mengembangkan kemampuan sosial kanak-kanak tersebut.

Penglibatan ibu bapa tidak hanya melibatkan kanak-kanak semasa di rumah, namun penglibatan tersebut juga dapat berlaku di sekolah. Ibu bapa yang terlibat dalam interaksi dengan guru-guru di sekolah juga memberikan kesan yang baik terhadap perkembangan anak-anak. Justeru itu, penglibatan ibu bapa di sekolah sangat penting bagi kanak-kanak bagi membantu proses perkembangan kanak-kanak secara sihat dan positif. Dapatan ini selaras dengan pendapat Epstein (1996) yang menyatakan bahawa sekolah dan ibu bapa bertanggungjawab terhadap perkembangan sosialisasi kanak-kanak. Ini kerana terdapat tiga konteks yang penting dalam perkembangan kanak-kanak iaitu keluarga, sekolah, dan masyarakat yang saling berkaitan antara satu sama lain.

Penglibatan ibu bapa juga dapat dilakukan dengan menghantar anak ke Taman Bimbingan Kanak-Kanak (Tabila) dan mengambil anak dari Tabika (Ishak, 1987). Aktiviti ini dapat dilakukan sebagai satu langkah permulaan untuk merapatkan hubungan ibu bapa dengan sekolah. Selain daripada itu, mereka juga dapat mengetahui dan memahami apa yang berlaku di sekolah. Aktiviti ini dapat memberikan peluang kepada ibu bapa untuk berjumpa dan mengenali guru-guru dan pihak sekolah serta ibu bapa yang lain. Berdasarkan pernyataan di atas, dapat disimpulkan bahawa penglibatan ibu bapa adalah berkaitan dengan perkembangan kemahiran sosial kanak-kanak.

Hubungan antara penglibatan ibu bapa dengan masing-masing dimensi dari kemahiran sosial kanak-kanak dapat dijelaskan sebagai berikut:

5.4.1 Hubungan Penglibatan Ibu Bapa dengan Kerjasama Sosial

Hasil analisis menyatakan bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan antara penglibatan ibu bapa dengan kerjasama sosial kanak-kanak di PAPN. Dapatan ini selaras dengan pendapat Hosokawa, Katsura, & Shizawa (2015) yang menyatakan bahawa terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara penglibatan ibu bapa dengan kemahiran sosial kanak-kanak khususnya pada aspek kerjasama.

Kemampuan kerjasama sosial kanak-kanak dapat dibentuk melalui modeling. Ini sesuai dengan pendapat Bandura (1971) yang menyatakan bahawa kanak-kanak mempelajari sesuatu berdasarkan pada peniruan. Tingkahlaku yang banyak ditiru kanak-kanak adalah ibu bapa kerana ibu bapa merupakan kumpulan yang paling dekat dengan kanak-kanak. Justeru itu, kanak-kanak merujuk kepada ibu bapa melalui proses peniruan dalam mengembangkan kemahiran sosial mereka yang antara lain adalah aspek pengembangan kerjasama sosial. Perkara ini berlaku kerana

kanak-kanak berinteraksi dan meluangkan waktu bersama lebih banyak dengan ibu bapa.

Salah satu bentuk peniruan yang dilakukan oleh kanak-kanak adalah bentuk peniruan secara langsung (Kauchak & Eggen, 2010). Peniruan ini dilakukan semasa kanak-kanak meniru tingkah laku individu yang dijadikan model oleh mereka. Sebagai contoh, ketika ibu bapa melakukan aktiviti kerjasama dengan guru, dengan ibu bapa lain, kanak-kanak akan cenderung untuk meniru perkara yang sama. Dengan demikian dapat disimpulkan bahwa penglibatan ibu bapa dapat memberikan pengaruh kepada kerjasama sosial kanak-kanak.

5.4.2 Hubungan Penglibatan Ibu Bapa dengan Interaksi Sosial

Berdasarkan analisis data, dapat dinyatakan bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan antara penglibatan ibu bapa dengan interaksi sosial anak-anak di PAPN. Dapatan ini selaras dengan kajian oleh Weiss & Theadore (2011) yang menyatakan bahawa terdapat hubungan antara penglibatan ibu bapa dengan kemahiran komunikasi sosial kanak-kanak.

Kemampuan kanak-kanak dalam melakukan interaksi sosial dapat berlaku hasil daripada peniruan kanak-kanak terhadap tingkahlaku ibu bapa secara langsung. (Kauchak & Eggen, 2010) menyatakan bahawa peniruan secara langsung berlaku apabila anak-anak meniru tingkahlaku seperti apa yang dilakukan oleh ibu bapa mereka. Dengan demikian, dapat dinyatakan bahawa apa yang dilakukan ibu bapa ketika berinteraksi dengan persekitaran akan ditiru oleh anak-anak yang akhirnya akan memberikan kesan kepada kemampuan anak dalam melakukan interaksi sosial.

Ketika ibu bapa melakukan interaksi dengan lingkungan sosial seperti berinteraksi dan bekerjasama dengan guru, pihak sekolah, serta ibu bapa lain, kanak-kanak akan memerhatikan tingkahlaku tersebut dan besar kemungkinan tingkahlaku ibu bapa tersebut akan dijadikan model dan ditiru oleh kanak-kanak. Teori Bandura (1971) menyatakan bahawa apa yang dilihat kanak-kanak di dalam persekitaran, akan dijadikan model bagi mereka. Dapatan ini juga diperkuatkan lagi oleh teori bahawa tingkahlaku ibu bapa menyumbang kepada pembentukan tingkahlaku dan aspek perkembangan anak (Alizadeh et al., 2011; Bronfenbrenner, 1979, 1989; Darling & Steinberg, 1993; M. Rubin & Kelly, 2015; Topham et al., 2011) termasuk tingkahlaku ibu bapa dalam berinteraksi dengan persekitaran sosial. Dengan demikian, dapat disimpulkan bahawa terdapat hubungan penglibatan ibu bapa dengan kemampuan interaksi sosial kanak-kanak.

5.4.3 Hubungan Penglibatan Ibu Bapa dengan Kebebasan Sosial

Berdasarkan analisis data, dapat dinyatakan bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan antara penglibatan ibu bapa dengan kebebasan sosial murid di PAPN. Tingkahlaku anak sepatutnya selaras dengan tingkahlaku ibu bapa, sesuai dengan teori peniruan oleh Bandura (1977) yang menyatakan bahawa anak-anak mempelajari kemahiran sosial melalui pelbagai interaksi antara mereka dengan persekitaran yang secara langsung maupun tidak langsung melibatkan peniruan terhadap tingkahlaku orang yang signifikan bagi anak iaitu ibu bapa.

Ibu bapa merupakan individu yang penting dalam kehidupan anak, sehingga tingkahlaku ibu bapa sentiasa dilihat dan diperhatikan oleh anak-anak. Dengan demikian, tingkahlaku ibu bapa dapat menyumbang kepada pembentukan tingkahlaku dan aspek perkembangan anak (Alizadeh et al., 2011; Bronfenbrenner

(1979, 1989); Darling & Steinberg, 1993; M. Rubin & Kelly, 2015; Topham et al., 2011). Sebagai contoh, ketika ibu bapa mampu berkomunikasi dengan guru dan ibu bapa lain secara asertif dan yakin diri, maka anak akan cenderung meniru tingkahlakunya tersebut dan menjadikannya sebagai model. Dengan demikian, diharapkan agar kanak-kanak tersebut juga mampu bersikap asertif terhadap persekitaran dan dapat mengembangkan keyakinan diri mereka dan tidak merasa takut dengan suasana baru di sekolah dan kemampuan kebebasan sosial kanak-kanak dapat berkembang. Dengan demikian dapat disimpulkan bahawa terdapat hubungan antara penglibatan ibu bapa dengan kebebasan sosial kanak-kanak.

5.5 Perbezaan Penglibatan Ibu Bapa berdasarkan pada Status Sosio Ekonomi (Tahap Pendidikan dan Pendapatan)

Kajian yang dilakukan oleh Ho & Willms (1996) menyatakan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kelas sosial dengan penglibatan ibu bapa. Semakin tinggi kelas sosial, maka semakin tinggi penglibatan ibu bapa. Dapatan ini diperkuatkan oleh pendapat Hill & Taylor (2004) yang menyatakan bahawa ibu bapa yang berasal dari kalangan sosio ekonomi yang rendah memiliki tingkat penglibatan ibu bapa yang rendah pula, ini disebabkan oleh jadual bekerja mereka. Hal ini menyebabkan mereka kurang melakukan aktiviti penglibatan dengan anak-anak. Selain itu, kekurangan sumber kewangan, pengangkutan, tekanan serta persekitaran yang tidak kondusif juga yang menyebabkan ibu bapa sukar untuk melakukan penglibatan. Faktor kemiskinan selalu menyebabkan tekanan yang tinggi kepada ibu bapa dalam usaha untuk menyara keluarga, yang menyebabkan ibu bapa memiliki persepsi yang negatif terhadap kemampuan mereka yang secara tidak langsung dapat mempengaruhi penglibatan mereka (Mayo & Siraj, 2015). Seterusnya, kemiskinan juga memberikan kesan kepada kesihatan mental yang pada akhirnya dapat

mempengaruhi penglibatan ibu bapa serta kesedaran mereka tentang pentingnya memberikan keperluan asas kepada anak-anak mereka (Hill & Taylor, 2004).

Terdapat juga antara ibu bapa yang berasal dari kelas sosial dan ekonomi yang rendah menganggap guru sebagai orang yang bertanggungjawab untuk melakukan penglibatan. Ini menyebabkan ibu bapa kurang keyakinan diri dengan kemampuan mereka dalam membantu anak-anak dalam melakukan tugas-tugas sekolah. Selain daripada itu, ibu bapa juga kurang keyakinan sekiranya mereka perlu berkomunikasi dengan guru-guru kerana mereka merasa tidak memahami istilah-istilah pendidikan (Chavkin & William, 1993). Ibu bapa juga menjadikan alasan dari segi kekangan dari aspek bahasa juga dapat menjadi penghalang kepada mereka untuk menjalankan penglibatan bersama kanak-kanak.

5.5.1 Perbezaan Penglibatan Ibu Bapa Berdasarkan kepada Tahap Pendidikan Ibu Bapa

Berdasarkan hasil analisis dapat dinyatakan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam penglibatan ibu bapa mengikut tahap pendidikan. Ini bermakna tahap pendidikan ibu bapa samada yang memiliki tahap pendidikan tinggi, menengah atau rendah, kesemuanya mempunyai tahap penglibatan yang tidak berbeza.

Walaupun demikian, hasil kajian ini berbeza dengan hasil kajian yang dilakukan oleh Nelavathi (2004); Mardziah (2006); Arnold et al (2008); Yamamoto (2006); Lareau (2003) dan Castro et al (2004), yang menyatakan bahawa terdapat perbezaan dalam penglibatan ibu bapa berdasarkan kepada status sosio ekonomi secara amnya. Hasil kajian lain yang dilakukan oleh Arnold, Zeljo, & Doctoroff

(2008) juga menyatakan bahawa status sosio ekonomi mempunyai hubungan dengan penglibatan ibu bapa.

Berdasarkan pada analisis data, dapat dinyatakan bahawa ibu bapa dengan latar belakang pendidikan SPM mempunyai purata penglibatan ibu bapa yang paling rendah. Sedangkan ibu bapa dengan tahap pendidikan STPM memiliki tahap penglibatan ibu bapa yang paling tinggi. Namun demikian, perbezaan tersebut tidak signifikan. Hasil kajian ini tidak sama dengan hasil kajian yang dilakukan oleh Durand (2011) yang menyatakan bahawa tahap pendidikan ibu bapa memberikan perbezaan yang signifikan terhadap penglibatan di rumah maupun di sekolah. Laosa (1980) menyatakan bahawa tahap pendidikan ibu bapa lebih memberikan kesan dalam strategi yang digunakan untuk mendidik anak-anak.

Merujuk kepada pendapat McWayne (Owsianik, 2004) yang menyatakan bahawa terdapat tiga dimensi penglibatan ibu bapa, iaitu asuhan, hubungan di antara rumah dengan sekolah, dan tanggungjawab untuk memperolehi hasil pembelajaran yang baik, maka tahap pendidikan ibu bapa memberikan pengaruh yang besar pada penglibatan ibu bapa dalam dimensi yang melibatkan hubungan di antara rumah dengan sekolah. Ini disebabkan ibu bapa harus melakukan komunikasi dengan pihak sekolah dan ikut serta dalam aktiviti kanak-kanak di sekolah. Sedangkan untuk dimensi asuhan dan tanggungjawab terhadap hasil pembelajaran, dimensi tersebut tidak banyak dipengaruhi oleh tahap pendidikan ibu bapa. Justeru itu, semakin formal tahap pendidikan ibu bapa, maka semakin tinggi kemungkinan mereka mengamalkan nilai-nilai yang bersifat mainstream dalam membesarkan kanak-kanak mereka (Durand, 2011). Ini pada akhirnya akan menyumbang kepada gaya yang berbeza dalam penglibatan ibu bapa.

Laporan daripada *National Center for Children in Poverty* (2013) menyatakan bahawa tahap pendidikan yang rendah menjadi salah satu faktor yang dapat menghalang penglibatan ibu bapa. Perkara ini berlaku kerana ibu bapa merasa kurang yakin dengan tahap pendidikan yang mereka miliki. Selain daripada itu, ibu bapa lebih banyak menghabiskan masa untuk bekerja berbanding dengan meluangkan masa bersama anak-anak mereka.

Ibu bapa yang berasal dari tahap pendidikan yang rendah biasanya merasa tidak yakin dalam membantu kanak-kanak dalam menyelesaikan kerja-kerja sekolah. Ini adalah disebabkan mereka tidak memahami istilah-istilah yang digunakan dalam pendidikan serta disebabkan mereka memiliki pengalaman yang negatif di bidang pendidikan (Chavkin & William, 1993). Haykemez (2015) menyatakan bahawa ibu bapa dengan tahap pendidikan yang rendah cenderung memiliki rasa sendiri (*self-esteem*) yang rendah yang menyebabkan mereka tidak mahu melakukan aktiviti penglibatan di sekolah.

Namun demikian, hasil analisis data menyatakan bahawa kanak-kanak di PAPN secara amnya berasal daripada kalangan ibu bapa yang mempunyai tahap pendidikan menengah. Ini bermakna, pihak sekolah tidak mengalami kesukaran untuk mengajak ibu bapa terlibat dalam aktiviti sekolah.

5.5.2 Perbezaan Penglibatan Ibu Bapa berdasarkan Tahap Pendapatan Ibu Bapa

Berdasarkan hasil analisis dapat dinyatakan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara penglibatan ibu bapa berdasarkan kepada tahap pendapatan. Ini bermakna tahap penglibatan ibu bapa tidak menunjukkan perbezaan berdasarkan kepada tahap pendidikan ibu bapa.

Hasil kajian ini selari dengan kajian oleh Chavkin Williams (1989) yang menyatakan bahawa ibu bapa yang mempunyai pendapatan rendah mempunyai tahap penglibatan yang sama dengan ibu bapa yang mempunyai pendapatan menengah dan tinggi. Namun demikian, ibu bapa yang mempunyai pendapatan yang rendah memerlukan lebih banyak sokongan dan latihan untuk ikut serta secara lebih aktif. Kajian ini agak berbeza dengan kajian oleh Shriver & Kramer (1993) yang menyatakan bahawa terdapat perbezaan penglibatan ibu bapa dengan tahap pendapatan ibu bapa.

Kajian ini berbeza dengan pendapat Wanke (2008) yang menyatakan bahawa ibu bapa yang berpendapatan rendah tidak akan melakukan penglibatan ibu bapa di sekolah. Hal ini disebabkan oleh ibu bapa kurang berminat dalam melakukan penglibatan di sekolah kanak-kanak mereka. Ibu bapa yang berpendapatan rendah merasa rendah diri dan mereka merasa tidak diperlukan serta mereka merasa bahawa penglibatan mereka tidak mendatangkan manfaat bagi pihak sekolah.

Selain daripada itu, kajian juga menyatakan bahawa ibu bapa yang berasal daripada status sosio ekonomi yang rendah cenderung merasa kurang tertarik dengan aktiviti sekolah berbanding dengan ibu bapa yang berasal dari golongan sosio ekonomi tinggi. Kajian ini selari dengan pendapat Wanke (2008) yang menyatakan bahawa beberapa faktor yang menjadi kekangan bagi penglibatan ibu bapa antara lain adalah disebabkan oleh faktor ekonomi. Walaupun demikian, berdasarkan kajian ini, dapat dinyatakan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara penglibatan ibu bapa dengan tahap pendapatan.

Hasil kajian yang berbeza juga diperolehi daripada kajian yang dilakukan oleh Nelavathi (2004); Mardziah (2006); Arnold et al (2008); Yamamoto (2006);

Lareau (2003) dan Castro et al (2004) yang menyatakan bahawa terdapat perbezaan antara penglibatan ibu bapa jika dilihat dari status sosio ekonomi. Seterusnya, Yamamoto (2006) menyatakan bahawa ibu bapa yang berasal dari status sosio ekonomi yang tinggi cenderung untuk lebih terlibat aktif dalam mendapatkan sumber maklumat yang formal. Namun demikian, dalam aktiviti sekolah, ibu bapa yang berasal dari status sosio ekonomi yang tinggi, mempunyai tahap penglibatan ibu bapa yang lebih rendah.

Berbeza dengan hasil kajian oleh Durand (2015) yang menyatakan bahawa tahap pendapatan ibu bapa tidak banyak mempengaruhi tahap penglibatan ibu bapa di rumah, tetapi lebih kepada tahap penglibatan ibu bapa di sekolah. Ini disebabkan penglibatan ibu bapa di sekolah lebih memerlukan lebih banyak masa. Sedangkan ibu bapa yang berasal daripada tahap pendapatan yang rendah mempunyai jadual kerja yang tidak fleksibel berbanding dengan ibu bapa yang memiliki tahap pendapatan yang lebih tinggi.

Ibu bapa dengan tahap pendapatan yang rendah cenderung mempunyai lebih dari satu pekerjaan untuk menyara hidup. Ini menyebabkan mereka tidak mempunyai masa yang lebih fleksibel. Selain daripada itu, ketika mereka berada di rumah, mereka juga tidak membolehkan mereka untuk melakukan penglibatan kerana mereka sudah penat bekerja (Hakeymez, 2013).

Tahap pendapatan ibu bapa memberikan pengaruh terhadap tahap penglibatan ibu bapa (Durand, 2015) terutamanya yang berkaitan dengan penglibatan pada dimensi hubungan rumah dan sekolah (McWayne & Owsianik, 2005). Ini kerana, untuk melakukan penglibatan secara formal, ibu bapa memerlukan masa yang lebih

khusus sedangkan ibu bapa yang berasal daripada tahap pendapatan yang rendah cenderung untuk memiliki jadual kerja yang tidak fleksibel (Durand, 2015).

Tahap pendapatan ibu bapa yang rendah lebih banyak mempengaruhi penglibatan mereka pada saat kanak-kanak yang akan mempengaruhi kemampuan akademik kanak-kanak (Rispoli, et al, 2018). Ini selari dengan pendapat Marcon (1999) yang menyatakan bahawa ibu bapa yang memiliki tahap pendapatan yang rendah lebih banyak melakukan penglibatan dalam hal pengasuhan dan tanggungjawab terhadap hasil pembelajaran, bukan kepada penglibatan pada dimensi hubungan rumah dan sekolah.

5.6 Perbezaan Kemahiran Sosial Kanak-Kanak berdasarkan kepada Status Sosio ekonomi (Pendidikan & Pendapatan Ibu Bapa)

Menurut Grant (1998), tingkah laku kanak-kanak dibentuk oleh keluarga. Kanak-kanak yang berasal daripada status sosial yang tinggi akan mampu tinggal di sekolah lebih lama. Sedangkan kanak-kanak yang berasal daripada ibu bapa yang mempunyai tahap sosio ekonomi yang lebih rendah tidak memperolehi kesempatan untuk berkembang sebagaimana kanak-kanak yang berasal daripada kalangan sosio ekonomi yang lebih tinggi (Lareau, 2003). Ini menyebabkan timbulnya rasa istimewa yang kuat pada kanak-kanak yang berasal daripada kalangan sosio ekonomi yang tinggi. Rasa istimewa inilah yang memberikan keyakinan diri kepada kanak-kanak semasa mereka berbual, bertanya kepada orang dewasa, dan belajar bagaimana hendak menyapa orang yang lebih dewasa. Keadaan ini menyebabkan kemahiran sosial kanak-kanak yang berasal dari kalangan sosio ekonomi yang tinggi dapat berkembang dengan lebih baik.

Hasil kajian yang berkaitan dengan perbezaan kemahiran sosial kanak-kanak berdasarkan tahap pendidikan dan pendapatan dapat dijelaskan seperti berikut:

5.6.1 Perbezaan Kemahiran Sosial Kanak-Kanak berdasarkan pada Tahap Pendidikan Ibu Bapa

Berdasarkan hasil analisis, dapat dinyatakan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kemahiran sosial kanak-kanak di PAPN mengikut tahap pendidikan ibu bapa. Ini bermakna, kanak-kanak yang berasal daripada ibu bapa yang memiliki tahap pendidikan yang rendah, sederhana, mahupun tinggi, memiliki purata kemahiran sosial yang sama. Dengan demikian, dapat disimpulkan bahawa ibu bapa yang mempunyai latar belakang pendidikan SPM, STPM, dan Diploma memiliki anak yang mempunyai purata tahap kemahiran sosial yang sama. Hasil kajian ini selari dengan hasil kajian yang dilakukan Carnerio, et al (2007) yang menyatakan bahawa status sosio ekonomi tidak berpengaruh secara langsung dengan kemahiran sosial kanak-kanak. LeVine, LeVine, & Schnell (2001) juga menyatakan bahawa terdapat pengaruh unik tahap sosio ekonomi ibu bapa terhadap kemampuan kanak-kanak. Ini bermakna bahawa tahap pendidikan ibu bapa memberikan kesan kepada kemampuan kanak-kanak.

Namun demikian, hasil kajian ini berbeza dengan kajian yang dilakukan oleh Pushpalata, et al (2009), yang menyatakan bahawa kemahiran sosial sangat dipengaruhi oleh tahap pendidikan. Hasil kajian ini sama dengan hasil kajian yang dilakukan oleh Bridges, Cohen, McGuire, Yamanda, Fuller, ... dan Scott (2012) bahawa tahap pendidikan ibu bapa mempengaruhi perkembangan sosial kanak-kanak. Selain daripada itu, Cassiano, Provenzi, Linhares, Gaspardo, & Montiroso

menyatakan bahawa tahap sosiodemografis khususnya tahap pendidikan ibu bapa memberikan kesan kepada perkembangan sosial kanak-kanak.

Tahap pendidikan yang rendah menjadikan ibu bapa kurang yakin dengan kemampuan diri sendiri dalam membantu kanak-kanak membuat kerja-kerja sekolah. Selain daripada itu, ibu bapa juga menjadi kurang keyakinan diri sekiranya mereka harus berkomunikasi dengan guru-guru kerana mereka merasa tidak memahami istilah-istilah dalam bidang pendidikan (Chavkin & William, 1993). Ini menyebabkan mereka kurang terlibat dalam aktiviti kanak-kanak. Kurangnya penglibatan ibu bapa dapat menyebabkan kurang berkembangnya kemahiran sosial kanak-kakak.

Berdasarkan pernyataan tersebut, dapat disimpulkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kemahiran sosial kanak-kanak di PAPN dengan tahap pendidikan ibu bapa.

5.6.1.1 Perbezaan Kerjasama Sosial Kanak-Kanak berdasarkan Tahap Pendidikan Ibu Bapa

Hasil analisis menyatakan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kerjasama sosial dengan tahap pendidikan ibu bapa. Dengan kata lain, dapat dinyatakan bahawa kanak-kanak yang berasal daripada ibu bapa dengan tahap pendidikan samada rendah, menengah, atau tinggi mempunyai kemampuan kerjasama sosial yang sama.

Ini disebabkan kemampuan kerjasama sosial lebih dipengaruhi oleh penglibatan ibu bapa (Hosokawa, Katsura, & Shizawa, 2015) dan tahap pendidikan tidak mempengaruhi secara signifikan terhadap penglibatan ibu bapa. Walaupun

Noble, et al (2015) menyatakan bahawa tahap pendidikan ibu bapa akan membentuk interaksi antara ibu bapa dengan kanak-kanak. Kanak-kanak memerlukan rangsangan yang sangat penting untuk pertumbuhan dan perkembangannya. Selain daripada itu, laporan daripada *National Center for Children in Poverty* (2013) juga menyatakan bahawa tahap pendidikan yang rendah menjadi salah satu faktor yang dapat menghalang penglibatan ibu bapa tetapi tidak secara langsung dapat mempengaruhi kemampuan kerjasama sosial kanak-kanak.

Dengan demikian dapat dinyatakan bahawa kanak-kanak yang berasal daripada ibu bapa yang mempunyai tahap pendidikan yang berbeza memiliki tahap kemampuan kerjasama sosial yang sama.

5.6.1.2 Perbezaan Interaksi Sosial Kanak-Kanak Berdasarkan Tahap Pendidikan Ibu Bapa

Hasil analisis menyatakan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kemampuan interaksi sosial dengan tahap pendidikan ibu bapa. Dengan kata lain, dapat dinyatakan bahawa kanak-kanak yang berasal dari ibu bapa dengan tahap pendidikan samada rendah, menengah, atau tinggi memiliki kemahiran interaksi sosial yang sama.

Ibu bapa yang berasal dari tahap pendidikan yang tinggi, menengah, atau rendah memiliki tahap penglibatan yang tidak berbeza. Tahap pendidikan yang rendah menjadi salah satu faktor yang dapat menghalang penglibatan ibu bapa (*National Center for Children in Poverty*, 2013), namun, secara tidak langsung mempengaruhi kemampuan interaksi kanak-kanak.

Berdasarkan pernyataan di atas dapat disimpulkan bahawa kanak-kanak yang berasal daripada ibu bapa dengan tahap pendidikan rendah, menengah, atau tinggi memiliki kemampuan interaksi sosial yang tidak berbeza.

5.6.1.3 Perbezaan Kebebasan Sosial Kanak-Kanak Berdasarkan Tahap Pendidikan Ibu Bapa

Hasil analisis menyatakan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kebebasan sosial dengan tahap pendidikan ibu bapa. Dengan kata lain, dapat dinyatakan bahawa kanak-kanak yang berasal daripada ibu bapa dengan tahap pendidikan sama rendah, menengah, atau tinggi memiliki kemampuan kebebasan sosial yang sama.

Ini disebabkan tahap kebebasan sosial lebih dipengaruhi oleh bagaimana ibu bapa terlibat dengan kanak-kanak dan penglibatan ibu bapa tidak dipengaruhi secara signifikan oleh tahap pendidikan mereka. Ini dapat disimpulkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kebebasan sosial dengan tahap pendidikan ibu bapa.

5.6.2 Perbezaan Kemahiran Sosial Kanak-Kanak Berdasarkan kepada Tahap Pendapatan Ibu Bapa

Berdasarkan hasil analisis, dapat dinyatakan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kemahiran sosial murid di PAPN dengan tahap pendapatan ibu bapa. Hasil analisis multivariat menyatakan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada setiap dimensi kemahiran sosial antara ketiga-tiga tahap pendapatan ibu bapa. Ini disebabkan tahap kemahiran sosial tidak dipengaruhi secara langsung oleh tahap pendidikan ibu bapa, namun demikian tahap pendidikan ibu bapa mempengaruhi secara signifikan terhadap tahap penglibatan ibu bapa.

Hasil kajian ini berbeza dengan kajian yang dilakukan oleh Pushpalata, et al (2009), yang menyatakan bahawa kemahiran sosial dipengaruhi oleh status ekonomi. Namun demikian, hasil kajian ini selari dengan hasil kajian oleh Gershoff, et al (2007) yang menyatakan bahawa tahap pendapatan keluarga tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan perkembangan kanak-kanak. Ia juga menyatakan bahawa status sosial ekonomi tidak berpengaruh secara langsung dengan kemahiran sosial kanak-kanak.

Pada asasnya, tahap pendapatan ibu bapa mempengaruhi kemampuan ibu bapa dalam penyediaan kemudahan untuk merangsang perkembangan kanak-kanak. Kemudahan yang diberikan kepada kanak-kanak dapat merangsang perkembangan kanak-kanak.

LeVine, LeVine, & Schnell (2001) menyatakan bahawa terdapat pengaruh unik dari tahap sosio ekonomi ibu bapa terhadap kemampuan kanak-kanak. Ini bermakna bahawa tahap pendapatan ibu bapa memberikan kesan kepada kemampuan kanak-kanak. Dengan demikian, dapat disimpulkan bahawa perbezaan tahap pendidikan ibu bapa tidak memberikan perbezaan yang signifikan kepada tahap kemahiran sosial kanak-kanak.

Ibu bapa yang berasal dari status sosio ekonomi tahap menengah memiliki tahap keyakinan diri yang tinggi untuk berinteraksi dengan guru, memberikan sokongan dan memberikan saranan kepada kanak-kanak. Mereka percaya bahawa penglibatan mereka terhadap pendidikan anak dan dengan terlibat secara langsung merupakan peranan penting yang perlu dilakukan oleh mereka. Berbeza dengan ibu bapa yang berasal daripada kalangan sosio ekonomi yang rendah, mereka cenderung berfikir bahawa pendidikan anak mereka adalah tanggungjawab guru sehingga

mereka cenderung untuk hanya sedikit terlibat dengan pendidikan anak-anak mereka (Lareau, 2000). Mayer (2002) menyatakan bahwa kemiskinan adalah berkaitan dengan kemahiran sosio emosional. Kajian lain menyatakan bahawa meningkatnya pendapatan akan memberikan pengaruh secara positif terhadap kanak-kanak (Costello, et al, 2003; Gershoff, et al, 2007).

5.6.2.1 Perbezaan Kerjasama Sosial Kanak-Kanak Berdasarkan Tahap Pendapatan Ibu Bapa

Hasil analisis menyatakan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kerjasama sosial dengan tahap pendapatan ibu bapa. Dengan kata lain, dapat dinyatakan bahawa kanak-kanak yang berasal daripada ibu bapa yang mempunyai tahap pendapatan yang rendah, menengah, atau tinggi memiliki kemahiran kerjasama sosial yang sama.

Kerjasama sosial kanak-kanak tidak secara langsung dipengaruhi oleh tahap pendidikan ibu bapa. Namun demikian, ianya lebih dipengaruhi oleh bagaimana ibu bapa terlibat dengan aktiviti kanak-kanak. Ini disebabkan apa yang dilakukan oleh ibu bapa akan menjadi model yang akan ditiru oleh kanak-kanak. Ini sesuai dengan pendapat Bandura (1971) yang menyatakan bahawa tingkah laku kanak-kanak dapat dibentuk dengan meniru (*imitation*). Dengan demikian, dapat disimpulkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kerjasama sosial dengan tahap pendapatan ibu bapa.

5.6.2.2 Perbezaan Interaksi Sosial Kanak-Kanak Berdasarkan Tahap Pendapatan Ibu Bapa

Hasil analisis menyatakan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kemampuan interaksi sosial dengan tahap pendapatan ibu bapa.

Dengan kata lain, dapat dinyatakan bahawa kanak-kanak yang berasal daripada ibu bapa yang mempunyai tahap pendapatan yang rendah, menengah, atau tinggi memiliki kemahiran interaksi sosial yang sama.

Hasil kajian oleh Weiss & Theodore (2011) menyatakan bahawa terdapat hubungan antara penglibatan ibu bapa dengan kemahiran komunikasi sosial. Namun demikian, penglibatan ibu bapa tidak dipengaruhi secara signifikan oleh tahap pendapatan. Dengan demikian, dapat disimpulkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara interaksi sosial dengan tahap pendapatan ibu bapa.

5.6.2.3 Perbezaan Kebebasan Sosial Kanak-Kanak Berdasarkan Tahap Pendapatan Ibu Bapa

Hasil analisis menyatakan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kebebasan sosial dengan tahap pendapatan ibu bapa. Dengan kata lain, dapat dinyatakan bahawa kanak-kanak yang berasal daripada ibu bapa yang mempunyai tahap pendapatan yang rendah, menengah, atau tinggi memiliki kemampuan kebebasan sosial yang sama.

Kebebasan sosial lebih dipengaruhi oleh bagaimana proses modeling kanak-kanak (Bandura, 1971). Ini disebabkan tingkahlaku ibu bapa menyumbang kepada pembentukan tingkahlaku dan aspek perkembangan anak (Alizadeh et al., 2011; Bronfenbrenner (1979, 1989); Darling & Steinberg, 1993; M. Rubin & Kelly, 2015; Topham et al., 2011).

Kemahiran sosial khasnya kebebasan sosial adalah berhubungan secara positif dan signifikan dengan penglibatan ibu bapa. Penglibatan ibu bapa di sekolah seperti dalam bentuk komunikasi dengan guru, komunikasi dengan ibu bapa lain

akan cenderung ditiru oleh kanak-kanak. Justeru itu diharapkan kanak-kanak juga mampu mengembangkan kemampuan komunikasi mereka yang pada akhirnya dapat mengembangkan kemampuan kebebasan sosial kanak-kanak. Kemampuan penglibatan ini tidak berbeza secara signifikan dengan tahap pendapatan ibu bapa. Dengan demikian, dapat disimpulkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kebebasan sosial dengan tahap pendapatan ibu bapa.

5.7 Implikasi

Bahagian ini akan membahas mengenai implikasi dan cadangan berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi. Dapatan kajian ini menunjukkan hubungan penglibatan ibu bapa dengan kemahiran sosial kanak-kanak di Pusat Anak PERMATA Negara. Tahap pendidikan dan pendapatan ibu bapa juga diambil kira bagi melihat hubungan penglibatan ibu bapa dengan kemahiran sosial kanak-kanak di PERMATA Negara. Implikasi daripada dapatan ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara penglibatan ibu bapa dengan kemahiran sosial kanak-kanak. Penglibatan ibu bapa sedikit sebanyak telah membantu dalam kemahiran sosial kanak-kanak melalui hasil dapatan kajian yang telah diperolehi.

Implikasi terhadap teori telah memberikan beberapa impak yang penting pada perkembangan teori penglibatan ibu bapa dengan menggunakan Teori Sistem Ekologi Bronfenbrenner (1979, 1989) dan teori kemahiran sosial dengan menggunakan Teori Pembelajaran Sosial dari Albert Bandura (1971). Kedua teori ini digunakan untuk menghuraikan hubungan antara penglibatan ibu bapa dengan kemahiran sosial kanak-kanak.

Teori Pembelajaran Sosial dari Albert Bandura (1971) menyatakan bahawa tingkah laku kanak-kanak iaitu kemahiran sosial merupakan tingkahlaku yang

dipelajari melalui model yang signifikan atau individu yang dianggap penting dan dihormati dalam kehidupan kanak-kanak (Bandura, 1971). Teori ini menjelaskan bahawa kemahiran sosial kanak-kanak sebagai tingkah laku hasil daripada pembelajaran terhadap model yang berkaitan dengan penglibatan ibu bapa. Ini disebabkan ibu bapa merupakan individu yang signifikan dalam kehidupan seorang kanak-kanak.

Berdasarkan teori Pembelajaran Sosial dari Albert Bandura (1971), ibu bapa menjadi model bagi kanak-kanak. Dengan demikian, tingkahlaku ibu bapa dalam interaksinya dengan kanak-kanak akan menjadi rujukan bagi kanak-kanak. Kanak-kanak mempelajari kerjasama sosial, interaksi sosial, dan kebebasan sosial melalui interaksi dengan ibu bapa.

Kajian ini menyokong teori Bronfenbrenner (1979, 1989), Wanke (2008); Hosokawa, Katsura, & Shizawa (2015); El Nokali, Bachman, dan Elizabeth (2010); John K. Bond, 2005; Becher, 1984; Burke, 2001; Cloud, DeLeon, Eugenio, Kimber, & Wu, 1989; Epstein & Dauber, 1995; Truby, 1987; Nokali, Bachman, Drzal (2010); yang menyatakan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara penglibatan ibu bapa dengan kemahiran sosial.

5.8 Cadangan Kajian

Dapatan dari kajian ini menyatakan bahawa terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara penglibatan ibu bapa dengan kemahiran sosial kanak-kanak. Selain itu, didapati bahawa tahap kemahiran sosial kanak-kanak berada pada tahap sederhana. Kajian lanjutan tentang penglibatan ibu bapa di PERMATA Negara perlu dijalankan bukan sahaja dari segi tahap penglibatan malah, kajian lanjutan boleh melihat aspek-aspek lain dalam penglibatan ibu bapa di PERMATA Negara seperti

perbandingan penglibatan ibu bapa di antara PERMATA Negara dengan pusat-pusat didikan awal kanak-kanak yang menggunakan kurikulum dan modul PERMATA, kebarangkalian ibu atau bapa yang hadir menjalankan kajian di PERMATA Negara, penglibatan ibu bapa dalam membantu perkembangan dan pembelajaran anak-anak, penglibatan ibu bapa dalam kalangan keluarga yang pelbagai di PERMATA Negara, dan lain-lain kajian yang melibatkan penglibatan ibu bapa di PERMATA Negara bagi melihat sumbangan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak mereka bermula dari peringkat awal persekolah lagi. Selain itu kaedah-kaedah kajian boleh dipelbagaikan lagi seperti menggabungkan kaedah kuantitatif dan kualitatif bagi mengukuhkan dapatan kajian demi memperolehi keputusan yang lebih tepat. Berikut dicadangkan juga cadangan kajian bagi sekolah dan kerajaan seperti berikut:

5.8.1 Cadangan Kajian Bagi Sekolah

Sekolah dapat memberikan kesempatan yang lebih tinggi dalam memudahcara penglibatan bapa ibu dan juga lebih menyokong penerapan program penglibatan ibu bapa. Selain daripada itu, sekolah dapat merancang kurikulum yang mencakupi program penglibatan ibu bapa secara lebih berstruktur yang dapat mencakupi perancangan, pemantauan, penilaian dan penerapan program. Model Epstein dapat digunakan sebagai panduan. Selain daripada itu, sekolah juga dapat merancang projek dan aktiviti yang dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran ibu bapa sebagai suatu cara untuk meningkatkan pendapatan khususnya untuk ibu bapa yang berasal daripada kumpulan sosio ekonomi rendah. Ini dapat dilakukan dengan memberikan bengkel atau latihan berkaitan dengan perniagaan dalam skala kecil.

Guru perlu meningkatkan penglibatan mereka dengan kanak-kanak. Dengan cara ini diharapkan dapat meningkatkan kemahiran sosial kanak-kanak. Guru dapat

bersikap terbuka dan tidak memberikan penilaian yang rendah terhadap penglibatan daripada ibu bapa dalam aktiviti sekolah. Selain daripada itu, guru juga diharapkan dapat melihat ibu bapa sebagai orang yang memiliki kemahiran untuk mendidik anak masing-masing.

Guru Besar dapat memberikan latihan berkenaan dengan program penglibatan ibu bapa dan juga meningkatkan kualiti guru-guru melalui latihan. Membentuk sebuah kumpulan ibu bapa sebagai suatu medium komunikasi untuk meningkatkan komunikasi dan juga meningkatkan kemahiran ibu bapa dalam proses pengambilan keputusan berkaitan dengan pendidikan dan kualiti kanak-kanak. Selain daripada itu, guru besar dapat menarik ibu bapa untuk lebih terlibat dalam pendidikan anak-anak sehingga ibu bapa akan lebih termotivasi untuk ikut terlibat dalam aktiviti.

5.8.2 Cadangan Kajian Bagi Kerajaan

Selain daripada itu, kajian ini juga mencadangkan agar Kementerian Pendidikan Malaysia memberikan kemudahan dalam penyediaan latihan yang berkaitan dengan peningkatan penglibatan guru dalam aktiviti sekolah. Dengan demikian, diharapkan agar latihan tersebut dapat meningkatkan kerjasama sosial, interaksi sosial, dan kebebasan sosial yang pada akhirnya akan meningkatkan kemahiran sosial kanak-kanak.

Kerajaan dapat membuat panduan untuk guru dalam membuat rancangan program penglibatan ibu bapa. Selain daripada itu, kerajaan dapat memberikan sokongan dalam aspek kewangan kepada sekolah khususnya kepada sekolah yang mempunyai kewangan yang rendah sehingga mereka dapat lebih fokus dalam menyelenggarakan program penglibatan ibu bapa. Selain daripada itu, kerajaan juga

dapat menjalankan kajian yang berkaitan dengan penglibatan ibu bapa dan juga menerapkan cadangan daripada kajian tersebut agar penerapan yang lebih efektif dalam program penglibatan ibu bapa.

Implikasi daripada kajian ini juga boleh digunakan untuk melaksanakan projek yang dapat membantu ibu bapa dalam meningkatkan pendapatan. Dengan demikian, diharapkan dengan meningkat pendapatan, maka penglibatan ibu bapa menjadi lebih tinggi dan pada akhirnya kemahiran sosial kanak-kanak juga dapat ditingkatkan. Ini sesuai dengan pendapat Morison (1978) yang menyatakan bahawa tujuan daripada penglibatan ibu bapa adalah dengan menyediakan kesempatan kepada ibu bapa untuk meningkatkan penghasilan mereka melalui pendidikan. Dengan demikian, penglibatan ibu bapa dapat dilihat sebagai salah satu cara untuk keluar daripada kemiskinan.

5.9 Kesimpulan

Secara keseluruhan, bab ini menjelaskan tentang dapatan kajian, implikasi, dan cadangan kajian. Implikasi dan cadangan kajian yang diberikan kepada beberapa pihak seperti ibu bapa, guru, dan kerajaan. Selain daripada itu, cadangan juga diberikan kepada pengkaji seterusnya.

Dapatan kajian menjelaskan bahawa tahap penglibatan ibu bapa di Pusat Anak Permata Negara (PAPN) berada pada tahap sederhana. Selain daripada itu, kajian ini mendapati bahawa secara keseluruhan, dapat disimpulkan bahawa tahap kemahiran sosial kanak-kanak PAPN berada pada tahap sederhana. Terdapat 3 dimensi kemahiran sosial kanak-kanak, iaitu kerjasama sosial, interaksi sosial, dan kebebasan sosial. Berdasarkan hasil analisa data, dapat dinyatakan bahawa ketiga

dimensi kemahiran sosial kanak-kanak PAPN berada pada tahap kemahiran sosial yang sederhana. Dimensi yang paling rendah adalah dimensi kebebasan sosial.

Selain daripada itu, dapat dinyatakan bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan antara penglibatan ibu bapa dengan kemahiran sosial kanak-kanak di Pusat Anak PERMATA Negara (PAPN). Berdasarkan analisis perdimensi, juga dapat dinyatakan bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan antara penglibatan ibu bapa dengan kerjasama sosial, interaksi sosial, dan kebebasan sosial sebagai dimensi dari kemahiran sosial.

Pengkaji juga melakukan analisis terhadap perbezaan penglibatan ibu bapa berdasarkan kepada status sosio ekonomi baik dilihat dari tahap pendidikan mahupun tahap pendapatan. Hasil analisis menyatakan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara ibu bapa yang memiliki tahap pendidikan tinggi dan rendah. Walaupun kajian terdahulu menyatakan bahawa tahap pendidikan menjadi salah satu faktor yang dapat menghalang penglibatan ibu bapa. Tidak hanya itu, hasil analisis juga menyatakan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara penglibatan ibu bapa berdasarkan tahap pendapatan. Ini bermakna ibu bapa yang memiliki tahap pendidikan rendah, sederhana, atau tinggi, memiliki purata tahap penglibatan ibu bapa yang sama. Walaupun kajian terdahulu menyatakan bahawa ibu bapa yang berpendapatan rendah tidak akan melakukan penglibatan ibu bapa di sekolah.

Berdasarkan hasil analisis juga dapat dinyatakan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kemahiran sosial murid PAPN berdasarkan tahap pendidikan ibu bapa. Ini bermakna, kanak-kanak yang berasal dari ibu bapa yang memiliki tahap pendidikan rendah, sederhana, atau tinggi, memiliki purata kemahiran sosial dengan tahap yang sama. Dengan demikian, dapat pula dinyatakan

bahawa ibu bapa dengan latar belakang pendidikan SPM, STPM, dan Diploma memiliki anak dengan tingkat kemahiran sosial purata yang sama serta dapat dinyatakan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kemahiran sosial murid PAPN berdasarkan tahap pendapatan ibu bapa.

Dapatan kajian ini memberikan beberapa implikasi penting pada perkembangan Teori Pembelajaran Sosial dari Albert Bandura dan teori Sistem Ekologi Bronfenbrenner. Dapatan daripada kajian ini menyatakan terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara penglibatan ibu bapa dengan kemahiran sosial kanak-kanak. Selain daripada itu, didapati pula bahawa tahap kemahiran sosial kanak-kanak berada pada tahap sederhana. Bahkan tahap untuk dimensi kebebasan sosial hampir mendekati tahap rendah. Berdasarkan hal tersebut, dapat dicadangkan bahawa guru dan ibu bapa dapat meningkatkan penglibatan mereka dengan kanak-kanak. Harapannya, dengan lebih banyak melibatkan diri dengan kanak-kanak dapat meningkatkan kemahiran sosial kanak-kanak.

Selain daripada itu, kajian ini mencadangkan agar Kementerian Pendidikan Malaysia dapat memberikan kemudahan kepada penyediaan beberapa latihan yang berkaitan dengan peningkatan penglibatan guru dalam aktiviti sekolah. Dengan demikian, diharapkan agar latihan tersebut dapat meningkatkan kerjasama sosial, interaksi sosial, dan kebebasan sosial yang pada akhirnya akan meningkatkan kemahiran sosial kanak-kanak.

RUJUKAN

- Abd Razak Zakaria & Noraini Salleh. (2011) Konteks Keluarga dan Hubungannya dengan Penglibatan Ibubapa dalam Pendidikan Anak-Anak di Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 32-44.
- Abrams, L. S., & Gibbs, J. T. (2002). Disrupting the Logic of home-school relations: Parent involvement strategies and practices of inclusion and exclusion. *Urban Education*, 37(3), 384-407
- Abu Taleb, T. F. (2013). Parenting styles and children's social skills as perceived by Jordanian mothers of preschool children. *Early Child Development and Care*, 183(11), 1646–1660. <https://doi.org/10.1080/03004430.2012.744988>
- Abu, Z., Jamil, M., Dolah, S., Abd, H., & Anuar, N. (2012). Parenting Style and Its Effect on the Malaysian Primary School Children's School Performance. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 69(Icepsy), 1579–1584. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2012.12.101>
- Adams, M. B., Womack, S. a., Shatzer, R. H., & Caldarella, P. (2010). Parent Involvement in School-Wide Social Skills Instruction: Perceptions of a Home Note Program. *Education*, 130(3), 513–528.
- Adibah Najihah Jasmi, & Lim Chong Hin. (2014). Student-Teacher Relationship and Student Academic Motivation. *Journal of Interdisciplinary Research in Education (JIRE)*, 4(1), 75–82.
- Akhtar, P., Malik, J. A., & Begeer, S. (2016). The Grandparents' Influence: Parenting Styles and Social Competence among Children of Joint Families. *Journal of Child and Family Studies*, 1–9. <https://doi.org/10.1007/s10826-016-0576-5>
- Alizadeh, S., Abu Talib, M., Abdullah, R., & Mansor, M. (2011). Relationship between Parenting Style and Children's Behavior Problems. *Asian Social Science*, 7(12), 195–200. <https://doi.org/10.5539/ass.v7n12p195>
- Amirin, T. M (2011). *Skala Likert: Penggunaan dan Analisis Data*.
- Amy L. Weiss and Geraldine Theadore. (2011). Involving parents in teaching social communication skills to young children, *Top Lang Disorders*, 31(3), 195-209, DOI: 10.1097/TLD.0b01 13e318228027d.
- Anderson, D. H., Trinh, S. M., Caldarella, P., Hansen, B. D., & Richardson, M. J. (2018). Increasing Positive Playground Interaction for Kindergarten Students at Risk for Emotional and Behavioral Disorders. *Early Childhood*

Education Journal, 46(5), 487–496. <https://doi.org/10.1007/s10643-017-0878-2>

Ang, R. P. (2006). Effects of Parenting Style on Personal and Social Variables for Asian Adolescents. *American Journal of Orthopsychiatry*, 76(4), 503–511.

Bahagian Kurikulum PERMATA. <http://www.programpermata.my>.

Baker, A. J. L., Kessler Sklar, S., Piotrkowski, C. S., & Parker, F. L. (1999). . Kindergarten and first-grade teachers' reported knowledge of parents' involvement in their children's education, *The Elementary School Journal*, 99(4), 367-380

Bandura, A. (1965). Influence of model's reinforcement contingencies on the acquisition of imitative responses. *Journal of Personality and Social Psychology*, 1(6), 589–595. <https://doi.org/10.1037/h0022070>

Bandura, A. (1977). *Social Learning Theory*. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice Hall.

Bandura, A., Ross, D., & Ross, S. A. (1963). Imitation of Film-Mediated Aggressive Models. *Journal of Abnormal and Social Psychology*, 66(1), 3–11. Retrieved from http://www.nhsggc.org.uk/media/222814/Paper_1_6th_November_Bandura_Film-1.pdf

Barbarin, O., & Jean-Baptiste, E. (2013). The relation of dialogic, control, and racial socialization practices to early academic and social competence: Effects of gender, ethnicity, and family socioeconomic status. *American Journal of Orthopsychiatry*, 83(2,3), 207–217. <https://doi.org/10.1111/ajop.12025>

Barber, B. K. (1996). Parental Psychological Control: Revisiting a Neglected Construct. *Child Development*, 67, 3296–3319.

Barber, R. J., & Patin, D. (1997). Parent involvement: A two-way street. *Schools in the Middle*, 6, 31-33.

Bartholomeu, D., Montiel, J. M., Fiamenghi, G. A., & Machado, A. A. (2016). Predictive Power of Parenting Styles on Childrens Social Skills: A Brazilian Sample. *SAGE Open*, 1–7. <https://doi.org/10.1177/2158244016638393>

Baumrind, D. (1966). Effects of authoritative parental control on child behaviour. *Child Development*, 37(4), 887–907.

Baumrind, D. (1967). Child care practices anteceding three patterns of preschool behavior. *Genetics Psychology Monographs*.

- Baumrind, D. (1971). Current patterns of parental authority. *Developmental Psychology Monograph*, 4(1), 1–103.
- Baumrind, D. (1978). Parental disciplinary patterns and social competence in children. *Youth & Society*, 9(3), 239–267. <https://doi.org/10.1177/0044118X7800900302>
- Baumrind, D. (1991). The Influence of Parenting Style on Adolescent Competence and Substance Use. *The Journal of Early Adolescence*, 11(1), 56–95. <https://doi.org/10.1177/02724316911111004>
- Baumrind, D. (2005). Patterns of parental authority and adolescent autonomy. *New Directions for Child and Adolescent Development*, (108), 61–69. <https://doi.org/10.1037/h0030372>
- Baumrind, D., & Black, A. E. (1967). Socialization Practices Associated with Dimensions of Competence in Preschool Boys and Girls. *Child Development*, 38(2), 291–327.
- Becher, R. (1984). *Parent involvement: A review of research and principles of successful practices*. Washington, DC: National Institute of Education.
- Belsky, J., & MacKinnon, C. (1994). Transition to school: developmental trajectories and school experiences. *Early Education and Development*, 5(2), 106–119.
- Berk, L.E (2013). *Development through the Lifespan*. US: Mayfield Publishing Company.
- Bierman, K. L., Torres, M. M., Domitrovich, C. E., Welsh, J. A., & Gest, S. D. (2009). Behavioral and Cognitive Readiness for School: Cross-Domain Associations for Children Attending Head Start. *Social Development*, 18(2), 305–323. <https://doi.org/10.3109/02656736.2015.1007538>.Histotripsy
- Black RE, Levin C, Walker N. (2016). Reproductive, maternal, newborn, and child health: key messages from Disease Control Priorities 3rd Edition. *Lancet*. 2016; (published online April 9.)10.1016/S0140-6736(16)00738-8.
- Bøe, T., Sivertsen, B., Heiervang, E., Goodman, R., Lundervold, A. J., & Hysing, M. (2014). Socioeconomic status and child mental health: The role of parental emotional well-being and parenting practices. *Journal of Abnormal Child Psychology*, 42(5), 705–715. <https://doi.org/10.1007/s10802-013-9818-9>
- Bornstein, M. H. (Ed.). (2002). *The Handbook of Parenting (Volume 2): Biology and Ecology of Parenting (2nd ed., Vol. 2)*. New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates, Inc. <https://doi.org/10.2307/353999>

- Bradley, R. H., & Corwyn, R. F. (2002). Socioeconomic Status and Child Development. *Annu. Rev. Psychol.*, 53, 371–99. <https://doi.org/10.1146annurev.psych.53.100901.135233>
- Braza, P., Carreras, R., Muñoz, J. M., Braza, F., Azurmendi, A., Pascual-Sagastizábal, E., Sánchez-Martín, J. R. (2015). Negative Maternal and Paternal Parenting Styles as Predictors of Children's Behavioral Problems: Moderating Effects of the Child's Sex. *Journal of Child and Family Studies*, 24(4), 847–856. <https://doi.org/10.1007/s10826-013-9893-0>
- Brent D. R. dan Stewart, L.P. (2006). *Communication and Human Behavior*, edisi ke lima, Pearson. ISBN. 978-0205417902.
- Bridges, M., Cohen, S., McGuire, L., Yamanda, H., Fuller, B., Mireles, L., & Scott, L. (2012). Measuring the social behaviors of Mexican American children. *Early Childhood Research Quarterly*, 27, (3), 555-567.
- Brislin, R. W. (1986). The wording and translation of research instruments. *Field Methods in Cross-Cultural Research*, 137–164. <https://doi.org/10.1037/0022-3514.90.4.644>
- Britto et al (2017). Nurturing care: promoting early childhood development, *Pub Med*, 7;389(10064):91-102. doi: 10.1016/S0140-6736(16)31390-3.
- Broekhuizen, M. L., Mokrova, I. L., Burchinal, M. R., Garrett-peters, P. T., & The Family Life Project Key Investigators. (2016). Classroom quality at pre-kindergarten and kindergarten and children's social skills and behavior problems. *Early Childhood Research Quarterly Classroom*, 36, 212–222. <https://doi.org/10.1016/j.ecresq.2016.01.005>
- Bronfenbrenner, U. (1979). *The Ecology of Human Development: Experiments by Nature and Design*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Bronfenbrenner, U. (1989). Ecology system theory. In: Vasta, R. (ed.) 1989 *Six Theories of Child Development: Revised Formulations and Current Issues*. Vol. 6. J AI Press, Greenwich, Connecticut.
- Bronfenbrenner, U. (1994). Ecological models of human development. In *International Encyclopedia of Education* (Vol. 3, 2nd ed.). Oxford: Elsevier.
- Brook, J. B. (2001). *Parenting* (3rd ed.). US: Mayfield Publishing Company.
